

Jilid II  
Bil. 63



Hari Selasa  
6hb Disember, 1988

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PBRNYAAN-PRNYAAN**  
[Ruangan 10865]

**USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 10991]**

**Usul Rang Undang-undang Persendirian—**

**Meminda Akta Pertubuhan 1966—Y.B. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah (Gua Musang) [Ruangan 10915]**



**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT .**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteh Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJIAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.H.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UCGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ **DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).**
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,  
A.M.N. (Pontian).

- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN III GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIF SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI Au, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.  
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek  
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.  
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL, GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,  
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J.  
(Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* T SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K(Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman. -

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim



MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT**

---

**Selasa, 6hb Disember, 1988**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**LANGKAWI DAN LABUAN—  
STATUS BEBAS CUKAI**

**1. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Kewangan menyatakan perbezaan di antara Pulau Langkawi dan Labuan dari segi status bebas cukai.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, perbezaan yang wujud di antara status bebas cukai bagi Langkawi dan Labuan ialah dari segi cukai-cukai yang dikenakan ke atas barangan di kedua tempat tersebut.

Bagi Langkawi, cukai yang dikenakan ke atas barangan di situ hanyalah duti import atas bahan petroleum, simen, marmar, getah dan ikan bilis. Cukai tokok, duti eksport, cukai eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan masih belum dikenakan atas apa-apa barangan di situ.

Berkaitan Labuan pula, barangan yang dikenakan cukai adalah seperti berikut:

- (i) duti import dan duti eksais dikenakan ke atas minuman

keras, tembakau, cerut, rokok, mancis dan bahan petroleum yang diimport ataupun di kilang di situ;

- (ii) cukai jualan dikenakan ke atas minuman keras, tembakau, cerut dan rokok yang diimport ke Labuan;
- (iii) cukai perkhidmatan adalah dikenakan ke atas semua barangan dan perkhidmatan yang tertakluk kepada cukai tersebut.

Cukai tokok dan duti eksport masih tidak dikenakan ke atas apa-apa barangan di Labuan.

**Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Untuk memajukan Labuan dari segi sektor perdagangan, salah satu caranya ialah untuk memberikan taraf bebas cukai kepada semua barangan yang telah didagangkan di Labuan ini, termasuklah bahan-bahan petroleum, rokok, cerut, mancis dan arak. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi pengecualian ini kepada Labuan pada masa akan datang?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang dan pada masa hadapan kelak, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi status bebas cukai seperti yang kita berikan kepada Langkawi. Ini adalah kerana latar belakang yang sedia ada. Konsep bebas cukai Labuan ini adalah konsep conventional iaitu apabila Labuan dijadikan sebahagian dari Malaysia.

Apabila Labuan di bawah pemerintahan pihak British, Labuan menikmati pelabuhan bebas cukai secara konsep conventional iaitu dengan konsep mi, rokok, minuman keras dan sebagainya, dan apa yang saya sebutkan tadi tidak dikecualikan dari cukai di Labuan dan oleh kerana petroteam adalah satu hasil Kerajaan Pusat, petroleum pula tidak dikecualikan dari cukai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Joe Ojhi Supiring.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Joe Ojhi Supiring tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir),*

#### SURUHANJAYA BERSAMA MALAYSIA-THAILAND

**4. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan: -

- (a) setakat manakah Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thai yang ditubuhkan pada bulan Jun 1987 telah mendatangkan manfaat kepada Malaysia dalam bidang ekonomi; dan
- (b) apakah rintangan-rintangan yang menghalang keberkesanan Suruhanjaya Bersama itu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, (a) Penubuhan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand pada bulan Jun 1987 telah dianggap berjaya. Pelbagai isu dua hala antara Malaysia dan Thailand telah dapat diperbincangkan melalui Jawatankuasa-jawatankuasa kecil

yang telah dibentuk di bawah Suruhanjaya Bersama Malaysia/Thailand ini. Dalam bidang ekonomi faedah yang diperolehi oleh Malaysia setakat ini adalah seperti berikut:

- (i) Kerjasama dalam bidang pelancongan bertujuan meningkatkan pelancongan dari Eropah, Jepun dan Kanada untuk melawat kedua-dua buah negara. Di samping itu dipersetujui juga supaya Jawatankuasa Kecil Bersama Pelancongan Malaysia/Thailand berusaha untuk menggalakkan pelancongan di antara kedua-dua negara;
  - (ii) meningkatkan dan melicinkan pergerakan keluar-masuk rakyat dan kenderaan di kawasan sempadan kedua negara. Ini akan dapat meningkatkan lagi kerjasama ekonomi di antara kedua negara;
  - (iii) Malaysia telah dibenar mengadakan penerbangan ke Phuket dan Chiangmai; Thailand pula beri kesempatan mengadakan penerbangan ke Kuching dan Kota Kinabalu.
- (b) Sehingga kini tidak terdapat rintangan-rintangan yang menyekat keberkesanan Suruhanjaya Bersama Malaysia/Thailand.

**Tuan Hashim bin Safin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam kejayaan kerjasama dan hubungan isu dua hala di antara Malaysia/Thai ini khususnya kepada hal pelancongan, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri siapa yang lebih berjaya untuk menarik pelancong dan yang mana lebih ramai, pelancong Thailand ke Malaysia atau pelancong Malaysia ke Thailand? Kalau mana-mana yang

lebih, apakah sebab yang perlu sebagai panduan, kalau Yang Berhormat boleh menjelaskan.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka yang tepat tetapi pada umumnya kita dapati bahawasanya pelancong antara Malaysia dan Thailand terdapat pelancong daripada Malaysia yang lebih banyak pergi melawat ke negeri Thailand, juga daripada pelancong antarabangsa terdapat juga mereka lebih banyak pergi ke Thailand kalau dibandingkan dengan Malaysia. Itu sebab kita menggunakan Suruhanjaya Bersama ini untuk kita membawa pula pelancong-pelancong daripada luar yang datang ke Thailand untuk terus datang ke Malaysia untuk kita sama-sama menikmati kerjasama pelancong-pelancong yang datang ke Thailand untuk terus melancong ke Malaysia. Pihak Thailand telah sanggup untuk bekerjasama oleh kerana mereka tahu pelancong Malaysia banyak pergi ke Thailand, maka mereka hendak bantu kita supaya pelancong-pelancong yang lain itu pula datang ke Malaysia.

## INDUSTRI INSURANS

**5. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rancangan Kerajaan bagi memulihkan ketenatan industri insurans tempatan serta bagaimana-kah langkah Kerajaan bagi membendung pengaliran premium insurans ke luar negeri dan meningkatkan keupayaan modal dan aset syarikat-syarikat insurans tempatan.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah utama yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memulihkan syarikat-syarikat insurans termasuklah:

- (i) meminta syarikat-syarikat insurans yang kecil menambahkan modal dibayar

masing-masing. Syarikat-syarikat insurans dinasihatkan supaya mengeluarkan saham-saham baru kepada pihak-pihak yang berkemampuan membelinya;

- (ii) menggalakkan penyatuan antara syarikat-syarikat insurans yang kecil bagi mengukuhkan kedudukan mereka; dan
- (iii) meningkatkan tarat profesionalisme dalam industri insurans dengan meminta Institut Insurans Malaysia menganjurkan lebih banyak kursus-kursus yang sesuai untuk melatih kakitangan syarikat insurans.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah pengaliran premium insurans ke luar negeri, Kementerian telah pun menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya, iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pontian pada 25-10-1988 yang lalu. Kementerian tidak bercadang mengulangi jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan keupayaan modal dan aset syarikat-syarikat insurans tempatan, termasuklah:

- (i) mengawasi dengan lebih rapi pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh syarikat-syarikat insurans bagi memastikan kekesannya;
- (ii) meminta syarikat-syarikat insurans tempatan menubuhkan satu, dengan izin, "under writing pool" bagi memenuhi keperluan insurans risiko-risiko besar;
- (iii) menggalakkan penyatuan di kalangan syarikat-syarikat insurans yang kecil;

- (iv) meminta syarikat-syarikat insurans menambah modal ke paras yang lebih munasabah; dan
- (v) mengadakan penyeriksaan yang lebih kerap bagi memastikan keupayaan dan keutuhan syarikat-syarikat insurans.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi nampaknya Kerajaan amat berminat untuk menolong syarikat-syarikat insurans. Saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat dan ini merupakan soalan, pada masa sekarang semua bangunan-bangunan Kerajaan tidak mengambil insurans, termasuk Parlimen yang mulia ini. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk mensyaratkan semua bangunan Kerajaan dimestikan mengambil insurans dan dengan itu kita beri kuota kepada syarikat-syarikat ini untuk mendapatkan insurans daripada semua bangunan-bangunan Kerajaan dan juga harta-harta Kerajaan di Malaysia?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini adalah cadangan yang baik, saya akan mengambil perhatian.

#### BAHASA MANDARIN BAGI PELAJAR MELAYU

6. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pendidikan menyatakan rancangan konkrit yang diambil untuk menggalakkan pelajar-pelajar berketurunan Melayu yang fasih dan cekap dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris mempelajari bahasa Mandarin sebagai mata pelajaran pilihan dan sama ada Kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak wang dalam usaha meningkatkan bahasa Mandarin; jika ya, beri butir-butir lanjut.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah tumpuan dan pengukuhan diberikan kepada pengajaran pembelajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan merasai belum tiba masanya untuk membentuk satu program bahasa Mandarin yang khusus bagi pelajar-pelajar Melayu. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar Melayu boleh memohon untuk mempelajari bahasa Mandarin kalau mereka berminat. Justeru itu soal peruntukan wang yang lebih banyak tidak timbul.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, kita dapati ramai sekali para pelajar berketurunan Melayu yang fasih dan cekap dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris mempelajari bahasa Mandarin, terutamanya di universiti-universiti tempatan kini. Saya dapati setelah mereka pandai dan juga boleh menulis, saya dapati tenaga serta usaha mereka itu membazir begitu sahaja kerana mereka itu tidak ada kesinambungan terhadap pelajaran itu, tidak ada amalan, tidak ada praktiknya. Jadi, apakah usaha-usaha yang patut diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan bagi memastikan bahawa pelajaran yang diamalkan di universiti-universiti itu dalam soal bahasa Mandarin dapat dipraktikkan, dapat dilaksanakan, apakah program yang khusus?

Soalan yang kedua, apa sebab jawapan yang diberikan tadi dikatakannya belum tiba masanya?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan saya, saya katakan kita belum tiba masa untuk menetapkan satu program tetap untuk

pelajar-pelajar Melayu mempelajari bahasa Mandarin ialah sebab kita kekurangan bilik darjah dan kekurangan guru yang dapat mengajar bahasa Mandarin sekiranya jumlah pelajar-pelajar di sekolah menengah negara kita ini yang berjumlah 1.3 juta itu semuanya berminat untuk mempelajari bahasa Mandarin dan kita tidak dapat menunaikan hasrat ibu bapa mereka. Langkah-langkah sudah diambil untuk memasukkan pembelajaran dan pengajaran bahasa Mandarin di dalam jadual waktu persekolahan dan sebab itu pelajar-pelajar tidak kira kaum yang berminat bolehlah dan ada peluang untuk mempelajari bahasa Mandarin ataupun lagi satu bahasa.

Pada masa sekarang Kementerian Pendidikan belum memikirkan bagaimana kita dapat memberikan peluang untuk pelajar-pelajar mengamalkan bahasa Mandarin selepas mereka keluar dari universiti-universiti tetapi kita menggalakkan graduan-graduan itu bercampur-gaul dengan rakan-rakan lain yang berbahasa Mandarin yang khas sekali di bidang-bidang perniagaan dan lebih banyak peluang akan timbul apabila kita dapat satu perniagaan kebangsaan dengan orang perniagaan dari Taiwan dan Republic of China dan dengan orang-orang yang berbahasa Mandarin dari luar negeri dan dengan rakan-rakan di negara kita juga.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab mengatakan bahawa buat masa sekarang tidak ada cukup darjah dan tidak ada cukup guru-guru untuk mengajar mata pelajaran Mandarin tetapi sebelum itu Yang Berhormat itu menjawab soalan Yang Berhormat dari Sandakan mengatakan tidak ada timbul oleh kerana Kerajaan setakat ini tidak ada niat untuk menggalakkan pelajar-pelajar Melayu untuk belajar

mata pelajaran Tionghua. Jadi, apakah lojik ini? Ini di dalam satu pihak dia kata tidak cukup darjah dan tidak cukup guru dan lagi satu pihak dia kata tidak mahu beh wang lebih untuk melatih lebih banyak guru atau tambahan bilik-bilik darjah. Apakah lojik ini?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sudah saya katakan kita ada 1.3 juta murid di negara kita ini ada sebab itu kita kekurangan guru yang dapat mengajar bahasa Mandarin. Sekiranya kita menggalakkan semua murid-murid dan pelajar-pelajar di sekolah menengah untuk mempelajari bahasa Mandarin, bagaimana kita dapat kakitangan ini, dan kita berhasrat ramai murid-murid pada masa sekarang dapat menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan ada ramai juga pelajar-pelajar khasnya di luar bandar yang tidak berpeluang untuk mempertingkatkan bahasa Inggeris.

Sekiranya kita tambah tagi satu tugas ataupun satu matapelajaran seperti bahasa Mandarin kepada mereka, atau tidak mereka untuk mempelajari bahasa itu dengan berkesan. Itu satu perkara dari segi pendidikan. Kita mesti timbang perkara itu dan bagaimanapun seperti yang telah saya jawab beberapa kali di Dewan ini, Kerajaan sudah mengambil langkah yang positif untuk menambah, melatih guru-guru untuk mempelajari bahasa Mandarin dua kali ganda di Maktab-maktab Perguruan.

Pada tahun ini kita sudah ambil 120 pelatih untuk mengikuti Kursus Bahasa Mandarin dan selepas itu menjadi guru untuk raengajar bahasa Mandarin di sekolah menengah dan semua langkah-langkah positif ini sudah diambil dan pada satu tahap langkah di hadapan, memang kita akan mampu untuk menggalakkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar

Melayu untuk mempelajari bahasa Mandarin.

### PENDAETARAN KONTRAKTOR-KONTRAKTOR

7. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dengan keadaan Pusakabumi untuk mendaftarkan semua kontraktor-kontraktor kita di negara kita sebab apakah masih terdapat beberapa Kerajaan-kerajaan Negeri dan Agensi-agensi Kerajaan yang memerlukan pendaftaran sendiri untuk kontraktor-kontraktor. Bukankah ini satu langkah yang membelakangkan usaha-usaha yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengurangkan "red-tape" dalam sistem administrasi di negara kita;
- (b) sebab apakah pihak Pusakabumi memerlukan pembaharuan lesen-lesen Kontraktor setiap tahun dan setiap kali pembaharuan berlaku, suatu siasatan yang begitu panjang dan "repetative" berlaku sebelum lesen-lesen tersebut dapat dibaharui. Bolehkah pihak berkuasa memberi pembaharuan tersebut secara automatik untuk mengurangkan bebanan kontraktor-kontraktor tersebut; dan
- (c) apakah rasional untuk pihak Pusakabumi mengenakan suatu pembayaran yang berhampiran \$1000 ringgit setiap kali lesen perlu dibaharui. Bukankah ini satu beban yang besar kepada kontraktor dan di manakah mereka menggunakan peruntukan yang begitu besar.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Agensi-agensi Pusat yang dipertanggungjawabkan untuk mendaftar syarikat-syarikat yang ingin ber-

urusniaga dengan Kerajaan hanyalah Pusat Khidmat Kontraktor di Jabatan Perdana Menteri bagi bidang kontrak kerja dan Kementerian Kewangan bagi bidang bekalan dan perkhidmatan. Pendaftaran ini adalah meliputi semua Agensi Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri. Walau bagaimanapun bagi Sabah dan Sarawak perlaksanaannya diuruskan buat masa ini oleh Jabatan Negeri masing-masing. Pemusatan Pendaftaran di negeri-negeri tersebut masih dalam peringkat perbincangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang benar ada sebilangan kecil agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti LLN dan FELCRA yang menjalankan kegiatan pendaftaran syarikat, tetapi sebenarnya agensi-agensi tersebut tidak menjalankan pendaftaran seperti Pusat Khidmat Kontraktor atau Kementerian Kewangan. Agensi-agensi ini hanya menjalankan pendaftaran bagi maksud pentadbiran dan mengenalpasti kontraktor-kontraktor bagi bidang-bidang yang khusus yang berkaitan dengan kegiatan agensi tersebut sahaja tanpa dikenakan apa-apa bayaran "fee".

Untuk makluman Yang Berhormat, Pusakabumi telah digantikan dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Pembaharuan pendaftaran yang disyaratkan ialah tiap-tiap dua (2) tahun dan bukannya setahun sekali. Pembaharuan dan siasatan lanjut adalah perlu bagi memastikan syarikat sentiasa mematuhi syarat-syarat pendaftaran seperti pemilikan ekuiti dan lain-lain syarat. Dengan itu pembaharuan secara automatik tidak boleh dilakukan.

Bayaran atau "fee" yang dikenakan adalah termaktub di dalam Akta Fee Pendaftaran 1984 dan kadar "fee" yang dikenakan adalah berasaskan kelas-kelas dan kemampuan kewangan syarikat. "Fee" ini juga menentukan bahawa kontraktor

benar-benar mampu dan serius dalam melaksanakan kontrak-kontrak Kerajaan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama ialah adakah Yang Berhormat sedar bahawa pendaftaran kontraktor-kontraktor ini adalah kadang-kadang prosesnya memakan masa begitu lama. Kalau sedar, sama ada ini disebabkan oleh kelalaian pihak pegawai yang memproses ataupun tingkat-tingkat (the step), dengan izin, taken adalah begitu panjang. Itu satu.

Yang keduanya, apakah keutamaan yang diberi dalam memproses perkara ini ataupun keutamaan apa yang diperlukan sangat. Adakah ianya mempersoalkan aspek equity sebagaimana disebutkan ataupun yang lain-tain kerana equity ini kadangkala window curtain sahaja kadang-kadang di belakangnya bukan bumiputera tetapi di depannya semua bumiputera. Jadi bagaimana pula keberkesanan pihak Kerajaan dalam menentukan sama ada window dressing ini dapat dikesan atau tidak.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang terdapat beberapa rungutan tentang kelambatan pendaftaran syarikat-syarikat ini dijalankan oleh pihak Pusat Khidmat Kontraktor ini. Ini mungkin disebabkan oleh urusan dalam usaha meneliti borang-borang permohonan dan saya hendak jawab sekali dengan soal kedua itu. Salah satu daripada sebabnya ialah pihak kita (Pusat Khidmat Kontraktor) terpaksa menyiasat syarikat-syarikat itu. Kita tidak memberi tarikh siasatan yang kita akan lakukan. Kita akan membuat lawatan mengejut untuk melihat sendiri, apakah benar-benar seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat di depannya bumiputera, belakangnya bukan Melayu. Itu yang kita jalankan, kadang-kadang kita telefon, kita siasat siapa yang

menandatangani cek-cek pembayaran bagi syarikat berkenaan untuk memastikan bahawa benar-benar apa-apa yang tertera di dalam borang permohonan itu dapat di sahkan oleh pihak PKK.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pada masa ini pihak Pusakabumi khususnya di peringkat Negeri telah diperuntukkan kuasa bagi memberikan lesen-lesen sehingga Kelas "D" sahaja. Soalnya adakah pihak Pusakabumi atau pihak Pusat Khidmat Kontraktor bercadang untuk meningkatkan lagi pemberian kuasa ini kepada kelas yang tinggi seperti Kelas "F", "C", "B" dan sebagainya. Adakah juga cadangan untuk mengkaji semula tentang syarat-syarat melonggarkan syarat-syarat bagi kelulusan sesuatu lesen yang dikehendaki seperti yang dinyatakan tadi; dan

Yang kedua, saya ingin bertanya adakah benar bahawa pihak Pusakabumi selalu mengambil tindakan kepada pemborong-pemborong kontraktor-kontraktor bumiputera yang hanya melakukan kesilapan yang kecil dengan terlewat sedikit kerja yang dilakukan, akibatnya lesen mereka digantung. Kalau sedar, apakah tindakan Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Tuan Othman bin Abdul:** Sebenarnya peringkat Negeri hanya dibenarkan mengeluarkan lesen ke Peringkat "C" yang mana Pegawai Kemajuan Negeri adalah menjadi Pengerusi Pusat Khidmat Kontraktor ini. Kerajaan sentiasa menimbangkan permohonan-permohonan jika sekiranya difikirkan perlu maka usaha atau permohonan Yang Berhormat ini akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Dalam soalan yang kedua, adalah tidak tepat mengatakan bahawa pihak PKK ini mengambil tindakan kepada pemborong-pemborong bumiputera

yang melakukan kesalahan kecil. Biasanya, sampai satu, dua dan tiga kali kita memberikan amaran, memberikan nasihat, kemudian nasihat dan amaran barulah kita ambil tindakan. Kalau sekiranya kesalahan-kesalahan kecil itu memang berlaku dan sekiranya berlakulah keadaan sebagaimana Yang Berhormat sebutkan, saya inginlah menafikan bahawa sememangnya tidak ada yang dilakukan, tindakan dilakukan oleh pihak PKK dalam usaha untuk menggantung lesen pemborong-pemborong bumiputera yang kecil kerana disebabkan kesalahan-kesalahan yang dilakukannya itu adalah kecil.

### EKUITI ASING SEKTOR PERKILANGAN

8. **Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan garis panduan pelaburan dari negeri dan apakah ianya tidak diikuti atau dilonggarkan terutama mengenai ekuiti tempatan yang tidak kurang daripada 30%. Apakah dengan kelonggaran itu Kerajaan sudah konsisten dengan dasar atau garis panduan yang telah dipersetujui.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kelonggaran dalam syarat-syarat penyertaan ekuiti asing bagi sektor perkilangan hanya diberi kepada syarikat-syarikat yang menepati syarat seperti berikut:

- (a) Sesebuah syarikat boleh memegang ekuiti asing sebanyak 100% jika ianya mengeksport 80% atau lebih daripada pengeluarannya.
- (b) Untuk pelaburan asing yang baru dalam industri-industri di mana keluaran-keluarannya tidak akan berasing dengan keluaran-keluaran tempatan

untuk pasaran dalam negeri, sesebuah syarikat adalah dibenarkan untuk memegang ekuiti asing sebanyak 100% jika:

- (i) ianya mengeksport 50% atau lebih daripada pengeluarannya; atau
- (ii) ianya menjual 50% atau lebih pengeluarannya kepada syarikat-syarikat di Kawasan Perdagangan Bebas atau di Gudang Perkilangan Berlesen; atau
- (iii) ianya menggunakan sekurang-kurangnya 350 pekerja-pekerja Malaysia sepenuh masa.

Akan tetapi, kelonggaran tersebut hanya dikenakan kepada yang permohonan diterima untuk tempoh terhadap iaitu daripada 1hb Oktober, 1986 hingga 31hb Disember, 1990.

- (c) Untuk syarikat-syarikat asing yang berorientasikan pasaran tempatan mereka dibenarkan memegang ekuiti asing sebanyak 100% jika mereka tidak dapat mencari rakan usahasama yang sesuai, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
  - (i) syarikat tersebut mestilah mengeksport sekurang-kurangnya 20% daripada pengeluarannya;
  - (ii) syarikat tersebut mestilah menghubungi pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekiranya ia tidak mencari rakan usaha-sama tempatan yang sesuai; dan
  - (iii) bagi projek-projek pertanian yang bersepadu,

hal ehwal tanah adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Kerajaan Negeri.

Bagaimanapun, kelonggaran tersebut hanya boleh dinikmati oleh syarikat asing untuk tempoh 5 tahun sahaja, yang mana selepas itu syarikat berkenaan perlu mengstrukturkan semula mengikut syarat-syarat asal kelulusan dan syarat-syarat biasa dikenakan seperti projek-projek tempatan. Untuk projek-projek yang berorientasikan pasaran tempatan, di mana hakmiliknya merupakan majoriti tempatan, syarat 30% ekuiti yang dikhaskan untuk bumiputera masih dikenalkan dan syarikat-syarikat wajar mematuhi syarat tersebut.

- (d) Kerajaan telah mengumumkan kelonggaran dalam garis-garis panduan pelaburan dari luar negeri untuk menarik pelaburan asing memandangkan terdapat persaingan hebat di antara negara-negara di rantau ini untuk mewujudkan iklim pelaburan yang menarik. Seharang kelonggaran yang diberi itu adalah pragmatis dan berpandukan kepada dasar yang ditetapkan.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada syarat-syarat penyertaan ekuiti yang ditetapkan bagi pelabur-pelabur asing, bagaimanakah pula pihak Kerajaan menentukan syarikat-syarikat asing itu mematuhi beberapa perkara penting yang lain seperti peluang-peluang pekerjaan berasaskan semangat Dasar Ekonomi Baru, bukan sahaja untuk pekerja-pekerja peringkat rendah tetapi juga peringkat eksekutif dan peringkat yang lebih tinggi. Dan seperti layanan terhadap pekerja-pekerja tempatan, umpamanya biasa digambarkan kepada pelabur-pelabur

asing, mereka digalakkan masuk ke negara kita kerana tenaga buruh di sini dianggap rendah, murah. Dengan yang demikian, mendorong mereka bersikap melayani pekerja-pekerja kita setaraf dengan harga yang murah itu dan dengan yang demikian ada setengah-setengah sektor tidak begitu menerima penubuhan kesatuan sekerja yang melindungi pekerja-pekerja.

Dan satu lagi bagi menentukan supaya pemindahan teknologi dilakukan kerana ketiga-tiga perkara yang saya sebutkan tadi adalah kepentingan negara patut kita lindungi walaupun dalam usaha kita hendak menarik pelabur asing, kita terpaksa melonggarkan syarat-syarat tetapi saya percaya Kerajaan juga mestilah memerhati dan melindungi kepentingan negara dan rakyat sendiri.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kerajaan kita mesti selalu menjaga kepentingan negara kita. Di sini saya hendak menyatakan bila satu permohonan diterima oleh MIDA, di sana hutir-butir projek-projek mereka mesti diberikan. Di sana MIDA akan mengkaji dari beberapa segi, semua untuk tujuan demi kepentingan negara dan di sini saya hendak menjamin kepada Yang Berhormat, MIDA adalah mengkaji dengan telitinya.

Berkaitan guna tenaga itu ialah betul, Kerajaan kita mesti melindungi kepentingan pekerja-pekerja, di sini Kementerian Buruh ada satu wakil di dalam jawatankuasa yang berkenaan di MIDA untuk mengkaji permohonan-permohonan.

**Tuan Gerard Math Lee Min:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini percantuman dua syarikat iaitu Malayan Brewery dengan Guinness Malaysia dibenarkan tetapi hanya 10% ekuiti bumiputera terwujud. Mengapa keadaan ini dapat dipersetujui oleh pihak Kerajaan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan itu spesifik, saya minta notis.

### JAWATANKUASA KHAS PELABURAN

9. **Tuan Chew Kam Hoy** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tujuan dan objektif di sebalik penubuhan Jawatankuasa Khas Pelaburan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan asing.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang diketahui tidak ada Jawatankuasa Khas Pelaburan.

Pihak Kerajaan dalam usahanya yang berterusan untuk menarik lebih banyak pelaburan-pelaburan asing telah pun memperkenalkan beberapa langkah baru-baru ini. Di antara langkah-langkah ini yang penting ialah pengenalan galakan-galakan pelaburan yang diperbaiki untuk sektor perKuangan dengan berkuatkuasanya Akta Penggalakan Pelaburan 1986 mulai 1hb Januari 1986; kelonggaran peraturan mengenai Lesen Perkilangan; kelonggaran garis-garis panduan mengenai penyertaan ekuiti asing dan penggunaan pekerja asing; dan pembaikan Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport untuk memudahkan para pengeksport Malaysia bersaing dengan lebih berkesan dalam pasaran antarabangsa seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sekejap tadi.

Dari segi langkah-langkah perhubungan awam pula, aktiviti-aktiviti yang masih dijalankan ialah melalui publisiti yang meluas di media-media dalam dan luar negeri. Publisiti ini adalah berkaitan dengan pembangunan perindustrian dan

peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Para wartawan asing dari majalah perniagaan, jurnal perindustrian serta akhbar perniagaan tertentu juga dijemput untuk melawat Malaysia dan seterusnya menulis rencana-rencana berkaitan. Iklan-iklan dari media antarabangsa juga digunakan.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri menganjurkan lawatan rombongan galakan pelaburan ke negara-negara yang empakan "Capital and Technology Exporting Countries." Tujuan lawatan rombongan galakan pelaburan adalah untuk memaklumkan kepada para usahawan asing akan polisi-polisi, kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia. Bersempena dengan lawatan tersebut, para pelabur asing yang berpotensi akan dijemput secara berkumpulan ke Malaysia untuk menghadiri forum pelaburan di negara ini.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh Kerajaan semasa menggalakkan lebih banyak pelaburan asing itu?

**Tuan Othman bin Abdul:** Setakat ini delegasi atau misi perdagangan Malaysia tidak menghadapi masalah yang besar kecuali persaingan dengan negara-negara lain iaitu kita mestilah menumpukan atau meyakinkan para pelabur asing itu supaya kita boleh memberi perkhidmatan atau memberi banyak faedah kepada pelabur-pelabur asing untuk mereka datang ke negara ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memandangkan usaha-usaha dan galakan-galakan dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelabur di negara ini, adakah Yang Berhormat

mengambil perhatian mengenai bilangan pelabur yang pergi ke Thailand, ke Indonesia dan ke Singapura. Kalau ada ambit perhatian, apakah insentif dan keadaan yang lebih baik di Singapura ataupun di Thailand dan Indonesia berbanding dengan Malaysia ataupun keadaan ini telah berubah di negara ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ambil kira apa yang disediakan oleh negara asing sama ada Thailand ataupun Singapura. Tadi kita telah pun mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian tentang insentif yang diberikan. Saya telah menyebutkan kita perlu mengemukakan perancangan kita offer, dengan izin, yang baik untuk pelabur-pelabur asing supaya mereka lebih tertarik datang ke negara kita. Itu sebabnya kita adakan misi perdagangan untuk menjelaskan kepada pelabur-pelabur asing tentang apakah yang boleh kita berikan kepada mereka untuk mereka datang menanam modal di negara ini.

### PIL PERANCANG KELUARGA

**10. Tuan Thomas Salang Siden** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar iaitu pil perancang keluarga telah digunakan secara berleluasa oleh pemudi-pemudi sekarang. Penggunaan pil itu akan menjadi perkara biasa kepada penuntut-penuntut perempuan di sekolah-sekolah menengah atas. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk menghadkan umur pengguna supaya penuntut-penuntut tidak menjadi "ketagih" dan tidak menjadi mangsa.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, pil perancang keluarga tidak boleh diperolehi di sebarang tempat dan memerlukan lesen untuk menjualnya. Pembekalan pil perancang keluarga di negara ini

adalah terkawal di bawah Ordinan Racun 1952 iaitu (Poisons Ordinance 1952-Pills under the first Schedule Part I, group C). Biasanya pil ini boleh didapati di klinik-klinik di Lembaga Penduduk dan Perancang Keluarga Negara, di klinik Kementerian Kesihatan, klinik-klinik Persatuan Perancang Keluarga dan juga klinik-klinik doktor swasta. Surat perskripsi dari doktor adalah perlu untuk mendapat pil kontraseptif dari farmasi.

Hanya wanita-wanita yang berkahwin sahaja yang layak untuk menerima pil perancang keluarga ini. Riwayat perubatan dan obstetrik diambil dan pemeriksaan perubatan dibuat untuk mengecualikan apa-apa kontrakindikasi sebelum pil itu diberikan.

Penuntut-penuntut perempuan sekolah tidak boleh mendapatkan pil-pil perancang keluarga itu di mana-mana tempat pun.

Sehingga kini Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara tidak pernah mendapat maklumat atau aduan seperti yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Memandangkan syarat-syarat yang ketat yang sedia ada untuk seseorang wanita menjadi penerima pil perancang keluarga, LPPKN berpendapat bahawa peraturan-peraturan yang sedia ada adalah mencukupi untuk mengawat salahgunaan pil kontraseptif? itu.

Pil perancang keluarga tidak menyebabkan penagihan seperti dadah.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan pil perancang keluarga ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ia adalah kesan-kesan yang buruk dari segi kesihatan untuk kaum wanita dan oleh kerana itu pil perancang keluarga ini diambil oleh kaum wanita. Adakah pihak Kerajaan bercadang supaya menggalakkan

kaum lelaki menggunakan condom, ini memastikan keadilan kaum wanita dan yang kedua, boleh menggalakkan perindustrian getah negara kita ini dan saya yakin Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama akan bersetuju dan sokong cadangan saya. (*Ketawa*)

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya pernah bekerja di Lembaga Perancang Keluarga dahulu dan saya memangnya tahu bahawa pil perancang keluarga tidak membawa side effect, dengan izin, setelah dikaji oleh pakar-pakar yang bukan sahaja daripada negara ini, malahan pakar-pakar luar negeri yang memberikan pil ini.

Saya memanglah bersetuju bahawa kalau boleh Ahli Yang Berhormat menggalakkan rakan-rakan Yang Berhormat dan seluruh negara menggunakan condom, atau kalau boleh kita buat vasectomy.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Julau menyoal sesuatu yang mungkin mempunyai asas iaitu ada bukti bahawa memang pil ini digunakan. Jadi, adakah pihak Kerajaan benar-benar yakin yang pil-pil ini tidak dijual di pasar-pasar biasa, itu satu. Yang kedua, pil perancang keluarga ini sama juga dengan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rasah tadi, condom, dengan izin. Di kedai Seven Eleven di Bukit Damansara, saya tengok kondom ini dijual begitu berleluasa kerana tempat meletakkannya itu di kaunter yang paling depan, lebih daripada rokok lagi. Rokok jauh sedikit tetapi ia dekat sekali (*Ketawa*) dengan tempat menghitung itu. Jadi, saya rasa kesan ini sama dengan kesan pil perancang keluarga kalau digunakan oleh para gadis masih peringkat sekolah dan anak-anak kita di bangku sekolah. Jadi, adakah pihak Kerajaan walaupun tadi mengatakan kita

menggalakkan tetapi adakah Kerajaan mengenakan syarat-syarat tertentu ataupun kajian tertentu, langkah-langkah tertentu untuk menentukan supaya perkara ini tidak digunakan dengan berleluasa oleh anak-anak kita yang masih di bangku sekolah, kerana saya tanya yang menjual itu adakah budak sekolah beli? Katanya ada sedikit-sedikit.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah condom kita tidak mengawal. Mungkin Ahli Yang Berhormat pun salah seorang peminat condom. (*Ketawa*) Tetapi soal pil perancang keluarga saya telah jelaskan tadi bahawa ianya tertakluk di bawah Ordinan Racun 152 yang tidak boleh dijual di pasar-pasar borong atau Seven Eleven, tidak boleh.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi berhubung dengan pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Rasah. Dia mengatakan minta supaya Yang Berhormat menggalakkan kawan-kawannya menggunakan vasectomy. Setahu saya vasectomy ini adalah pembedahan kecil tetapi tidak menggalakkan orang lelaki untuk membolehkan dia bersama dengan isterinya. Tetapi saya hendak tanya vasectomy ini adakah satu penggalakkan yang diamalkan di sini dan apakah kaitannya dengan usaha Kerajaan untuk menambah penduduk ke 70 juta?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi vasectomy adalah salah satu kaedah, saya cuma mencadangkan kepada Yang Berhormat dari Rasah. Sememangnya kita telah pun meminda undang-undang ini dan menyebabkan LPKN telah dipinda kepada LPPKN dan asas untuk meneruskan dasar 70 juta. Sebenarnya dalam soal ini konsep asas LPPKN yang

menjalankan tugas ialah soal kesihatan ibu dan anak. Kita hendak mengawal ibu-ibu yang bersalin, ibu yang akan bersalin supaya ianya sihat dan akan yang dilahirkan juga sihat. Jadi, kita merancang ini supaya kedua-duanya sekali yang melahirkan dan yang dilahirkan itu sama-sama selamat dan kita menjadi rakyat yang sihat. Itulah asas kepada konsep perancangan keluarga yang dilaksanakan sekarang dan akan diteruskan oleh LPPKN dalam usaha untuk mencapai matlamat 70 juta penduduk yang telah pun diputuskan oleh Kerajaan.

#### SISWAZAH PERUBATAN— SYARAT LANTIKAN

**11. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah graduan dari unwersiti-universiti yang tidak disenaraikan di bawah Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971 tidak diambil untuk perkhidmatan di Kementerian Kesihatan dengan secara tetap walaupun mereka telah memenuhi syarat-syarat di bawah Seksyen 13 (3) Akta itu, iaitu lulus peperiksaan kelayakan, telah menjalani satu tahun latihan siswazah dan menyempurnakan dua tahun di bawah pengawasan serta telah lulus Peperiksaan Am Kerajaan.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai kuasa untuk melantik pegawai-pegawai perubatan berkenaan secara tetap di dalam perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, siswazah perubatan yang telah memenuhi syarat-syarat di bawah Seksyen 13 (3) Akta Perubatan 1971, akan dilantik tetap ke dalam perkhidmatan Kerajaan setelah berjaya dalam urusan temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

*(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

*(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan tidak hadir),*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Ahmad.

*(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Ghazali bin Ahmad tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Madatang bin Morejal.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Madatang bin Morejal tidak hadir).*

#### KEJATUHAN MATAWANG NEGARA—LANGKAH MENGATASI

**16. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada terdapat kejatuhan dalam kadar pertukaran ringgit Malaysia dengan US Dollars, Dollar Singapura, Pound British, Yen Jepun, Mark Jerman dan Franc Swiss sejak awal tahun ini. Jika benar, mengapa dan apakah langkah yang Kerajaan bercadang mengambilnya untuk memperkuat nilai ringgit kita.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yien Yow):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telah pun diberi kepada soalan yang sama bentuknya yang dikemukakan oteh Ahli Yang Berhormat Tuan Fung

Ket Wing, Ahli dari kawasan Sandakan pada 19-10-1988. Jadi, saya tidak ingin mengulangi jawapan tersebut sekali lagi. Terima kasih.

### GURU PENASIHAT DISEKOLAH MENENGAH

**17. Tuan James Jimbun anak Pungga** minta Menteri Pendidikan menyatakan dalam memandangkan daripada masalah disiplin dalam sekolah, adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan Guru Penasihat di setiap sekolah menengah di seluruh negara, khususnya di Sarawak.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah disiplin di sekolah, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengadakan Guru Penasihat di setiap sekolah menengah di seluruh negeri, khususnya di Sarawak.

Ini adalah kerana di setiap sekolah telah diadakan jawatan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan juga Guru Bimbingan dan Kaunseling. Selain daripada itu, memang telah termaklum bahawa tugas semua guru ialah untuk mendidik pelajar, bukan setakat mengajar sahaja.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai keadaan di sekolah-sekolah di mana ada Guru Disiplin, maka kebanyakan murid-murid lebih takut kepada Guru Disiplin daripada Guru-guru Darjah. Saya mengambil contoh, sekiranya Guru-guru Disiplin berjalan berhampiran darjah di mana Guru Kelas sedang mengajar, kalau bising di kelas itu, apabila Guru Disiplin itu lalu, maka murid-murid diam,

menunjukkan murid-murid takut kepada Guru Disiplin tadi. Ini menunjukkan bahawa murid-murid tidak begitu menghormati kepada guru-guru yang berada di hadapannya? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berusaha untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, memang mengikut psikologi seseorang murid atau seseorang manusia, lebih takut kepada Guru Disiplin seperti dalam masyarakat kita ini kita lebih takut polis beruniform, tetapi kita mesti menimbangkan siapakah yang akan didik anak-anaknya ialah ibu-bapa dan guru-guru, bukan seorang Guru Disiplin ataupun polis di dalam masyarakat.

Hasrat atau matlamat Kementerian Pendidikan ialah kita hendak mendidik pelajar-pelajar, bukanlah hendak menanam satu kebimbangan atau ketakutan terhadap guru-guru dan pendidik di sekolah-sekolah.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan sebab-sebab tidak ada disiplin di sekolah-sekolah kita khususnya sekolah rendah dan menengah adalah satu fakta di mana ada kekurangan guru-guru dan ratio murid-murid dan guru-guru sekarang di negara kita ini meningkat 40:1. Ini kalau dibandingkan dengan negara maju sangat tinggi di mana ratio mereka 30 murid, seorang guru. Sebab itu saya mencadangkan kalau kita mahu disiplinkan pelajar-pelajar sekolah kita, guru-guru yang lebih banyak hendaklah diambil untuk melaksanakan disiplin kepada pelajar-pelajar.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokonglah sepenuhnya cadangan dari parti Pembangkang kali yang pertama ini.

Kita menghadapi kekurangan guru-guru di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara kita ini. Dari jumlah belanjawan setahun \$5 billion, belanja untuk membayar gaji dan pengurusan setahun di Kementerian Pendidikan ialah lebih dari \$4 billion dan jumlah peruntukan yang diberi untuk pembangunan sekolah-sekolah ialah \$900 juta sahaja. Dan sekiranya kita tidak dapat peruntukan yang banyak, kita tidak dapat mengambil lebih banyak guru-guru dan untuk mendapat lebih banyak guru-guru terlatih, ini akan memakan masa yang panjang. Tetapi Kementerian Pendidikan ataupun Kerajaan berhasrat pada tahun hadapan, kita akan tambahkan lagi guru-guru pelatih melalui kursus-kursus dan melalui latihan-latihan yang akan diberikan kepada mereka yang berminat mengajar dan ini adalah satu langkah positif tetapi akan mengambil masa yang panjang dan rakyat akan dibebankan lebih banyak tax untuk membantu Kementerian Pendidikan kita.

#### KOKO DAN KAYU BALAK— HARGA

**18. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerianya untuk meningkatkan harga koko dan kayu balak;
- (b) apakah yang menyebabkan kejatuhan harga koko; dan
- (c) dapatkah yang menyebabkan harga yang berlainan bagi balak tropika berbanding dengan balak dari negara-negara beriklim sederhana yang harganya lebih tinggi.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menjalankan beberapa program untuk memperbaiki harga biji koko.

(i) Di antaranya ialah Per-laksanakan Skim Menggredkan Koko yang bertujuan mengawal mutu koko Malaysia di pasaran antarabangsa, Skim ini akan memudahkan koko Malaysia terima dan bersaing dengan koko yang dikeluarkan daripada negara-negara lain di pasaran antarabangsa.

(ii) Menjalankan kegiatan pe-ngembangan bagi menunjukajar petani-petani berhubung dengan amalan pengendalian dan pe-merosesan koko yang betul.

(iii) Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi pasaran bagi meneroka pasaran-pasaran baru seperti di Eropah Timur, Jepun, Korea dan China.

Langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan harga kayu balak pula ialah seperti berikut:

- (i) Meluaskan pasaran eksport balak ke pasaran baru serta mengukuhkan pasaran-pasaran tradisi kayu balak Malaysia tnelalui kegiatan-kegiatan promosi pasaran.
- (ii) Menggalakkan pemerosesan kayu balak dalam negeri dengan menyediakan galakan-galakan pelaburan yang menarik serta kegiatan-kegiatan penggalakan pelaburan.
- (iii) Menghadkan eksport kayu balak seperti pengharaman eksport 27 jenis balak dan semua balak yang berepang 41 cm ke atas dari Semenanjung Malaysia, pengusaha balak diwajibkan menjual 50% daripada pengeluaran balak mereka kepada pengilang-pengilang tempatan di Sabah dan 20% pengeluaran balak di Sarawak. Eksport balak di kedua negeri juga dikawal dengan sistem harga semakan, dengan izin, check prices di

mana eksport cuma dibenarkan jika harga yang ditawarkan melebihi harga semakan dan selain daripada itu usaha-usaha juga dijalankan untuk membawa balak Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia untuk diproses untuk menjadi barangan yang lebih tinggi nilai tambahnya.

- (iv) Melaksanakan sistem pemeringkatan kayu balak supaya harga yang diperolehi sejajar dengan kualiti balak.
- (v) Mengawal kadar penebangan hutan untuk menjamin keseimbangan bekalan dengan permintaan semasa dan mengelakkan wujudnya lebihan bekalan balak.

Bagi menjawab soalan yang kedua:

- (2) Harga koko dalam negeri dipengaruhi oleh harga pasaran dunia, terutamanya dipasaran London kerana lebih 80% daripada pengeluaran biji koko Malaysia adalah dieksport. Sejak tahun 1985, harga pasaran antarabangsa telah merosot. Faktor utama menyebabkan penurunan harga koko ini ialah kerana bekalan koko dunia yang melebihi permintaan bagi 4 tahun berturut-turut. Pengeluaran bersih dunia dianggarkan 2,000 juta ton pada tahun 1987-1988 sementara penggunaan dianggarkan 1.965 juta tan dan ini mengakibatkan kelebihan sebanyak 118,000 ton. Selain daripada itu stok terkumpul koko dunia dianggarkan berjumlah 835,000 tan pada akhir bulan September ini juga menyebabkan kejatuhan harga koko pada masa ini.
- (3) Harga kayu balak tropika sebenarnya lebih tinggi daripada harga kayu balak di

negara-negara beriklim sederhana. Sebagai contoh pada bulan September 1988 kayu balak jenis Seraya di pasaran Jepun berharga Yen 28,416 semeter padu berbanding dengan jenis Douglas Fir jenis "softwood" dari Amerika Syarikat berharga Yen 20,502 semeter padu. Harga kayu Meranti dan Keruing pula adalah Yen 20,148.43 dan Yen 25,179 Yen semeter padu berbanding dengan Chilean Radiata Pine dan Russian Larch yang masing-masingnya berharga Yen 10,251 dan Yen 12,230 Yen. Kayu-kayu tropika berharga lebih tinggi kerana ianya mempunyai ketahanan yang lebih berbanding dengan kayu beriklim sederhana. Selain daripada itu kematangan kayu-kayu balak tropika lebih tinggi kerana ditebang sekurang-kurangnya ketika berumur 50 tahun berbanding dengan 15 tahun bagi kayu beriklim sederhana. Kayu balak tropika juga mempunyai ketahanan dari serangan serangga yang semula jadi, tidak memerlukan pengawetan yang rumit dan mahal di samping mempunyai bermacam-macam warna.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa tahun yang lampau lebih kurang 30-40 tahun dulu di negara kita ini ada dibuat percubaan menanam pokok-pokok hutan dari jenis-jenis yang berasal dari kawasan beriklim sederhana. Saya percaya pada masa ini pokok-pokok tersebut ada di antaranya telah matang seperti yang dapat kita lihat di kiri-kanan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak pada masa ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan, di manakah tempat-tempat dibuat percubaan itu, apakah jenis-jenis kayu yang ditanam itu dan

bagaimanakah hasilnya setakat ini. Adakah jenis-jenis kayu yang berasal daripada kawasan beriklim sederhana itu boleh ditanam secara komersial di negara kita ini bagi menampung kekurangan kayu-kayu balak dan bagi mempertingkatkan lagi industri perindustrian di negara kita.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, ada empat soalan dalam soalan Yang Berhormat. Saya cuba menjawab seboleh-bolehnya tetapi masa tidak ada, saya jawab secara ringkas sahaja.

Percubaan yang dibuat untuk menanam kayu jenis lembut telah menunjukkan hasil yang baik tetapi sama ada usaha boleh dijalankan secara komersial atau tidak terpujanglah kepada pihak swasta menjalankannya. Pada masa ini kayu yang telah ditanam itu telah pun berhasrat dan mula dijual secara kecil-kecilan.

Mengenai tanaman secara komersial saya sukalah menjelaskan bahawa kita telah pun ada species daripada negeri kita sendiri untuk ditanam dengan secara besar-besaran dan ianya boleh mendatangkan hasil dalam jangka waktu yang lebih kurang sama dengan tanaman pokok hutan daripada temperate countries.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 12 hingga 15 dan 19 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).*

#### **ELEKTRIK KE KAWASAN LUAR BANDAR**

2. **Tuan Joe Ojhi Supiring** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilakah tenaga elektrik boleh sampai ke

kawasan Bumiputera di sepanjang jalan Tiga Papan, Suangpai, Cumandang, Tajau dan Lore Besar.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Seperti Yang Berhormat sedia maklum, sememangnya hasrat Kerajaan untuk memberikan segala kemudahan asas khususnya elektrik ke kawasan luar bandar secepat mungkin. Bagi kampung-kampung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, memang ianya dalam perancangan Lembaga Elektrik Sabah untuk mengadakan bekalan elektrik ke kawasan tersebut. Bagaimanapun, Kementerian tidak dapat menyatakan dengan tepat bila ianya akan dilaksanakan memandangkan masih banyak lagi kampung-kampung yang belum ada elektrik. Kerajaan terpaksa melaksanakan secara berperingkat-peringkat berdasarkan kepada peruntukan yang disediakan. Kementerian ini telah pun meminta pihak Lembaga Elektrik Sabah memberi perhatian sewajarnya kepada kampung-kampung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

#### **EKSPORT KAYU BALAK**

3. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

(a) sejauh manakah kemajuan eksport kayu balak Malaysia dicapai dengan menyatakan banyaknya (dalam meter padu) dan pendapatan negara dalam tempoh 7 bulan pertama tahun 1988 berbanding dengan masa yang sama tahun lalu. Berdasarkan pembahagian kawasan, berapa peratuskah eksport meningkat masing-masing dari Sarawak dan Sabah. Nyatakan juga negara-negara pengimportnya.

- (b) bagaimanakah pula kemajuan dan perkembangan di bidang kayu gergaji dalam tempoh 7 bulan pertama tahun 1988. Adakah masih kekal permintaan yang kukuh dari Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) terutamanya dari Belanda dan Belgium seperti terdapat kemajuan dalam tempoh 7 bulan pertama tahun 1987 dan nyatakan nama-nama negara pasaran utama eksport kayu gergaji Malaysia.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik):**

- (a) Eksport kayu balak Malaysia dalam tempoh 7 bulan pertama tahun 1988 berjumlah 11.2 juta meter padu bernilai \$2,194 juta berbanding 12.4 juta meter padu bernilai \$2,087 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu merosot 9% dari segi isipadu tetapi meningkat 5% dari segi nilai. Bagi 7 bulan pertama 1988 eksport balak Sabah telah merosot 12% dari segi isipadu tetapi meningkat 13% dari segi nilai. Manakala eksport dari Sarawak telah merosot 7% dari segi isipadu dan 4% dari segi nilai.

Negara-negara pengimport utama balak Sabah dan Sarawak ialah Jepun, Korea Selatan, India, Taiwan, Hong Kong, Republik Rakyat China, Thailand, Singapura, Pakistan, Belgium, Sri Lanka dan Mozambique.

- (b) Eksport kayu gergaji Malaysia dalam tempoh 7 bulan pertama tahun 1988 berjumlah 2.31 juta meter padu bernilai \$1,028 juta berbanding 2.14 juta padu bernilai \$940 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu meningkat 8% daripada segi isipadu dan 9% dari segi

nilai. Eksport kayu gergaji Malaysia ke pasaran Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) bagi tempoh Jan-Julai, 1988 telah menurun 22% dari segi isipadu dan 20% dah segi nilai di mana jumlah eksport adalah 571 ribu meter padu bernilai M\$395 juta berbanding dengan 734 ribu meter padu bernilai M\$494 juta bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Begitu juga eksport kayu gergaji ke Belanda dan Belgium juga turut merosot. Eksport ke Belanda berjumlah 276 ribu meter padu bernilai M\$188 juta berbanding dengan 387 ribu meter padu bernilai M\$257 juta tahun sebelumnya. Eksport ke Belgium pula berjumlah 110 ribu meter padu bernilai M\$79 juta berbanding dengan 128 ribu meter padu bernilai M\$89 juta pada tahun sebelumnya.

Pasaran eksport utama kayu gergaji Malaysia adalah terdiri dari negara-negara seperti Singapura, Thailand, Belanda, Taiwan, Belgium dan Jepun.

**PERUNTUKAN AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**12. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengkaji serta menambah peruntukan tiap-tiap Ahli Dewan Rakyat dari Kerajaan daripada jumlah yang ada sekarang memandangkan jumlah peruntukan bagi tempoh setahun itu tidak mencukupi terutama sekali bagi kawasan yang besar dan yang masih lagi serba kekurangan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Sebenarnya tidak ada peruntukan khas bagi tiap-tiap Ahli Dewan Rakyat, yang terdapat hanyalah kemudahan Ahli-ahli Dewan Rakyat bagi mengemukakan cadangan

peruntukan kepada Pegawai Kemajuan Negeri untuk kelulusan. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah kedudukan yang ada sekarang, jumlah yang lama sebanyak \$200,000.00 akan dikekalkan. Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan projek-projek kecil yang mendesak dan sangat diperlukan oleh rakyat. Di samping peruntukan ini kawasan-kawasan Parlimen boleh mendapat peruntukan daripada punca-punca lain termasuk peruntukan di bawah rancangan pembangunan 5 tahun.

#### HASIL PELANCONGAN

**13. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan hasil yang didapati melalui pelancongan pada tahun 1987 dan hingga bulan September 1988.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman):** Hasil yang diperolehi melalui pelancongan dapat dilihat daripada statistik pertukaran wang asing. Adalah dianggarkan pendapatan tukaran wang asing yang diperolehi daripada pelancongan dalam tahun 1987 berjumlah M\$1,647.4 iaitu 7.7 peratus lebih tinggi daripada tahun 1986. Dari Januari hingga bulan September 1988 pendapatan ini dianggarkan sebanyak M\$1,411.9. Jumlah ini iatah bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

#### CUKAI PENDAPATAN PENGUSAHA LUAR NEGERI

**14. Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa ramai pengusaha-pengusaha luar negeri yang lari tidak membayar cukai pendapatan sejak tahun 1980; dan

- (b) apakah tindakan yang diambil kepada mereka.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Kementerian saya tidak menyimpan perangkaan mengenai pengusaha-pengusaha luar negeri yang lari tidak membayar cukai pendapatan. Dengan itu, jumlah berkenaan semenjak tahun 1980 tidak dapat diberi. Bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan kes pelarian cukai yang telah disiasat bagi semua pembayar cukai yang mana telah diselesaikan semenjak tahun 1981 hingga tahun 1987 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan kes diselesaikan</i>
1981.. . . . .	241
1982.. . . . .	222
1983.. . . . .	210
1984.. .. . .	196
1985.. . . . .	146
1986.. . . . .	125
1987.. .. . .	194

Bagi mereka yang mengelak daripada membayar cukai, penyiasatan dijalankan ke atas mereka. Sekiranya cukai tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan setelah taksiran dibuat, tindakan mahkamah akan diambil atau mereka tidak akan dibenarkan keluar negeri sehinggalah cukai dijelaskan.

#### HARGA BARANGAN UTAMA

**15. Tuan Madatang Morejal** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah Kementerian tersebut dalam menstabilkan harga-harga komoditi utama yang dikeluarkan di negara ini.

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Kerajaan memandang berat tentang keadaan harga barangan utama yang tidak

stabil dan telah, sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk menstabilkan harga komoditi di mana yang boleh dan mengurangkan kesannya kepada pengeluar-pengeluar di negara ini.

Salah satu usaha yang telah dijalankan ialah menerusi penyertaan dalam perjanjian antarabangsa bagi menstabilkan harga barangan utama. Malaysia telah menyertai Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) yang telah terbukti berjaya mencapai objektif utamanya untuk menstabilkan harga getah asli pada paras yang baik kepada pengeluar dan berpatutan kepada pengguna-pengguna. Di samping itu, Malaysia menerusi Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) telah melaksanakan Skim Merasionalisasi Bekalan Timah sejak bulan Februari 1987 yang membolehkan harga timah dipulihkan ke paras yang lebih baik.

Malaysia juga menyertai persatuan-persatuan negara-negara pengeluar barangan utama seperti Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) dan Pertubuhan Lada Antarabangsa (IPC) untuk menjaga kepentingan pengeluar-pengeluar. Kita juga menyertai Perjanjian Antarabangsa Kayu Kayan Tropika (ITTA) untuk meningkatkan kerjasama antarabangsa dalam bidang pengusahasilan hutan, perisakan pasaran dan pemprosesan hiliran.

Kerajaan juga berusaha untuk menghapuskan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif bagi memperluaskan pasaran barangan utama kita. Dalam hal ini, kita memberi perhatian yang berat terhadap perundingan dagangan di bawah Perjanjian Am bagi Perdagangan dan Tarif (GATT) bagi mengurangkan sekatan-sekatan perdagangan dunia dan dasar perlindungan.

Di samping itu, Kerajaan akan terus memajukan sektor barangan utama

bagi mengurangkan impek ketidakstabilan harga dengan:

- (i) meningkatkan usaha-usaha galakan pemasaran untuk mencari pasaran baru dan mengukuhkan yang sedia ada;
- (ii) meluaskan aktiviti pemprosesan hiliran bagi menambah nilai-tokok; dan
- (iii) memesatkan usaha penyelidikan dan pembangunan bagi mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti.

## CUKAI PENDAPATAN

**19. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan cukai pendapatan yang dikenakan kepada rakyat Malaysia berbagai bangsa dan agama adalah sama. Bagi orang-orang Islam setain dari dikenakan cukai pendapatan, juga dikenakan bayaran zakat mengikut ajaran agama Islam adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji supaya cukai pendapatan ini dapat dibezakan di antara orang-orang Islam dengan orang-orang bukan Islam, supaya dapat meringankan cukai pendapatan terhadap orang-orang Islam.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Kementerian saya tidak bercadang untuk membezakan cukai pendapatan di antara orang-orang Islam dan orang-orang bukan Islam. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini sudahpun terdapat peruntukan di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 dimana bayaran zakat yang dibuat oleh seseorang individu dibenarkan ditolak daripada jumlah cukai yang dikenakan dengan syarat ianya disokong oleh resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pejabat agama. Peruntukan mengenai ribet ini sudah meringankan beban cukai pendapatan ke atas orang-orang Islam.

(Soalan No. 20. Sila lihat jawapan No. 3 pada 29-11-88).

### PENDATANG HARAM VIETNAM DI MALAYSIA

22 **Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setelah persetujuan dibuat oleh Vietnam hasil lawatan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri yang membuat lawatan baru-baru ini yang mana kedua-dua buah negara telahpun memersetujui iaitu pelarian-pelarian Vietnam yang masih ada di Malaysia ini akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada bulan April 1989. Semenjak persetujuan itu dibuat hingga ke hari ini adakah lagi pelarian-pelarian Vietnam yang datang ke Malaysia.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, sejak tawatan tersebut, masih lagi terdapat pendatang haram Vietnam yang mendarat di Malaysia. Bilangan yang sampai pada bulan Ogos ialah 421 orang, September, 427 orang dan jumlah sehingga 21hb Oktober 1988 ialah 475 orang. Walau bagaimanapun, jumlah ini adalah berkurangan daripada jumlah ketibaan pada bulan-bulan sebelumnya iaitu; April-1904, Mei-2,470, Jun-946 dan Julai-618 orang. Pengeluaran pelarian-pelarian Vietnam dari Malaysia bergantung kepada beberapa faktor termasuk kesediaan negara-negara ketiga menerima mereka dan tidaklah terhad kepada kesefahaman di antara Malaysia dan Vietnam sahaja.

### PUSAT ISLAM—KENYATAAN SHEIKH AL-ARQAM

22. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Perdana Menteri menjelaskan apakah punca yang menyebabkan "Darul Arqam" membuat kenyataan terbuka

untuk memohon mengambil alih pentadbiran Pusat Islam dan perkara hal ehwal agama Islam negeri-negeri baru-baru ini. Dan apakah Kerajaan bercadang untuk menyusun semula pentadbiran Pusat Islam supaya peranan dan fungsinya berkesan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Mengenai apa sebab Sheikh al-Arqam (bukan Darul Arqam) membuat kenyataan terbuka untuk mengambil alih pentadbiran Pusat Islam, hal ini eloklah ditanya Sheikh al-Arqam itu sendiri. Pada pandangan pihak Kerajaan, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (Pusat Islam) selama ini adalah berfungsi dengan berkesan dan memuaskan.

### PERAIRAN FILIPINA— KENYATAAN TENTERA LAUT

23. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah benar Angkatan Tentera Laut kita telah beberapa kali menceroboh perairan Filipina seperti yang didakwa oleh pihak Angkatan Tentera Filipina baru-baru ini. Kiranya dakwaan ini tidak benar kenapakah boleh terjadi anggapan sedemikian rupa. Apakah usaha-usaha diplomatik / ketenteraan yang akan diambil bagi menyelesaikan pertikaian ini.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Adalah tidak benar dakwaan bahawa Angkatan Tentera Laut DiRaja Malaysia telah menceroboh perairan Filipina sebagaimana yang dihebobkan baru-baru ini oleh akhbar tempatan. Sebaliknya seorang ahli Kongress dari Selatan Filipina sendiri menafikan dakwaan tersebut. Apa yang berlaku ialah hanya satu kekeliruan di mana pemerintah Tentera Laut Daerah Mindanao mendakwa bahawa kapal-kapal TLDM menceroboh perairan Filipina. Walau bagaimanapun dak-

waan itu tidak berasas kerana beliau membuat tuntutan berpandukan kepada garisan laluan kapal yang terdapat di dalam carta panduarah dan bukannya garis sempadan peratran antarabangsa yang terdapat di dalam carta politik. Kerajaan Filipina telah menyedari kesilapan ini dan isu ini dianggap telah selesai.

### **TAMBAK JOHOR—PEMBESARAN**

**24. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (i) Apakah cadangan untuk membina tambak raksaksa di Johor akan dilaksanakan. Apakah Kerajaan mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membiayai projek tersebut;
- (ii) Apakah implikasi hasil dari pembinaan tambak raksaksa itu kelak dapat memberikan pulangan faedah yang tinggi, berbanding dengan kos yang dibelanjakan.

**Tmbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan):**

- (i) Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan cadangan projek pembesaran Tambak Johor. Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan peringkat pertama akan melibatkan kerja-kerja tebusguna tanah dan pembinaan Komplek baru bagi Kastam dan Imigresen yang akan dimulakan pada tahun 1989. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk pelaksanaan projek ini.
- (ii) Sememangnya pelaksanaan projek pembangunan Tambak Johor ini dijangka

akan dapat memberikan pulangan faedah yang tinggi berbanding dengan anggaran kos yang akan dibelanjakan. Antara faedah-faedah yang akan diperolehi ialah seperti berikut:

- (a) Memperbaiki pengaliran lalulintas di atas Tambak tersebut dan seterusnya dapat mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Keadaan ini sudah tentunya akan menjimatkan masa dan mengurangkan kos pengendalian kenderaan.
- (b) Oleh kerana Tambak Johor merupakan salah satu pintu masuk utama ke negeri ini, dengan pembesaran tambak ini, ia dijangka akan menarik lebih banyak pelancong-pelancong untuk melawat Malaysia melalui Johor Bahru, disamping dapat menaikkan imej Malaysia kerana dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelancong-pelancong yang datang.
- (c) akan menggalakkan lebih banyak pelaburan asing, khususnya dari Singapura ke Johor.

### **PENCEN PESARA—BAYARAN**

**25. Tuan Hsing Yin Shean** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat pegawai-pegawai di Jabatan Kerajaan yang tidak mengambil berat tentang pembayaran pencen dan ini menyebabkan penerima-penerima lambat menerima pencen mereka. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk

mengatasi masalah ini. Dan adakah mereka berjaya setakat ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kerajaan sedar bahawa terdapat pegawai-pegawai di Jabatan Kerajaan yang kurang mengambil berat tentang pembayaran pencen. Ini adalah disebabkan kekurangan pengetahuan di dalam pengurusan pencen. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang positif supaya urusan pembayaran pencen dibuat dengan secepat mungkin. Di antaranya ialah mengadakan kursus-kursus dan majlis-majlis penerangan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan juga memberi penerangan kepada bakal-bakal pesara sendiri.

#### PELARASAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN

26. **Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementeriannya telah, sedang dan akan bercadang menaikkan gaji pegawai-pegawai Kerajaan terutama kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan C dan D memandangkan ekonomi negara sedang pulih. Jika tidak, kenapa?

**Tuan Othman bin Abdul:** Kerajaan telah pun bersetuju memberi pelarasan gaji kepada kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan A, B dan C berkuatkuasa mulai 1-1-1989. Berkenaan dengan Kumpulan D, pelarasan gaji mereka telah pun selesai dilaksanakan pada tahun 1985 dan 1986.

#### HICOM—PELABURAN INDUSTRI BERAT MALAYSIA

27. **Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan pelaburan dibuat di bawah program Industri Berat Malaysia (Perbadanan) atau

HICOM semenjak 1980, berapa peratuskah jumlah ini berbanding dengan peruntukan untuk industri-industri kecil;

- (b) apakah kejayaan-kejayaan projek-projek tersebut setakat ini dari segi pulangan pelaburan, pengambilan pekerja, pemindahan teknologi (transfer of technology) dan pembangunan ekonomi keseluruhannya berbanding dengan industri-industri kecil; dan
- (c) apakah benar projek-projek Besi Pewaja di Terengganu dan Projek Proton Saga ialah dua dari projek-projek HICOM yang mengalami kerugian yang besar setakat ini. Kalau ya, mengapa dan berapa jumlah kerugiannya; kalau tidak berapa jumlah keuntungannya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Semenjak Perbadanan Industri Berat Malaysia Bhd. (HICOM) ditubuhkan pada tahun 1980 Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$385.5 juta (26.5%) bagi HICOM melaksanakan projek-projek industri berat di negara ini berbanding dengan peruntukan yang diberi kepada industri kecil yang berjumlah \$1,068.95 juta (73.5%). Dari aspek kejayaan pelaksanaan projek-projek HICOM pula adalah terlalu awal untuk mengukur kejayaan projek-projek tersebut dari segi pulangan kepada pelaburan kerana projek-projek HICOM mengambil masa untuk membuat keuntungan. Bagaimanapun dari 12 buah syarikat yang HICOM mempunyai pelaburan, 5 syarikat memperolehi keuntungan sementara 7 lagi mengalami kerugian. Dari segi pengambilan pekerja pula, projek-projek HICOM secara langsung telah dapat menyediakan 4,448 peluang pekerjaan sehingga 31-3-1988. Dari segi pemindahan teknologi, projek-projek tersebut

telah dapat memperlihatkan peningkatan kemahiran dalam bidang tertentu, khususnya dalam bidang pembuatan kereta/motor, pengeluaran besi keluli dan simen. Pemindahan teknologi dilakukan melalui program latihan dan bimbingan di kilang-kilang di negara Jepun atau tempatan. Hasil daripada program ini adalah seperti berikut:

(a) Pengambilan alih kerajaan-kerja teknikal oleh pekerja-pekerja tempatan yang telah menjalani kursus selama 4 hingga 6 bulan di Jepun, di bimbing dan dibantu seterusnya oleh pakar-pakar Jepun selama 2 tahun di kilang masing-masing, dalam bidang-bidang berikut—

1. Kilang kereta—proses penempatan (stamping), pemasangan lain-lain bahagian kereta dan membuat komponen kereta seperti shock absorber, panel meter dan lain-lain; dan
2. Kilang motosikal—pemesanan alat-alat untuk membuat enjin dan pemasangan enjin.

(b) Mengeluarkan besi keluli yang bermutu tinggi untuk pasaran tempatan dan untuk eksport ke Jepun, Taiwan dan Singapura.

Tuan Yang Dipertua, adalah tidak wajar dibandingkan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh HICOM dengan industri kecil kerana kedua-dua sektor ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza di antara satu sama lain. Mengikut Laporan Penyiasatan Perindustrian (Industrial Survey) Tahun 1985, terdapat 3,722 pertubuhan (establishment) industri kecil atau 64% daripada jumlah pertubuhan pembuatan (manufacturing establishment) dalam negara dan ianya telah dapat menyumbangkan kepada pertumbuhan/perkembangan ekonomi negara melalui pening-

katan pengeluaran kasar negara dan pendapatan eksport, di samping dapat mewujudkan peluang pekerjaan berjumlah 78,573.

Adalah benar projek-projek Perwaja di Terengganu dan projek Proton Saga mengalami kerugian setakat ini. Jumlah kerugiannya sehingga 31 Mac 1988 adalah seperti berikut:

<i>Nama Syarikat</i>	<i>Kerugian Terkumpul (\$'000)</i>
Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON)	(169,220)
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. (Perwaja)	(557,766)

Harus Yang Berhormat maklum bahawa projek tersebut merupakan projek industri berat yang memerlukan tempoh kematangan yang lama (long gestation period) untuk mendatangkan pulangan. Di samping itu faktor-faktor seperti kenaikan nilai mata wang Yen Jepun telah menyebabkan jumlah pinjaman meningkat serta keadaan kemelesetan ekonomi yang dialami beberapa tahun kebelakangan ini yang membawa kesan kepada pasaran barangan tersebut telah menjejaskan lagi prestasi syarikat-syarikat berkenaan. Bagaimana pun langkah-langkah tertentu sedang diambil untuk memulihkan syarikat-syarikat di atas.

#### **TRAJEDI JETI DI BUTTERWORTH—PENYIASATAN**

**28. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah hasil penyiasatan Suruhanjaya Di Raja yang ditubuhkan bagi menyiasat trajedi jeti Butterworth baru-baru ini; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementeriannya

untuk memastikan bahawa tragedi serupa tidak berulang lagi baik di Butterworth mahupun di kawasan lain.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):**

- (a) Suruhanjaya Siasatan Di Raja masih menjalankan tugasnya sehingga hari ini.
- (b) Selain daripada siasatan yang sedang dibuat oleh Suruhanjaya Siasatan Di Raja, pengurusan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang juga telah mengadakan satu kajian untuk mengenalpasti punca-punca yang mungkin menyebabkan keruntuhan Jeti tersebut dan mengenalpasti tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pengurusan SPPP untuk mempertingkatkan operasi feri Pulau Pinang termasuk langkah-langkah keselamatan pihak awam.

**KEBEBASAN KEHAKIMAN**

**29. Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah kebebasan kehakiman ditengahkan apabila Ketua Hakim Negara telah dibuang, dan Hakim-hakim sering terancam dan bimbang yang Perdana Menteri gemar melantik Tribunal dan berterusan mengganggu perjalanan kehakiman juga oleh Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kehakiman dan nyatakan apa langkah-langkah Kerajaan akan ambil untuk mengekalkan pemerintahan menurut Undang-undang dan Pembahagian Kuasa (Separation of Powers) untuk mengembalikan kepercayaan pelabur-pelabur asing dan tempatan dan juga bilakah Kerajaan akan berhenti mengganggu kebebasan kehakiman dan mula menghormati Pemerintah Undang-undang dan Pembahagian Kuasa (Separation of Powers)

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):**

Kebebasan kehakiman hanyalah kebebasan hakim-hakim menjalankan tugas kehakiman mereka mengikut undang-undang tanpa gentar atau memihak. Hakim-hakim tidak bebas dalam serba perkara. Mereka adalah tertakluk kepada undang-undang negara dan tidak boleh bebas untuk berbuat salahlaku. Sebab itulah Perlembagaan sendiri membuat peruntukan untuk memecat hakim-hakim yang salahlaku. Jika hakim-hakim yang salahlaku tidak boleh dipecat, keadilan tidak akan terpelihara. Malah pemecatan hakim-hakim yang salahlaku akan menjamin kewibawaan pihak kehakiman sendiri.

Pemecatan Ketua Hakim Negara dan hakim-hakim lain telah dibuat mengikut Perlembagaan atas alasan salahlaku. Oleh itu pemecatan mereka tidak boleh dianggap sebagai gangguan ke atas kebebasan kehakiman oleh pihak eksekutif. Sayugia diingatkan bahawa peranan yang paling penting dalam pemecatan hakim-hakim ialah peranan Tribunal yang terdiri daripada hakim-hakim dan bekas hakim-hakim. Bukanlah pihak eksekutif yang menentukan apakah kesudahannya nasib hakim-hakim yang diambil tindakan. Penentuannya bergantung semata-mata kepada syor dari kalangan kehakiman sendiri. Tindakan memecat hakim-hakim yang salahlaku ialah tindakan pembersihan dan pendisiplinan badan kehakiman oleh kalangan kehakiman sendiri, dan bukannya gangguan oleh pihak eksekutif terhadap kebebasan kehakiman, atau pencabulan doktrin pengasingan kuasa. Sebaliknya Kerajaan sentiasa dan akan terus menghormati dan melindungi kedaulatan undang-undang dan kebebasan kehakiman dalam ertikata yang sebenarnya, serta mengekalkan doktrin pengasingan kuasa.

## BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH

30. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kehakiman menyatakan pendirian pihak Kerajaan ke atas memperkenalkan Bahasa Malaysia di Mahkamah di seluruh negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Saya telah menjelaskan soalan penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah-mahkamah ketika mengulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dan Anggaran Pembangunari 1989 pada 15 November, 1988. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa langkah-langkah terhadap mencapai matlamat penggunaan Bahasa Malaysia seluruhnya di mahkamah sedang giat dipertingkatkan. Mulai awal tahun 1990 adalah diharapkan agar paling kurang di peringkat Mahkamah Rendah Bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya dalam perbicaraan.

## USUL RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN

### MEMINDA AKTA PERTUBUHAN 1966

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

laitu Dewan ini membenarkan Ahli dari Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah mengemukakan Rang Undang-undang Persendirian bertajuk Suatu Akta bagi Meminda Akta Pertubuhan 1966. (*5hb. Disember, 1988*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat dari Bagan Serai bagi menyambung soal penjelasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan kepada Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO. Kalau UMNO sahaja bermakna hanya terjemahan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Ini bermakna terjemahan ini tidak habis iaitu tidak ada "New". Kalau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) bermakna UMNO, bagaimanakah Pendaftar boleh mendaftar Pertubuhan ini sedangkan kes di mahkamah belum selesai. Apakah perkara-perkara yang menyebabkan perkara ini boleh berlaku dan terdaftar sedangkan kita mengatakan "seperation of powers" ini sepatutnya dihormati? Terima kasih.

3.39 ptg.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya menjawab soalan ataupun penjelasan daripada wakil dari Bagan Serai itu adalah mungkin saya tidak dapat menjawabnya oleh kerana ini telah ditentukan oleh mahkamah dan telah disahkan oleh mahkamah dan pendaftarannya dibuat oleh pihak Pendaftar Pertubuhan. Pada hakikatnya sekarang ini nama UMNO yang ada ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO. Itu adalah hakikatnya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menyambung ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, persengketaan di antara dua kumpulan di dalam UMNO yang berlarutan dekat dua tahun dan telah menelan wang, membazir masa dan menghisap tenaga emosi umat Melayu ini bukannya disebabkan oleh percanggahan ideologi politik atau isu sosial yang menyentuh nasib negara amnya dan nasib umat Melayu khususnya. Ia hanyalah berkisar di sekeliling style kepimpinan UMNO

yang ada. Ini terbukti dari ucapan-ucapan Yang Berhormat Mulia dari Gua Musang dan Yang Berhormat dari Johor Bahru semalam. Banyak masa di dalam ucapan kedua-dua Yang Berhormat itu digunakan untuk menunjukkan apa yang dipanggil kesilapan yang dilakukan oleh Presiden UMNO di dalam mengendalikan pemulihan atau apa yang mereka anggap ketidak pemulihan semula UMNO. Kita belum lagi mendengar isu-isu yang lebih substantif daripada perspektif kepentingan negara Malaysia amnya dan umat Melayu khususnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Johor Bahru bangun.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dengan mendapatkan penjelasannya, kerana kita membincangkan tentang usul yang khusus mengenai dengan soal untuk meminda Akta Pertubuhan maka saya tidak membuat ucapan tentang perkara-perkara yang lain kecuali daripada soal kepimpinan dalam parti UMNO (Baru) dan ketika itu kepimpinan dalam parti UMNO yang asal. Adakah Yang Berhormat dari Padang Terap pernah membaca manifesto saya ketika saya bertanding dalam pilihanraya kecil Johor Bahru yang mana menggariskan isu-isu yang substantif seperti mana yang disebutkan tidak timbul dalam ucapan saya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Saya telah jetas membuat pendirian di atas sebab-sebab yang tertentu, bukan soal tentang kepimpinan sahaja dan style kepimpinan tetapi saya berharap Yang Berhormat dari Padang Terap boleh membaca manifesto saya di pilihanraya kecil Johor Bahru.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, malangnya saya tidak membaca dan saya tidak tahu ada manifesto Yang Berhormat itu (*Tepuk*) kerana saya tidak pergi ke Johor Bahru untuk berkempen.

Tuan Yang di-Pertua, hanya yang kita dengar sebagai kesimpulan hujah-hujah kedua-dua sahabat saya itu ialah .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun. Hendak beri jalan?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Silakan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Penjelasan. Apakah Yang Berhormat dari Padang Terap bersetuju dengan saya kalau saya mengatakan bahawa Yang Berhormat dari Johor Bahru itu mempunyai beberapa isu yang substantif sebagaimana yang telah didakwakan sebentar tadi. Antara isunya ialah ia memperjuangkan soal pemecatan bekas Ketua Hakim Negara yang dianggapnya sebagai satu prinsip dan merupakan satu isu yang telah memenangkannya dalam pilihanraya kecil Johor Bahru dan prinsip ini dipertahankan olehnya ternyata apabila beliau tidak mahu mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertua Dewan ini kerana dianggap sebagai sebahagian daripada anggota yang telah bertanggungjawab memutuskan supaya Lord President dipecat. Tetapi kemudiannya beliau tiba-tiba mahu mengangkat sumpah. Apakah ini satu prinsip atau satu kepentingan? Saya minta Yang Berhormat dari Padang Terap boleh memberi pendapat dan kalau ini dianggap satu kepentingan, apakah ianya satu isu yang substantif?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat wakil dari Kuala Terengganu itu. (*Tepuk*) Kalaulah ini

isu yang diperjuangkan oleh sahabat saya dari Johor Bahru dan hendak disifatkan sebagai substantif, maka ianya substantif untuk kepentingan beliau sendiri. *(Tepuk)*

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu dan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Kalaulah apa yang saya perjuangkan itu dianggapkan di atas kepentingan peribadi saya sendiri, bagaimanakah 23,000 pengundi Johor Bahru boleh memberi sokongan kepada saya. *(Tepuk)* Depan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu yang begitu handal memperjuangkan isu-isu substantif dan soal-soal perjuangan, prinsip dan sebagainya, saya minta kalau berani letak jawatan. *(Tepuk)* Saya minta Yang Berhormat dari Kuala Terengganu dan Padang Terap timbanglah. Kalau takut tentulah hanya berselindung di belakang kata-kata dan cakap-cakap yang daripada Socrates. *(Ketawa)* Saya ini orang biasa dan orang biasa yang mengundi saya. Tetapi kalau .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Anun bin Haji Daud):** Yang Berhormat, kita beri peluang kepada Ahli Padang Terap berhujah, ya?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemenangan—untuk saya menjawab kali ini, saya sudah banyak berucap. Saya harap .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Itu terserah kepada Yang Berhormat.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Kemenangan Yang Berhormat dari Johor Bahru itu bukanlah satu pertanda bahawa rakyat menyokongnya terus menerus, kerana

manusia ini sebagai satu kumpulan yang bersentimen, dia memegang kepada sentimen dan kena pada masa itu sentimennya adalah functional untuk Ahli Yang Berhormat tadi. Dia telah menang dengan 12,000 tetapi saya dan rakan saya dari Kuala Terengganu kita pun menang di Padang Terap dan Kuala Terengganu mengapa kita patut letak jawatan? *(Tepuk)*

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:**

Minta beri peluang. Perkara yang pertama disebutkan bahawa itu bukanlah satu kemenangan terus menerus ataupun akan berkekalan, tidak apa yang kekal dalam dunia ini dari segi manusia, lebih-lebih lagi kitalah sebagai manusia. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap memikirkan bahawa sokongan rakyat, pengundi-pengundi saya dan pengundi-pengundi khususnya yang telah berada dalam pilihanraya kecil Johor Bahru itu tidak terus menerus, mungkin kalau Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap letak jawatan, kita boleh lihat sama ada terus menerus atau tidak sokongan penentang ataupun penolakan kepada kepimpinan yang ada sekarang. Itu yang pertama.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kalau menang dalam tahun 1986 sebagai calon UMNO Asal bukan calon UMNO Baru, *(tepu)* yang menang sebagai calon UMNO Baru baru dua orang, satu yang saya tolong sebagai Pengarah Pilihanraya, saya sendiri tolong sebagai Pengarah Pilihanraya dan yang kedua itupun menang nasib baik dengan gilang gemilang 413 undi. *(Ketawa)*

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memanjangkan polimik ini lagi tetapi biarlah saya menjawab saranan Yang Berhormat dari Johor Bahru tadi. Soal UMNO baru dan UMNO asal akan saya terangkan dalam ucapan saya

selanjutnya dan kalau Yang Berhormat sabar dan dengar ucapan saya dengan penuh teliti mungkin Yang Berhormat akan tukar fikiran. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, hanya yang kita dengar sebagai kesimpulan hujah-hujah dua orang sahabat saya tadi ialah satu warning bahawa MCA dan MIC yang ditubuh pada tahun 1949 dan 1946 itu akan menelan UMNO yang dikatakan baru sahaja ditubuhkan pada tahun 1988 ini. Rakan-rakan kita dari MCA dan MIC senyum tersipu-sipu mendengar cerita ini. Saya fikir mereka adalah lebih arif daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya warning ini tidak kena pada tempatnya ataupun tidak relevant. Kekuatan sesuatu parti politik itu bukanlah di atas hakikat lama mana ianya ditubuhkan tetapi sebenarnya di atas hakikat banyak mana sokongan yang diberi oleh rakyat kepadanya seperti kata Yang Berhormat dari Johor Bahru itu tadi. Parti UMNO yang ada pada hari ini yang mana saya dan sejuta lebih umat Melayu menjadi ahlinya adalah merupakan kesenambungan roh parti UMNO yang ditubuhkan pada 11hb Mei, 1946 dahulu. Parti UMNO yang telah dimatikan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan selepas ianya tidak disahkan oleh mahkamah hidup dalam penjelmaan yang lebih gigih dan lebih perkasa sebagai parti UMNO yang ada pada hari ini.

Apalah susah sangat untuk sahabat-sahabat saya di sebelah kanan sana mendatar dan menjadi ahtinya dan berjuang di dalamnya untuk mencapai matlamat yang lebih tinggi daripada memperjuangkan matlamat hendak melepaskan geram. Saya menyeru sahabat-sahabat saya ini supaya mengambil jalan yang lebih pragmatis untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi ini iaitu mengambil jalan yang saya sebutkan tadi. Pintu UMNO

telahpun dibuka dan tidak perlu kita patah balik kepada perkara-perkara seperti yang dicadangkan oleh Usul ini yang hanya akan menambahkan kekusutan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya sengketa yang mula meluap apabila Ahli Yang Berhormat dari Kota Tinggi meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan yang membawa kesan polarisasi di dalam UMNO telah pun diselesaikan pada 24hb April, 1987 .....

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Ahli Yang Berhormat ini sedar bahawa perletakan jawatan saya sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia, iaitu jawatan yang kedua tertingginya dalam negara kita ini ialah berasas kepada prinsip demokrasi berparlimen di mana sistem Kerajaan kita ini kita anuti dan tidak ada kena-rnengena dengan soal orang-orang Melayu ataupun UMNO berpecah. Adakah Ahli Yang Berhormat ini sedar bahawa mulanya orang-orang Melayu berpecah ialah melalui UMNO di mana apabila selepas 24hb April, 1987 dahulu keputusan telah dibuat di dalam pemilihan Parti UMNO ini, maka mereka yang menang telah membuat pendirian yang mengeluarkan dan membuang mereka yang ada kemungkinan mencabar sekali lagi dan mungkin yang menang itu kalah oleh sebab kemenangan mereka ialah berasas kepada kemenangan yang begitu tipis, nyaris-nyaris hilang jawatan dalam Kerajaan. *(Tepuk)*

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhonnat dari Kota Tinggi dan saya dan kemungkinan banyak orang dalam Dewan ini sedar bahawa itu bukan faktor yang memecahkan UMNO, tetapi apabila Ahli Yang Berhormat dari Kota Tinggi meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri, pengikut-pengikut UMNO

telah membuat tafsiran yang lain, iaitu ada berlaku perpecahan. Kita yang faham tentang amalan "Parliamentary Democracy" kita faham itu sebenarnya bukan perpecahan, itu adalah hak Ahli Yang Berhormat dari Kota Tinggi, tetapi bagi "the masses" ataupun rakyat biasa, pada mereka itu bererti satu perpecahan . . . . .

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu berminat dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap yang menyatakan bahawa perletakan jawatan Ahli Parlimen dari Kota Tinggi membawa perpecahan kepada ahli parti dan juga kepada orang ramai. Tahukah Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bahawa di Negeri Johor sahaja dalam Pilihanraya Umum 1986 UMNO tak kalah satu kerusi pun? Bagaimana kalaulah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap perletakan jawatan Ahli Parlimen Kota Tinggi sebagai Timbalan Perdana Menteri meninggalkan perpecahan bagi kalangan orang Melayu atau orangramai, sepatutnya, sekurang-kurangnya di Negeri Johor berlakunya perpecahan dan di mana UMNO mendapati kekalahan dalam setengah-setengah tempat, tetapi kami bolot semua 100% kerusi yang telah kami tandingi di atas nama "UMNO 46". Dan sedarkah Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bahawa selepas daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Tinggi meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri, berapa ramaikah ahli UMNO yang menmggalkan UMNO yang hendak dikatakan sebagai perpecahan? Mengapa tidak kita mengaku kesalahan kepada pihak yang membuat kesalahan? Janganlah hendak tuduh-tuduh sebarangan, baru bertanding tahun 1986. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli

dari Johor Bahru ini kurang memahami . . . . .

**Dato' Musa bin Hitam:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kota Tinggi bangun.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun cuma hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, (*Ketawa*) oleh sebab dia telah mengatakan hasrat apa yang saya hendak katakan. Cuma saya hendak tambah satu sahaja, iaitu dalam pilihanraya pada tahun 1986 dahulu saya sebagai calon UMNO 46 telah mendapat undi yang boleh dikatakan terbanyak sekali di seluruh negara di mana parti yang melawan saya, minta maaf sahabat saya daripada PAS tetah kalah, hilang depositnya di mana waktu itu saya bukan lagi memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri, tetapi sokongan yang begitu banyak telah didapati daripada rakyat jelata. Ini membuktikan bahawa perpecahan tidak berlaku selepas saya meletakkan jawatan, tetapi perpecahan berlaku selepas pucuk pimpinan di dalam UMNO Baru. Setelah UMNO Baru ditubuhkan, mereka "mencantas" (bahasa Kedah) ataupun "membuang" dengan secara dendam mereka yang sepatutnya duduk di dalam UMNO Baru walhal mereka telah dipilih oleh para perwakilan di dalam UMNO yang mewakili orang-orang Melayu keseluruhannya di negara ini. Terima kasih.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Yang Berhormat, minta hendak buat pembetulan. Undi yang terbanyak ialah kawasan Parlimen Selayang, bukan Kota Tinggi. (*Tepuk*)

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Boleh saya dapat penjelasan, berapa percent . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**

Nanti, kita beri peluang kepada dia, Yang Berhormat, kalau tidak, tidak cakap dia nanti, banyak sangat penjelasan.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Saya beri.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tolong beri saya sekejap?

**Dato' Musa bin Hitam:** Saya minta maaf, betul dari segi angka tetapi dari segi peratus. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dari segi angkanya terbanyak, tetapi saya dari segi peratus. Jadi tak ada bertelingkahan di sini. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Hendak beri?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Beri, last!

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat dari Padang Terap. Adakah Yang Berhormat dari Padang Terap bersetuju sekiranya saya mencadangkan supaya Yang Berhormat dari Padang Terap tidak memberi jalan dan meneruskan ucapannya supaya kita dapat mendengar hujah-hujah yang akan diberi oleh Yang Berhormat dari Padang Terap dan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain dari kedua-dua belah pihak supaya kita dapat memikir dengan rasional, dengan yang betul dan kemudian kita membuat keputusan. Terima kasih.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sebab semalam pun Yang Berhormat dari sebelah sana bercakap, saya tidak pernah kacau walau sekali pun dan saya minta mereka jangan kacau saya.

Cuma saya hendak sebut sedikit tentang salah faham mengenai dengan saranan saya tadi ialah apa yang saya sebut sebagai polarisasi itu pada keseluruhan negara. di Johor kita tidak boleh mengambil sebagai "example" yang tepat kerana di Johor kekuatan UMNO di Johor adalah kuat (*Tepuk*) dan struktur UMNO di Johor pun adalah satu struktur yang "monolithic" tidak ada kumpulan, tidak ada "clique", hanya berkiblat kepada Yang Berhormat dari Kota Tinggi sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, polarisasi di dalam bentuk kumpulan Mahathir-Ghafar dan Razaleigh-Musa . . . . .

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Saya tak beri jalan!

**Dato' Musa bin Hitam:** Tak beri jalan?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Tak beri jalan!

**Dato' Musa bin Hitam:** Dalam suratkhbar tak beri jalan, di sini pun tak beri jalan, macam mana?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Polarisasi yang saya kata tadi wujud hasil dari pertikaian mengenai stail kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir di dalam UMNO. Pada hari yang bersejarah, iaitu 24hb Aprii, 1987 Perhimpunan Agung UMNO yang legistimasinya diterima oleh kedua-dua pihak yang bersengketa sekurang-kurangnya pada masa undi itu dibuang telah memutuskan bahawa UMNO mesti terus dipimpin 3 tahun lagi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan Yang Amat Berhormat Encik Ghafar bin Baba. Di Perhimpunan itu juga Ahli-ahli Majlis Tertinggi dipilih untuk bersama-sama menerajui UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli UMNO yang menjadi perwakilan pada 24hb April, 1987 itu telah menunjukkan kearifan berpolitik yang tinggi tahapnya. Walaupun Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba dipilih memegang teraju UMNO, 8 orang pemimpin UMNO yang menentang mereka habis-habisan juga dipilih ke dalam Majlis Kerja Tertinggi.

Tidak berlaku pengundian blok secara memisahkan kedua kumpulan yang bertanding sehingga menyebabkan mana-mana kumpulan terkeluar, 17 Ahli MKT yang lainnya tidak semestinya penyokong fanatik Dr Mahathir dan Encik Ghafar. Pada penelitian saya, Tuan Yang di-Pertua, hanya 10 orang sahaja yang boleh disifatkan sebagai penyokong fanatik kedua-dua pemimpin-pemimpin tadi, yang 7 lagi itu hanyalah Ahli-ahli UMNO yang mengambil jalan tengah di dalam persengketaan 2 pihak ini.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan hakikat ini dapatlah kita lihat kearifan Ahli-ahli perwakilan UMNO pada hari 24hb April, 1987 itu. Perwakilan UMNO yang mewakili lebih sejuta ahli UMNO itu sebenarnya tidak mahu UMNO berpecah. Mereka sayang kepada semua keempat-empat pemimpin yang bertanding untuk 2 jawatan yang tertinggi di dalam UMNO itu iaitu jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak boleh meletakkan keempat-empatnya ke dalam 2 jawatan yang dipertandingkan itu dan 2 orang terpaksa dikorbankan, dengan lebih tepat di K.I.V. dahulu dan 2 orang yang mereka pilih itu adalah 2 orang yang mereka pilih tahu boleh bekerjasama dan diperlukan lagi kepimpinan mereka. Margin 43 dan 40 yang dimenangi oleh Yang Amat Berhormat Dr Mahathir dan Yang Berhormat Encik Ghafar Baba mesti

dilihat di dalam prespektif ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu prespektif dilemma memilih di antara 2 kumpulan yang dikasihi dan akhirnya yang lebih berhak terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap orang perwakilan UMNO pada 24hb April, 1987 itu adalah ahli UMNO yang mengerti dan memikirkan tanggungjawab masing-masing. Tiap-tiap mereka itu adalah pemimpin di bahagian masing-masing. Adalah sangat logik jika kita andaikan bahawa tiap-tiap seorang dari mereka itu menimbang dan memikirkan siapa yang hendak diundi ke jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dan seterusnya ke jawatan di dalam MKT. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, andaian asas di dalam hujah saya yang akan menjadi tumpuan hujah-hujah lain. Hasil dari kempen-kempen hebat oleh kedua belah pihak yang bertentangan itu, 1,400 orang perwakilan tidak lagi dapat bertindak sebagai 1,400 orang individu yang membawa mandat dari bahagian masing-masing. Mereka bertindak sebagai satu unit yang mahu menunjukkan perasaan mereka yang bulat iaitu perasaan sayang kepada semua pemimpin dan justeru itu kepada parti UMNO.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

Fenomena ini dipanggil oleh ilmu sosial psikologi sebagai "the emergent group "conscience" atau gerak hati kumpulan yang mengatasi kehendak-kehendak individu. Ini bermakna tindakan, 1,400 orang perwakilan pada 24hb April, 1987 itu adalah tindakan satu badan, satu "conscience" yang mahu keadilan tanpa menyinggung perasaan kumpulan yang kalah dan tidak sekali-kali membenarkan yang menang berasa sombong dan angkuh dengan kemenangannya. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan Mahathir-Ghafar dan

kumpulan Tengku Razaleigh-Musa, tidak boleh membuat macam-macam alasan di atas kekalahan atau kemenangan mereka. Kumpulan Mahathir—Ghaffar tidak boleh menuduh para perwakilan tidak mengikut mandat yang diberi oleh bahagian-bahagian dan sebaliknya kumpulan Tengku Razaleigh-Musa tidak pula boleh mendakwa bahawa mereka menang dalam kalah, lantaran margin-margin yang kecil yang memisahkan mereka dengan kumpulan Mahathir—Ghaffar. Keadilan yang ditunjuk oleh group conscience ini patut diterima oleh kedua-dua pihak dengan hati yang terbuka dan perasaan yang ikhlas hati serta tawaddu'. Dilihat dari segi agama group conscience ini adalah kudrat dan iradat Allah s.w.t. di dalam menegakkan keadilan pada satu ketika dan satu masa yang tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa pun. Hikmah yang dibawa oleh group conscience ini ialah di antara 2 pihak ini tidak ada yang menang dan tidak ada yang kalah. Allah mengangkat dan menjatuhkan sesiapa sahaja yang dia suka, yang diangkat mesti menerimanya dengan penuh tawaddu' dan yang terjatuh mesti menerimanya dengan insaf bahawa ini adalah semata-mata kehendak Allah pada suatu masa dan suatu ketika.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan yang diiratkan oleh Allah melalui group conscience ini diperlihatkan lagi di dalam pemilihan 3 Naib-naib Presiden. Kedua-dua belah pasukan terpilih bersama dengan seorang moderate di tengah. Keadilan ini datangnya daripada jiwa murni 1,400 orang perwakilan UMNO pada hari itu. Keadilan yang dibawa oleh kumpulan yang bertindak inilah yang dianggap oleh Socrates, sekali lagi saya sebut Socrates, sebagai, "the excellence of the soul". Saya menganggap 1,400 orang perwakilan UMNO ini digerakkan oleh the excellence of the soul, memilih mereka yang lebih

berhak memimpin UMNO selama 3 tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, wujudnya "the excellence of the soul" ini mematahkan segala pengaruh-pengaruh dan kuasa dari wang yang bermaharajalela pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, peristiwa selanjutnya iaitu tindakan mempertikaikan kudrat Allah s.w.t. yang diperlihatkan melalui group conscience ini bolehlah dianggap satu tindakan yang menunjukkan apa yang Socrates sifatkan sebagai "the defect of the soul". Alasan 30 cawangan yang tidak sah sebagai alasan mencabar kesahihan undang-undang Perhimpunan Agung ini adalah berlawanan dengan group conscience yang menghidupkan UMNO selama 41 tahun sebelum itu. Pencabaran di mahkamah ini tidak langsung menghormati keputusan yang dibuat oleh 1,400 orang perwakilan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa asas hidup manusia yang bermasyarakat ialah group conscience yang membawa kebaikan bersama atau common good. Undang-undang yang dicipta oleh manusia hanyalah alat yang secondary untuk memastikan manusia-manusia yang terkeluar dari group conscience dikumpulkan kepada semangat kebaikan bersama ini. Tetapi apabila undang-undang ini digunakan untuk merobohkan kebaikan bersama maka akan runtuhlah masyarakat itu. Tuan Yang di-Pertua, inilah yang berlaku apabila UMNO dibawa ke mahkamah. Hakikat common good yang dibawa oleh group conscience yang terbit dari tindakan 1,400 perwakilan ini telah dicemari. Akhirnya UMNO runtuh dan hancur lebur. Apabila pembunuhan group conscience yang selama ini dibawa oleh jiwa murni 1,400 orang perwakilan UMNO berlaku, pendaftaran UMNO yang ditubuhkan pada 11hb Mei, 1946 dan yang seiama 41 tahun hidup di atas conscience ini dengan sendirinya mati.

Ianya dilenyapkan oleh tindakan yang tidak menghormati jiwa murni ahli-ahli UMNO yang sudah meninggal dan yang masih hidup. Dari segi logik ianya diberi paluan yang hebat sehingga pendaftaran dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, group conscience ini sebenarnya adalah nyawa UMNO selama 41 tahun, bukan undang-undang tubuh atau perlembagaan UMNO. Group conscience inilah yang lebih mulia ataupun yang lebih sacred daripada perlembagaan. Perlembagaan UMNO mula diubah selepas 3 hari UMNO ditubuhkan dan seterusnya dipinda sebanyak 10 kali di dalam usianya selama 41 tahun, tetapi group conscience Ahli-ahli UMNO selama 41 tahun tidak pernah berubah dan akan terus hidup. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak wajar untuk sesiapa sahaja yang menganggap dirinya sebagai ahli UMNO mendewadewakan perlembagaan UMNO dan sebaliknya cuba memesong dan mencemarkan group conscience Ahli-ahli UMNO. Apabila UMNO ditubuhkan pada 11hb Mei, 1946 dahutu group conscience inilah yang memaras dan menseragamkan segala perbezaan-perbezaan yang ada di kalangan berpuluh-puluh pertubuhan dan persatuan Melayu di seluruh pelusuk tanahair menuju ke arah satu tujuan dan objektif yang sama. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, Sebarkas di Kedah yang dari perlembagaannya adalah sebuah pergerakan koperasi yang membawa ideologi sosialisme yang radikal meninggalkan segala ini untuk diserap ke dalam badan induk UMNO dengan perjuangan nasionalisme Melayunya. Perlembagaan UMNO yang digubal hanyalah menjadi kenderaan yang digerakkan oleh group conscience ini ke arah matlamat-matlamatnya. Kenderaan ini bertukar mengikut masa dan waktu sebagaimana yang telah berlaku lebih 10 kali di dalam masa 41 tahun ini.

Justeru itu, Perlembagaan UMNO yang ada pada hari ini adalah kenderaan baru yang sesuai untuk perjalanan yang sempurna dan licin di zaman ini. Usaha untuk memberi 10 undi bonus kepada calon Presiden dan Timbalan Presiden apabila mendapat pencalonan daripada bahagian adalah usaha memperluaskan pengaruh group conscience ini ke akar umbi parti UMNO itu sendiri. Ianya merupakan satu inovasi yang tidak semestinya kekal di dalam tubuh badan UMNO. Begitu juga dengan kuasa melantik Ketua Pemuda dan Ketua Wanita oleh MKT UMNO. Inovasi ini dibuat untuk memberi kuasa yang lebih bermakna kepada badan induk UMNO supaya gerakan-gerakan Pemuda dan Wanita tidak menjadi parti dalam parti. Justeru itu, UMNO akan menjadi lebih kuat.

Tuan Yang di-Pertua, apakah bezanya pindaan-pindaan Perlembagaan ini dengan pindaan-pindaan yang lain sebelum ini? Saya fikir tidak ada beza langsung. Mengapa harus dijadikan isu pindaan Perlembagaan sebagai alasan tidak mahu menerima UMNO yang ada pada hari ini lantaran ianya bukan UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1946? Perlembagaan hanyalah alat yang dicipta oleh group conscience untuk kegunaan pada satu-satu masa sahaja. Mana yang lebih mulia di antara perisytiharan oleh Yang Arif Hakim Harun Hashim yang berasaskan undang-undang negara daripada kesinambungan group conscience UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1946 ke dalam UMNO yang ada pada hari ini? Wujudnya undang-undang yang dipakai oleh Yang Arif Hakim Harun Hashim itu adalah kerana wujudnya group conscience yang menggerakkan negara ini dan perlembagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Melayu pada hah ini patut belajar daripada sejarah Melayu sendiri. Hanya bangsa yang mengingati

sejarah sahaja yang tidak akan mengulangi kebodohan-kebodohan silam. (*Tepuk*) Kejatuhan Empayar Melayu Sri Vijaya yang tegak dengan gilang gemilang selama 600 tahun sebelum abad ke-11 adalah disebabkan oleh cabaran ke atas pucuk pimpinan pusat oleh anak-anak Raja dan ketua-ketua di provinsi-provinsi. Cabaran ini berlaku selepas Kerajaan Sri Vijaya menjadi kaya-raya sehingga digelar oleh Sami dan pencatat sejarah China I Cheng sebagai "Nusantara Emas". Sebelum mencapai tahap "Nusantara Emas" ini, Tuan Yang di-Pertua, perpaduan di antara pusat dan provinsi-provinsi adalah kukuh. Ikatan ekonomi di antara mereka adalah berasaskan kepada kehendak politik yang pada masa itu ialah kehendak penyatuan di dalam bentuk kenegaraan untuk menjaga kepentingan dunia Melayu yang mengelilingi tasik Melayu iaitu Selat Melaka. Kehendak terhadap kenegaraan ini tercetus apabila wujud ancaman dari luar seperti Thailand dan India di dalam perhubungan ekonomi dengan kuasa dunia pada masa itu iaitu Benua China.

Mengikuti sejarah, Tuan Yang di-Pertua, kehendak politik ini akhirnya membawa kepada kemakmuran ekonomi. Sri Vijaya menjadi "the land of gold", dengan izin, Maharaja China sendiri mengakui hakikat ini dan mewujudkan hubungan diplomatik yang erat dengan Sri Vijaya untuk memastikan bekalan emas dan lain-lain bekalan bahan-bahan ekonomi dari negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila semua pemimpin-pemimpin menjadi kaya, maka sifat tamak haloba mula meresapi jiwa mereka. Maka bercakaranlah di antara anak-anak Raja dan lantas perikatan-perikatan, "the unholy alliances", dengan izin, dengan musuh dibuat untuk menjatuhkan kekuasaan pusat. Akhirnya, apabila ibukota Sri Vijaya, Palembang hancur musnah, tiada lagi

pemimpin-pemimpin Melayu yang berdaya mentadbirnya untuk suatu ketika. Di masa itu, Tuan Yang di-Pertua, Palembang jatuh ke tangan segerombolan lanun China dan diperintahnya buat beberapa waktu sebelum kewarasan berpolitik datang balik kepada pemimpin-pemimpin Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya memilih Empayar Sri Vijaya dan bukan Kesultanan Melayu Melaka kerana persamaan ataupun, dengan izin, parallelism apa yang berlaku pada masa itu dan pada masa ini adalah cukup tepat. Keruntuhan Melaka adalah disebabkan. . . .

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . . .

**Dato' Dr Affifudm bin Haji Omar:** . . . serangan dari luar ke atas negara yang menjadi lemah. . . .

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Minta penjelasan.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** . . . kerana percakaran pemimpin-pemimpin yang disebabkan oleh. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Besut bangun.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Minta penjelasan.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Speaker, sekurang-kurangnya berilah saya habiskan ayat saya dahulu.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Saya tunggulah sampai habis ayat. (*Ketawa*)

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** . . . kerana percakaran-percakaran pemimpin yang disebabkan oleh

faktor sosial khususnya yang berpunca dari nafsu seks. Sila.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik mendengar Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap membuat contoh Empayar Sri Vijaya iaitu sebuah Kerajaan Hindu-Buddha yang wujud. Adakah bermakna sekarang ini hendak diwujudkan semula sistem berempayar ini dengan berpusat di Lembah Bujang di Kedah (*Ketawa*), kerana ianya merupakan tapak sejarah Kerajaan Hindu-Buddha untuk menakluki seluruh rakyat ke negara-negara kita ini dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar bimbang hendak mencontohi Kesultanan Melayu Melaka kerana kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka adalah berasal daripada pengkhianatan seorang yang bernama Raja Medaliar iaitu seorang India Muslim. (*Ketawa*)

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, kenapa pula nama saya dikait-kaitkan? (*Ketawa*)

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Saya minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat-Yang Berhormat, duduk!

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Kepada sahabat saya itu, saya minta maaf. Yang saya hendak sebut ialah Kota Setar (*Ketawa*)—Padang Terap. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak perlu menjawab soalan itu kalau soalan itu mengenai hendak bawa balik ke Lembah Bujang. Apa yang saya sebut tadi ialah perbandingan, ini

perlu difahami oleh tiap-tiap orang di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga mengenai dengan Sri Vijaya ini, saya sebut tidak ada kaitan dengan asas agamanya kerana terutama sekali apa yang saya bincangkan ialah "materialisme", tidak ada berkenaan dengan "spiritualisme" dan Kerajaan Sri Vijaya bukanlah Hindu-Buddha, ia adalah Kerajaan Buddha Mahayana. (*Ketawa*) (*Tepuk*)

**Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai); (Bangun)**

**Dato' Dr AfTifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berilah dalam soal jawab ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya hendak tanya "Mahayana" dengan "Mahabharata" ini. (*Ketawa*)

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, keruntuhan Sri Vijaya yang meninggalkan kumpulan-kumpulan serpihan seperti Kedah, Ligor, Champa, Temasek dan lain-lain lagi berlaku terlalu teruk sehingga apabila munculnya Empayar Kesultanan Melaka yang berusia hanya 100 tahun sahaja, keutuhan kenegaraan yang sama tidak tercapai.

Faktor "materialisme" atau ekonomi menjadi kuasa penentuan di masa percakaran di Sri Vijaya dahulu. Faktor "siapa mendapat apa dan banyak mana" menjadi isu central di dalam percaturan politik Sri Vijaya. Faktor "orang awak dan orang saya mendapat apa dan banyak mana" mengatasi soal perpaduan negara Sri Vijaya itu sendiri. Akhirnya Empayar itu runtuh akibat perkelahian sesama sendiri tanpa diserang oleh mana-mana kuasa luar. Apakah segala scenario Sri Vijaya berulang pada masa ini? Saya serahkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, penyatuan bangsa Melayu di Malaysia ini adalah dibawa oleh kemahiran politik

pemimpin-pemimpinnya sepertimana juga penyatuan pusat dan provinsi Empayar Sri Vijaya dahulu. Faktor kemahiran politik atau, dengan izin, political skill inilah yang menjadi penentuan perpaduan, bukan faktor keadilan di dalam mendapat kelabahan material di antara "orang saya" dan "orang awak". Raja-raja Ligor, Kedah dan provinsi-provinsi di pantai barat Tanah Melayu bersama-sama provinsi-provinsi di Sumatra, Temasik dan Champa menyerahkan kekuasaan mentadbir hasil mahsul masing-masing kepada kuasa pusat di Palembang berdasarkan kepada kemahiran pemimpin-pemimpin pusat itu menyusun perhubungan ekonomi dan politik dengan kuasa luar.

Pada mulanya soal keadilan pengagihan kekayaan tidak berhangkit kerana perpaduan menjadi matlamat utama. Pokoknya, Tuan Yang di-Pertua, kehendak politik mengutamakan kemahiran kepimpinan, bukan tuntutan-tuntutan keadilan materialisme. Kehendak sejagat bangsa Melayu ialah kehendak politik untuk menentukan survival ekonomi bangsa Melayu. Bangsa Melayu memerlukan pemimpin-pemimpin politik yang mahir sebanyak-banyaknya yang boleh. Pemimpin-pemimpin Melayu perlu menggembelngkan tenaga dan kebolehan politiknya untuk survival ekonominya. Pemimpin-pemimpin Melayu mesti mengelakkan diri daripada perebutan kekayaan seperti kata Plato di dalam "The Republic" bahawa di dalam bidang politik seperti yang dihadapi oleh orang Melayu pada masa ini kawan yang mahir berpolitik adalah lebih berguna dari kawan yang adil. Dari hypothesis Plato ini banyak cendekiawan yang mengatakan bahawa politik adalah satu permainan yang tandus dari segi keadilan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Plato menganjurkan kepada kita bahawa tindak-tanduk politik mestilah berdasarkan moral dan moral ini mestilah moral yang tercetus dari

conscience masyarakat dan ianya mengatasi kepentingan peribadi dan kumpulan-kumpulan tertentu.

Oleh itu, persoalan tentang "orang saya dapat apa dan banyak mana" tidak boleh dijadikan hujjah pertama di dalam transaction politik pada masa ini. Perjuangan yang bersekitar di sekeliling isu inilah yang telah menghancurkan Sri Vijaya dan juga yang telah menghancurkan UMNO tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini jugalah yang masih memecah-belahkan pemimpin-pemimpin Melayu yang bersengketa sehingga hari ini dan yang membuat nama UMNO menjadi rebutan. Hakikat pembentangan Usul ini pada hari kelmarin mencerminkan perebutan nama ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di Dewan yang mulia ini menyeru pihak yang di sebelah sana itu termasuk semua pengikut-pengikutnya supaya baliklah ke pangkal jalan. Pengorbanan di kedua-dua belah pihak perlu dibuat. Pengorbanan yang paling susah hendak dilakukan ialah harga diri yang kadangkala menjadi perasaan yang tidak kena pada tempatnya. Apakah harga diri yang hanya disanjung oleh sekumpulan kecil itu lebih penting dari penghargaan yang akan diberi oleh seluruh bangsa dan yang akan disanjung berpanjangan menerusi sejarah. Marilah kita hidupkan semula perpaduan Melayu untuk terus membina hak kita di dunia ini yang dimulakan oleh Demang Lebar Daun dan dislogankan oleh Hang Tuah "Tidak Melayu Hilang di dunia".

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyokong penuh saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat. . . .

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bagan Serai.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** Saya hendak habis sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** Saya menyokong penuh saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kemaman semalam, supaya ditubuhkan satu Consultative Panel untuk menyatukan semula kumpulan-kumpulan Melayu yang terbesar ini. Dengan itu saya menentang Usul ini detni meneruskan arus sejarah pembangunan bangsa Melayu.

Sekian dan saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepala Batas.

4.22 ptg.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi (Kepala Batas):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam debat yang bersejarah ini.

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana semenjak debat ini bermula dari semalam lagi, jelas pada pendengaran saya bahawasanya yang mengambil bahagian. yang turut juga menyokong berbagai-bagai pandangan dan pendapat, membayangkan bahawasanya kita semua ini adalah orang-orang yang sayang kepada UMNO. Kita sayang kepada UMNO kerana kita mengakui bahawasanya UMNO adalah parti politik orang Melayu yang memperjuangkan semangat kebangsaan kerana cinta kepada agama, bangsa dan negara dan

semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 dahulu, UMNO telah begitu berjaya menyatupadukan bangsa Melayu.

UMNO berjaya menuntut kemerdekaan, UMNO juga telah berjaya untuk membawa pembangunan kepada negara ini dan juga kepada rakyat seluruhnya. Tetapi kita juga turut mengakui bahawasanya ada satu peristiwa malang yang telah berlaku kepada UMNO iaitu pada 4hb Februari yang lalu UMNO telah dianggap tidak sah oleh mahkamah.

Satu kenyataan yang paling berat untuk kita hendak menerimanya, tetapi kita mengakui bahawasanya itu adalah satu keputusan mahkamah dan kemudiannya pula diikuti pula dengan pembatalan pendaftaran UMNO yang didaftarkan pada tahun 1946 itu. Sama-sama kita mengakuinya tentang apa yang telah berlaku itu, tetapi walaupun UMNO sebagai sebuah parti telah dianggap tidak sah sebagai sebuah parti yang punya pendaftaran telah dibatalkan pendaftarannya, tetapi perjuangan UMNO, semangat UMNO telah tidak sekali-kali dianggap tidak sah, tidak sekali-kali dibatalkan oleh mana-mana pihak ataupun mahkamah (*Tepuk*), bahkan semua kita yang hadir dalam Dewan ini, orang Melayu, sama yang menjadi anggota Dewan Rakyat ini ataupun saya juga yang menjadi pemerhati pendebat sepanjang hari semalam dan sehingga hari ini, semuanya sama juga pandangannya tentang UMNO itu, sama sayang dan sama turut hiba dan sama ingin UMNO itu terus bergerak dan sama mengakui bahawasanya perjuangan UMNO itu, perjuangan yang sah itu, tidak boleh dibatalkan oleh sesiapa pun. Tetapi nampaknya perbezaan yang jelas yang menjadi persengketaan sesama kita sehingga membawa kepada kemuncak kita sama-sama bertanding dalam pilihanraya tentang bagaimanakah perjuangan UMNO itu patut diteruskan dalam bentuk apakah.

Satu kumpulan mengatakan bahawasanya sebaik-baiknya ialah UMNO yang telah dibatalkan pendaftaran itu dihidupkan semula supaya terus menjadi parti bagi kita semua dan dalamnya kita bersatu-padu. Satu kumpulan telah bergerak pantas juga mendaftarkan semula UMNO bukan dengan tujuan hendak membatalkan perjuangan itu, bukan dengan tujuan hendak menghilangkan, melupakan perjuangan itu, tetapi hanya kerana hendak meneruskan perjuangan itu. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berdebat tentang wajar, tidak wajarnya, tentang baik buruknya, tentang elok tidak eloknya, tentang sama ada begini caranya UMNO mesti diteruskan atau itu caranya yang UMNO mesti dihidupkan, saya percaya tidak akan sampai ke satu keputusan yang semua kita sama-sama bersetuju dengannya. Dalam hal ini saya ingin melahirkan sedikit pandangan tentang apa yang telah kita katakan UMNO itu. UMNO ada dua aspek pada pandangan saya. Yang pertamanya UMNO dari segi perjuangan yang sama-sama kita anuti, perjuangan yang kita ingin teruskan selagi ada matahari dan bulan, selagi ada bangsa Melayu yang mendiami bumi Malaysia ini, ini kita tidak ada perbezaan pandangan daripadanya. Satu tagi ialah aspek UMNO sebagai sebuah parti politik yang pendaftarannya sah, yang dengannya membolehkan kita yang semua mendukung cita-cita perjuangan UMNO itu berkumpul dalam parti ini dan bahawasanya pula merancang bergerak dan bertindak bagi mencapai matlamat dan tujuan perjuangan kita itu. Jadi, apa yang menjadi masalah juga pada hari ini ialah perkara yang ada hubung kaitnya dengan parti itu, pengurusannya yang menjadi perkara yang begitu menjadi perbalahan besar semasa kita pada hari ini.

Kita perlu mencari titik pertemuan, kita perlu mencari cara-bicara bagaimanakah kita dapat kembalikan, kita dapat menyatupadukan tenaga kita kembali, Bagaimanakah masalah kita ini dapat kita selesaikan dan apakah titik pertemuan itu. Pandangan saya ialah kita memahami bahawasanya kita menubuhkan parti UMNO, kita menegakkan perjuangan UMNO kerana kita mempunyai cita-cita untuk membina bangsa, agama dan negara. Apa ertinya kita berpolitik katau kita tidak ada organisasi politik yang kemas, yang cekap untuk membolehkan kita melaksanakan hasrat kita. Apa ertinya kita berpolitik jika sekiranya dengan politik kita itu kita tidak boleh sampai ke tahap di mana kita akan ada kuasa untuk memerintah. Kita akan punya keupayaan dan status untuk melaksanakan cita-cita kita itu melalui rancangan-rancangan dan program-program yang boleh kita laksanakan dengan cepat untuk mencapai cita-cita kita ini.

Dalam hal ini secara pragmatis saya anjurkan supaya kita lihat bahawasanya UMNO yang didaftarkan semula ini pada waktu ini adalah UMNO yang berkedudukan sama dengan UMNO yang dulunya dalam Kerajaan *(Tepuk)*, yang masih punya kuasa dan keupayaan untuk meneruskan rancangan-rancangan pembangunan yang dihasratkan oleh rakyat, untuk pembangunan rakyat dan untuk pembangunan negara. UMNO mampu melaksanakan dengan keupayaan dan kuasa yang ada pada Kerajaan. UMNO juga pada hari ini. ....

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:**  
*(Bangun)*

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Saya hendak teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

UMNO juga pada hari ini masih berada dalam parti Barisan Nasional iaitu satu pakatan politik yang telah

membuktikan viabilitinya di negara kita ini dengan setelah mendapat sokongan berulangkali dalam pilihan-pilihanraya umum dan UMNO tetap menjadi wakil orang Melayu yang melambangkan cita-cita politik orang Melayu yang melambangkan hak ketuanan Melayu dalam pakatan Barisan Nasional itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam situasi yang ada sekarang ini pada saya alangkah tidak baiknya, bukannya sudah wajarnya maka pilihan kita itu adalah berada kepada organisasi yang sudah berkemampuan untuk meneruskan perjuangan kita dengan kuasa yang telah ada dalam Kerajaan pada hari ini. Itu yang pragmatik kerana kita hendak memandang ke hadapan, kita hendak meneruskan perjuangan dan bukan hendak menoleh ke belakang.

Tuan Yang di-Pertua, UMNO yang ada pada hari ini. . . . .

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** (Bangun)

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Saya hendak teruskan, Yang Berhormat. Biarlah kemudian kita bincang.

Apa yang ada pada hari ini bukan UMNO yang dianggotai oleh sepuluh orang, bukan UMNO yang dianggotai oleh seratus orang, bukan UMNO yang dianggotai oleh seribu orang. Tetapi UMNO yang ada pada hari ini telahpun dianggotai oleh 722,721 bilangannya (*Tepuk*) yang namanya telahpun lengkap dimasukkan dalam komputer yang masih ada lagi dalam borang yang. . . . .

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Minta penjelasan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Penjelasan mengenai apa?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Dua perkara.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Saya beri can.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Satu, Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi kata, kita tidak perlu menoleh ke belakang, sedangkan Yang Berhormat daripada Padang Terap sudah menoleh ke belakang sehingga ke zaman Sri Vijaya. (*Ketawa*)

Yang keduanya, ahli UMNO (Baru) baru ada 70 ribu, tujuh berapalah, 700 ribu—yang diisytiharkan 1,400,000, Yang mana satu yang betul untuk kita rekodkan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Terima kasih. Itu cara kita berhujah. Tetapi conclusionnya nanti akan sama antara saya dengan Wakil Rakyat dari Padang Terap. (*Tepuk*)

Yang keduanya, sebab saudara bangun sebelum saya sempat menyelesaikan bacaan statistik yang ada pada saya, maka sebab itu pertanyaan begitu telah dikemukakan, itu sebab saya kata nanti dahulu. Jadi yang 722,721 adalah nama-nama yang sah yang telah dimasukkan dalam komputer dari borang-borang yang sudah ada di Ibu Pejabat UMNO. Yang masih ada lagi pada peringkat bahagian dan pada peringkat perhubungan dan masih ada 34,521 di Ibu Pejabat UMNO, kalau semuanya itu dicampurkan maka nyatalah angka itu lebih sedikit daripada 1 juta ahli yang sudah dan yang mahu dan telah meminta untuk menjadi ahli UMNO (*Tepuk*).

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas minta penjelasan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Cukuplah. Saya banyak lagi yang hendak dihujahkan dan saya percaya nanti Yang Berhormat sendiri akan bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, begini ramai yang telah menerima UMNO, UMNO yang telah didaftarkan semula, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) itu memahami dan mengakui bahawa inilah UMNO, memahami dan mengakui bahawa inilah satu-satu partinya yang berkemampuan untuk meneruskan perjuangan UMNO. Sebarang usaha untuk mengambil tindakan yang akan merungkaikan usaha yang telah dijalankan selama hampir setahun yang melibatkan hampir sejuta orang ramai itu pada saya akan lebih rumitkan dan menimbulkan banyak masalah daripada masalah bilangan kecil yang hendak diselesaikan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, kita perlu mencari titik pertemuan sebolehnya dalam satu pakatan, dalam satu organisasi dan pada saya, saya pilih UMNOlah tempatnya untuk kita bersama-sama (*Tepuk*). Di mana kita ada perbezaan biarlah sama-sama dalam UMNO itu kita menyelesaikan dan bukan di luar sehingga kita terpaksa berhujah dan membuka pekung sama sendiri (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, di dalam UMNOlah kita akan mencari apakah langkah-langkah selanjutnya. . . .

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Penjelasan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tidak beri jalan lagi.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Untuk cari kebaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, kalau dia tidak beri tidak boleh capak.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya minta untuk mencari kebaikan, kalau Yang Berhormat dari Kepala Batas. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, duduk, kalau dia tidak beri, tidak boleh.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Sekarang dia hendak beri.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan, Kalau tidak hujah saya tidak ada sequencenya dan kemudian nanti akan jadi kabur dan susah hendak difahami conclusionnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah kalau sudah ada interruption, saya bercakap tidak ada nota. Sebagaimana yang saya katakan tadi biarlah saya ulangkanlah, kita perlu cari organisasi untuk menjadi titik pertemuan bagi kita semua untuk membincang apakah perkara yang sebaik-baiknya boleh kita laksanakan. Kalau ada perbezaan kalau ada pertelingkahan kita selesaikan sesama kita dengan semangat keluarga bangsa Melayu itu yang beragama Islam.

Langkah untuk mewujudkan titik pertemuan itu supaya pemimpin-pemimpin bangsa yang juga ada pengikut-pengikutnya yang juga ramai yang kita akui, telahpun diambil oleh UMNO dengan menawarkan supaya diadakan perbincangan sesama pemimpin-pemimpin yang ada pandangan tentang apa yang patut dilaksanakan kerana masa depan bangsa, agama dan negara. Pemimpin-pemimpin juga banyak pengikutnya yang sehaluan dan sama pandangan dengan mereka. Titik pertemuan itu adalah satu perbincangan yang dipanggil perbincangan lapan biji mata antara empat pemimpin orang Melayu. Tetapi dukacita sekali perbincangan yang diharapkan itu pada hari ini masih belum juga berlaku.

Juga pada peringkat yang keduanya satu percubaan daripada UMNO untuk mewujudkan titik pertemuan pada tahap yang tinggi, the highest

level dalam Government, dalam Kerajaan yang punya kuasa, yang punya executive power, yang punya tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan segala rupabentuk rancangan bagi negara dan bangsa iaitu Kabinet, pelawaan telah dibuat juga untuk mempelawakan dua orang pemimpin Tengku Razaleigh dan Dato' Musa untuk menyertainya. Bukan kerana tujuan yang lain saya lihat, ini adalah mesti dianggap sebagai satu kesempatan, for participation, untuk penyertaan dalam apa juga perbincangan dan perancangan pada peringkat yang paling tinggi dalam Kerajaan kita pada hari ini. Dan satu lagi juga tawaran yang telah dibuat oleh pemimpin UMNO di peringkat yang ketiga ialah untuk memberi semula kesempatan kepada saudara-saudara kita yang dahulu juga telah sama-sama dipilih dan ada juga pengikutnya yang ramai untuk sama-sama berada dalam Majlis Tertinggi, bersama-sama nanti akan berpeluang dalam Majlis Tertinggi dalatn parti UMNO itu untuk membincang hal-hal yang berkaitan dengan masa depan kita. Bukan ada sebarang syarat yang dikatakan bahawasanya kerana pelawaan itu hendaklah atas asas bahawasanya mesti patuh dan tunduk kepada syarat-syarat untuk mengikut dan mematuhi kepimpinan dan sebagainya. Hanya sekadar marilah kita bersama-sama dalam UMNO dan inilah tempat untuk saudara dalam Majlis Tertinggi UMNO untuk kita bersama-sama duduk dan bincang walaupun mungkin perbezaan pandangan begitu ketara sekali dan mungkin dalam banyak hal kita tidak ada pandangan yang sama tetapi kalau sudah bertemu mata, kalau sudah duduk semeja dan kalau sudah boleh berbincang bersama insya Allah perbezaan pendapat kita itu akan juga membawa banyak kepada faedahnya untuk agama, bangsa dan negara (*Tepuk*).

Dalam hal ini kita sebagai orang Melayu yang beragama Islam sudah

sepatutnya memahami bahawasanya, kita yang beragama Islam ini adalah bersaudara, dan itulah yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. "innamalmukminuna ikhwah," sesungguhnya orang mukmin itu semuanya bersaudara dan sepatutnya sebagai saudara kita bertindak supaya saudara yang tidak persengkitaan dan tidak ada perasaan sating benci membenci sesama sendiri, tidak ada perasaan prejudis sesama sendiri bahkan yang ada, adalah perasaan kasih sayang sesama kita, kasih sayang sebagai pengikut Nabi Muhammad s.a.w. Inilah yang patutnya ada pada kita. Dan dengan persaudaraan itu sebagaimana yang dianjurkan oleh Allah s.w.t. supaya kita semua bersatu padu dalam persaudaraan itu, berpegang teguh kepada ajaran Allah s.w.t. "waktasimu bihablillahi jamiian walatafarraku." pegang teguhlah kepada ajaran Allah semua kamu dan jangan berpecah belah. Begitu sekali sayangnya Allah s.w.t. kepada kita yang ingin melihat kita hidup bersaudara dan berpegang teguh kepada ajaran Allah dan tidak berpecah belah, juga dianjurkan oleh Allah s.w.t. ini saling bantu membantu, bermuafakat dalam hal-hal kebajikan dan kerana, "takwa wataawanu albirri wattakwa." itu juga menjadi kehendak tetapi nampaknya kita tidak tercapai apa yang sudah diamanatkan oleh Allah s.w.t. itu.

Begitu juga kita diminta supaya dalam hat-hal yang berkaitan dengan kita itu, kita musyawarah sesama kita untuk mencarikan penyelesaian. Begitulah cara-caranya orang yang mukmin, begitulah cara-caranya orang yang menyambut seruan Allah s.w.t. yang mendirikan sembahyang, "wastajabubi rabbihim waakamussalatu waamurruhum sura bainahum wamimma razaknahum yumfikun," itulah maksud yang saya terangkan awal-awal sebelum ayat itu dibaca.

Apakah tidak boleh kerana agama dan kerana bangsa kita, kita mengeneipkan sedikit apa-apa juga yang menjadi kepentingan, kepentingan peribadi ataupun puak dan mencari jalan untuk kita sama-sama duduk semeja dan bincang tentang hal masalah yang melanda bangsa kita pada hari ini. Saya percaya orang Melayu pun sudah begitu tidak senang hati dengan apa yang mereka melihat persengketaan yang seolah-olah yang nampaknya terus menerus. Apa yang bermula dalam hati kemudian sampailah terus ke peringkat yang paling tinggi pilihanraya dan apakah berlaku kemudiannya, wallahu wa'alam, kita tidak tahu, hanya kita boleh menjangka sahaja. Tetapi nyata sekali jika persengketaan ini diteruskan, tidak ada siapa yang akan mendapat keuntungan daripadanya. Kita memahami bahawasanya sebagai jenerasi yang ada masa sekarang ini, pencinta UMNO, pendokong perjuangan UMNO, kita mempunyai tanggungjawab untuk menyerahkan UMNO ini kepada jenerasi yang akan datang dalam keadaan yang baik dan berkeupayaan untuk meneruskan perjuangan kita. Inilah yang menjadi tanggungjawab kita dan inilah yang mesti laksanakan. Ini kita mesti laksanakan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya dengan masalah yang kita lihat pada hari ini, dengan masalah yang akan datang dan mencabangkan yang akan datang dan dengan perlunya kita dengan segera mengembeling tenaga kita untuk menghadapi cabaran-cabaran abad 21 nanti dengan semua ini, pada saya adalah baik jika sekiranya tenaga itu kita satukan dalam parti UMNO yang meneruskan perjuangan UMNO yang telah dicetuskan pada tahun 1946 yang sama-sama kita dukung itu dan segala masalah yang berkaitan dengan parti ini sama ada yang berkaitan dengan

hal pengurusan dan lain-lain itu, mari kita sama-sama dapat menyelesaikan sebagai ahli parti kerana masalah UMNO tidak dapat diselesaikan dari luar.

Tuan Yang di-Pertua, atas fahaman inilah perlunya kita meneruskan perjuangan kita atas fahaman bahawa sudah menjadi satu kenyataan bahawasanya UMNO yang wujud pada hari ini sudah dianggotai begitu ramai ahlinya, atas kenyataan bahawa saya faham benar-benar bahawasanya sejuta lebih orang itu yang sudah menjadi ahli UMNO memahami bahawasanya ini adalah UMNO yang mendukung cita-cita perjuangan 1946, atas alasan bahawasanya UMNO yang ada pada hari ini dengan ramai anggotanya dan kedudukannya dalam Kerajaan Barisan Nasional mempunyai kemampuan dan kebolehan dan kuasa untuk melaksanakan segala hasrat dan cita-cita bangsa itu, maka saya tidak nampak bagaimanakah cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Gua Musang itu patut diberi sokongan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kangar. (*Tepuk*)

4.45 ptg.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun di Dewan yang mulia ini dengan penuh keinsafan bahawa saya berada di sini oleh kerana UMNO, UMNO yang diasaskan lebih daripada 42 tahun dahulu. Sudah tentu saya terhutang budi pada parti itu walaupun parti itu kini tidak lagi wujud di sisi undang-undang. Walaupun tidak lagi wujud, saya masih sayangkan kepada parti itu. Saya tahu beratus ribu bekas ahli-ahli UMNO masih juga sayangkan kepada parti itu dan saya percaya ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang menduduki Dewan ini kerana UMNO juga sayangkan kepada parti itu. Di atas

kesedaran inilah saya berdiri untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang. Sebab musabab kenapa parti itu tidak lagi wujud di sisi undang-undang sudah diketahui umum tetapi ada beberapa faktor yang tidak diberitahu dengan terang yang saya ingin jelaskan di sini. Oleh kerana apa yang diucap dalam Dewan ini akan dicatat untuk diabadikan buat selama-lamanya, maka saya lebih lagi bertujuan di sini untuk merakamkan dalam sejarah demi pengetahuan untuk anak cucu kita di masa hadapan.

Memang benar UMNO itu diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4hb. Februari, 1988. Memang benar juga UMNO Malaysia dipohon untuk didaftarkan pada 8hb. Februari, 1988 iaitu 4 hari selepas perisytiharan Mahkamah tersebut. Pada hari yang sama iaitu pada 8hb Februari, 1988 Setiausaha Agung UMNO ketika itu telah menghantar jawapannya kepada Pendaftar Pertubuhan menjawab surat, dengan izin, show cause, kenapa UMNO tidak patut dibatalkan pendaftarannya. Kalau kita berbincang berkenaan dengan niat, sepertimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu semalam, saya ingin bertanya apakah niat Setiausaha Agung yang pada hari yang sama telah melakukan 2 perkara yang bertentangan? Satu, beliau merayu agar pendaftaran UMNO yang kononnya UMNO memiliki lebih daripada 8,000 cawangan yang mana terdapat lebih kurang 33 cawangan sahaja yang tidak berdaftar yang tidak disengajakan dan dengan itu juga merayu dan dengan itu juga memohon untuk menubuhkan sebuah parti baru di atas nama yang agak pelek yang mungkin tidak akan diterima oleh bangsa Melayu iaitu UMNO 1988. Maka ternyatalah bahawa semenjak 8hb Februari, 1988 hasil daripada beberapa perbincangan sulit yang

diadakan semasa kita di sebelah sana, tidak termasuk kita di sebelah sini, tidak ada tagi niat untuk hendak memulihkan UMNO yang pada masa itu jika diusahakan bersungguh-sungguh dan dengan kuasa yang ada pada pucuk pemimpin UMNO, UMNO masih lagi boleh diselamatkan. Saya berasa yakin jika semua ahli-ahli Majlis Tertinggi dan Ketua-ketua Bahagian, Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Penerangan Bahagian, Ketua-ketua Wanita dan Pemuda Bahagian dipanggil untuk berbincang dengan cara terbuka, satu rayuan yang kuat, yang kukuh, yang konstruktif, yang sukar akan ditolak, akan dapat disampaikan untuk pertimbangan Ketua Pendaftar Pertubuhan.

Saya berasa amat yakin Ketua Pendaftar selepas menerima rayuan tersebut yang diputuskan oleh 660 pemimpin UMNO dari seluruh negara akan teragak-agak untuk membatalkan pendaftaran UMNO. Apatah lagi Ketua Pendaftaran sedar bahawa Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa mutlak untuk tidak bersetuju dengan keputusan Pendaftar jika pembatalan UMNO terus dilaksanakan. Tidaklah sekadar menghantar sekeping surat, sehelai sahaja seperti yang dilakukan oleh Setiausaha Agung, bak kata orang seperti melepas batuk di tangga sahaja. Oleh kerana surat rayuan sedemikian rupa iaitu melalui sehelai surat sahaja, sekeping kertas sahaja, di mana juga mengandungi permohonan untuk menubuh sebuah parti baru, maka tidak hairanlah pihak Pendaftar telah dengan senangnya membatalkan pendaftaran UMNO bertarikh 12hb Februari, 1988.

Selepas Pendaftaran UMNO dibatalkan pada 12hb Februari, 1988, suatu perhimpunan khas penyokong-penyokong Kerajaan yang dihadiri oleh lebih kurang 600 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dari seluruh negara

telah diadakan pada petang 14hb Februari, 1988 di Parlimen, tetapi bukan di Dewan yang mulia ini, di bawah Dewan ini iaitu di Dewan Makan. Saya masih terdengar-dengar tepukan gemuruh dalam perhimpunan tersebut apabila Yang Berhormat Perdana Menteri berucap di antaranya dengan izin, saya petik:

"Hanya undang-undang Tuhan yang tidak boleh dipinda, undang-undang manusia tidak ada yang tidak boleh dipinda".

Ucapan itu yang disiarkan dengan luasnya keesokan hari telah memberi harapan dan janji kepada ahli-ahli UMNO dari segenap pelusuk negara bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan berusaha dan jika perlu meminda Akta Pertubuhan 1966 untuk menghidupkan kembali UMNO. Banyak ahli-ahli UMNO yang menangis kerana UMNO diisytiharkan tidak sah mula berasa lega. Ratusan ribu ahli-ahli UMNO menunggu-nunggu UMNO yang tidak berdosa itu dipulih semula, tetapi sayangnya—sayangnya, tanpa diberitahu kepada 600 Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang itu bahawa Perdana Menteri yang menjadi Presiden UMNO telah dengan senyap-senyapnya memohon untuk menubuhkan sebuah parti baru sehari sebelum perhimpunan khas tersebut dan walaupun hari itu hari Sabtu di mana Pejabat Kerajaan di Kuala Lumpur, bahkan di tempat-tempat lain bekerja hanya separuh hari, permohonan itu diluluskan sebelum jam 1.00 petang, pada tengahari itu juga.

Balik kita kepada niat, sebagai sekali lagi saya ingin mengetahui apakah niat seseorang yang melakukan sesuatu sedangkan selepas itu dia bercakap lain, kepada saya ini macam "bikin tak serupa cakap".

Walau bagaimanapun, Tuan Yangdi-Pertua, undang-undang manusia hanya boleh dipinda dalam Dewan yang mulia

ini. Inilah tempatnya di mana melalui persetujuan Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya daripada UMNO baik daripada yang asal atau baru, parti yang asal itu boleh dihidupkan semula oleh kerana parti itu tidak berdosa dan sepertimana Yang Berhormat dari Kuala Terengganu berucap semalam, kalau tak mahu seribu dalih, kalau mahu seribu daya, saya menyeru agar usul ini disokong. Kalau ada yang tidak menyokong, sudah pasti dalih-dalih mereka itu akan diketahui umum oleh beratus ribu ahli-ahli UMNO asal yang masih sayangkan parti itu. Kepada jenerasi yang akan datang, khususnya kepada anak cucu saya sendiri, mereka boleh menyemak catatan rasmi yang dibuat dari semalam lagi supaya mereka tahu siapa yang sebenarnya yang tidak mahukan UMNO yang tidak berdosa itu dihidupkan kembali, sedangkan mereka berkuasa berbuat demikian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Jempol.

4.54 ptg.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin untuk memberikan sedikit pandangan dan pemikiran terhadap usul yang ada di hadapan Majlis sekarang ini.

Pada pandangan saya, apa yang berlaku pada hari ini adalah akibat daripada apa yang saya sifatkan sebagai satu perancangan politik ataupun, dengan izin, a political potty yang klasik dalam abad ini, di mana perjuangan politik itu dijadikan alat bagi mendapatkan kuasa demi kepentingan kuasa itu semata-mata dan bukannya perjuangan politik mendapatkan kuasa bagi kepentingan ramai.

Pada hemat saya, isu ini terbit daripada apa yang saya sifatkan

sebagai rancangan kononnya "Semangat 46" untuk menghidupkan semula UMNO yang telah diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kuala Nerus bangun.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru mula, sekejap lagi bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan lagi usul ini merupakan kemuncak daripada perancangan politik peribadi kerana sejak mula peristiwa ini berlaku dan dilakukan setiap tindakan yang telah diambil dan dilaksanakan satu persatu dengan cermatnya. Semangat 46 yang saya faham dan saya tahu adalah berlandaskan kepada himpunan semangat kebangsaan Melayu yang bangun menentang angkara British dan mempertahankan hak Melayu.

Sewaktu cetusan gelora orang Melayu itu berlaku, saya masih kecil benar dan mentah tetapi berdasarkan detik-detik, adigan-adigan, peristiwa-peristiwa dan perjuangan orang-orang Melayu yang saya timba setiap usaha yang dilaksanakan itu berdasarkan kepada unsur-unsur politik yang sihat, bertanggungjawab dan penuh keinsafan bagi menyemarakkan wadah perjuangan Melayu. Tetapi unsur-unsur dan corak perjuangan yang didatangkan sejak berlakunya gelora yang melanda UMNO bertentangan sekali dengan nilai-nilai murni yang dijadikan landasan oleh pejuang-pejuang Melayu.

Pada pandangan saya juga, usul ini didorong oleh dan semangat sentimen politik yang sudah hilang arah dan pedoman, sudah hilang matlamat dan punca yang pada akhirnya akan

membawa kepada kehancuran dan kerugian kepada orang-orang Melayu kerana mabukkan kuasa. Golongan yang mencanangkan apa yang dipanggil sebagai Semangat 46 kononnya begitu berkobar-kobar semangat mereka dan kononnya sayang benar pada UMNO yang diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah, seolah-olah orang lain tidak ada semangat, tidak sayang, tidak kasih kepada UMNO yang sudah diisytiharkan tidak sah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cuba menunjukkan bagaimana putar belit mereka, bagaimana helah mereka dan bagaimana tipu muslihat yang mereka mainkan. Pertama, saya suka hendak bertanya. Saya hendak bertanya pertama sekali, mengapakah agaknya selepas hakim mengisytiharkan UMNO itu tidak sah, peguam mereka tidak mahu membuat rayuan? Malahan saya diberitahu ada yang begitu gembira di dalam mahkamah tersebut pada hari yang berkenaan.

Yang kedua, mengapakah selepas 4 hari sahaja UMNO diisytihar tidak sah mereka tergesa-gesa hendak mendaftarkan UMNO Malaysia untuk mewarisi UMNO yang diisytiharkan tidak sah?

Yang ketiga, di mana letaknya Semangat 46 dan rasa sayang pada UMNO yang diisytiharkan tidak sah takdirnya UMNO Malaysia itu dapat didaftarkan?

Keempat, mengapa selepas pendaftaran UMNO Malaysia ditolak barulah terhegeh-hegeh hendak membuat rayuan ke mahkamah.

Kelima, apa pandangan dan nasihat yang diberikan kepada Kumpulan 11 yang pergi ke mahkamah. Perlembagaan Parti memberi ruang untuk menyelesaikan masalah parti dalam parti. Majlis Tertinggi telah membentuk sebuah Jawatankuasa Khas untuk berunding tetapi bila berunding ada pula syarat; dan

syaratnya pula, apa dia? Perdana Menteri mesti letak jawatan. Ini mana punya sifir politik? Orang kalah suruh orang menang berhenti. Saya katakan bahawa. . . .

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kangar bangun.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Sekejap lagi. Saya katakan . . Jawablah, lepas ini jawablah tidak apa. Tidak payah minta penjelasan, lepas ini boleh jawab. Saya katakan bahawa Semangat 46 pasti tidak timbul kalau UMNO Malaysia dapat didaftarkan. (Tepuk) Apa macam? Saya katakan bahawa. . . .

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, . . . .

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Lepas ini jawablah . . .

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:**  
Saya hendak tanya . . . .

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Lepas ini berucap. Tadi dah berucap apa fasal tak cakap. Saya katakan bahawa pemukul-pemukul canang Semangat 46 juga ada niat yang diikuti dengan perbuatan untuk menubuhkan UMNO yang lain dari UMNO yang diisytiharkan tidak sah iaitu UMNO Malaysia.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai minta jalan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Nanti sekejaplah Yang Berhormat ya! Ini menunjukkan bahawa. . . .

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, bila dia cakap, dia pandang sini, tak pandang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat tidak boleh, kalau dia tidak beri jalan tidak boleh cakap apa-apa.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Cari point of order!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat jangan minta . . . .(Ketawa)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ini menunjukkan bahawa selepas mereka gagal mendaftarkan UMNO Malaysia maka sebagai satu cara dan usaha untuk mempengaruhi orang Melayu, mereka pukul canang kononnya hendak menghidupkan semula UMNO yang diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah akibat dari tindak-tanduk dan ketajaman selera mereka untuk merampas kuasa pimpinan dalam parti dan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga adalah anak UMNO. Nenek moyang saya juga sama-sama bertanggung-jawab untuk memperjuangkan hak Melayu dan menubuhkan UMNO. Soal sayang, atau tebal mana sayang itu, kepada UMNO yang diisytiharkan tidak sah atau tinggi mana ingatan dan penghormatan kita kepada Semangat 46, tolong jangan pertikaikan. Kita anak Melayu dan kita tahu sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mahu orang Melayu tahu bahawa mala petaka yang menimpa UMNO ini dicetuskan oleh golongan-golongan yang menggelarkan diri mereka sebagai Kumpulan Semangat 46 (Baru) ataupun "celup"! Tindak-tanduk mereka menyebabkan UMNO sampai diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah. Perbuatan ini, Tuan Yang di-Pertua, pada saya samalah seperti seorang anak membunuh bapa. Selepas bapanya dibunuh maka dibuatkanlah

kuburnya dengan indah dan cantik serta ditulis comel-comel supaya masyarakat mengatakan anak tersebut seorang yang baik. Tetapi, dosa anak yang membunuh bapa itu tetap tidak akan diampun oleh Allah s.w.t. (*Tepuk*) (*Menyampuk*) Tuan Yang di-Pertua, apa ini bising-bising. (*Ketawa*) Ini semua bekas-bekas Menteri, takkanlah tak ikut peraturan.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya sudah ambil perhatian Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Kita mengatakan betul.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Habis....

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya tidak beri jalan ini. Saya katakan betul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Ini apa benda ni. Yang menjerit ini apa benda ini.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tidak, kita katakan betul, salahkah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat ....

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Di sini Dewan, Dewan ini ada peraturan bukan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tahu! Dewan ini ada peraturan ....

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Salahkah saya minta penjelasan. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya minta kedua-dua Yang Berhormat duduk.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Dia ganggu. Saya tidak beri jalan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau tidak beri jalan Yang Berhormat jangan bincang dengan dia. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Habis, bincang dengan Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat pula jangan bangun dan berucap begitu.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Boleh saya sambung, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang anak UMNO dan saya tak malu mengaku saya anak UMNO. saya tidak mahu anak-anak UMNO yang lain, Melayu-Melayu yang lain disalah-fahamkan, dikelirukan dengan siapa yang sebenarnya bertanggung-jawab membunuh UMNO yang diasaskan oleh nenek moyang kita dahulu. Saya katakan bahawa golongan yang bertopengkan kepada Semangat 46 inilah yang membuat angkara dan bertanggungjawab mengharu-birukan parti, mengheret parti ke mahkamah sehingga UMNO diisytiharkan tidak sah. Kami tidak minta ini semua. Bukan juga doa kami untuk tengok UMNO ini dimatikan. Bila UMNO dimatikan, tugas kita ialah untuk menghidupkan semula parti yang dibunuh oleh tindak-tanduk golongan yang bertopengkan kepada Semangat 46.

Tuan Yang di-Pertua, kita kata kita berpegang teguh kepada sistem demokrasi berparlimen. Kita kata kita menghormati kedaulatan undang-undang. Tetapi, adakah wajar keputusan yang dibuat oleh mahkamah itu hendak dinodai, hendak dicemar kerana adanya ruang yang dibenarkan oleh sistem demokrasi berparlimen di negara ini. Bagaimana pandangan dunia agaknya terhadap tindakan kita sekiranya Usul ini diluluskan? Apakah corak dan bentuk penghormatan yang kita berikan kepada keputusan mahkamah itu kalau sekiranya Usul ini diterima? Kalau hari ini Dewan yang mulia ini membuat suatu keputusan yang meluluskan Usul ini maka saya katakan satu permulaan telah dibuat dan tidak ada sesiapa pun yang akan segan dan silu di masa-masa yang akan datang untuk menyusul tindakan yang sama untuk mengenenepikan keputusan yang dibuat oleh mahkamah dan sistem perundangan yang didaulatkan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, UMNO yang didaftarkan semula itu tidak ada bezanya daripada UMNO yang telah diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah, baik dari segi semangat, matlamat dan komitmen UMNO terhadap perjuangan orang-orang Melayu di negara ini. Perlembagaannya mengkanunkan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, kedaulatan institusi Raja Berperlembagaan, kebudayaan Melayu terus kebudayaan nasional dan kedaulatan tanahair serta Perlembagaan negara ini. Apa juga bentuk perubahan yang dibuat adalah didorongkan oleh kesedaran dan keinsafan untuk memelihara kepentingan ahli-ahli UMNO yang ramai. UMNO inilah akan terus menerus menjadi payung dan pohon rendang untuk Melayu berteduh. Kalau ada tidak puas hati, masuk sahaja ke dalam dan betulkan. Jangan buat heboh di luar. Sepatah kata Yang

Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj "Jangan berpolitik macam monyet."

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, percaturan kuasa yang dilaksanakan oleh golongan penentang di dalam UMNO telah memisahkan ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO. Saya mengajak seluruh pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO untuk bertanya diri masing-masing, perjuangan sekarang ini untuk apa dan untuk siapa? Sama ada untuk majoriti ahli-ahli UMNO dan rakyat Malaysia atau untuk menjayakan perjuangan dan kepentingan diri sendiri. Pada saya, sesiapa juga ahli dan pemimpin UMNO yang lari dari garis perjuangan parti yang sebenarnya, maka mereka terdiri dari pemimpin-pemimpin politik yang sesat dan songsang. Kita lihat juga dalam aliran politik tanahair sekarang ini, terdapat apa yang saya sifatkan sebagai ahli-ahli politik corak komersial, mereka berjuang ala askar upahan, mereka menjadi pemimpin ala upahan, komitmen dan kesetiaan perjuangan mereka adalah kepada yang mampu menawarkan ganjaran upahan yang mahal dan bukan kepada komitmen terhadap UMNO, Melayu dan rakyat Malaysia. UMNO mesti membersihkan gelanggang politik Melayu dari merebaknya golongan yang sesat, songsang dan oportunistik ini. Kalau ini terus dibiarkan, akhirnya, Melayu juga yang binasa.

Tuan Yang di-Pertua, di tengah-tengah UMNO dan Melayu dilanda gelora, kelihatan pula ada golongan-golongan yang cuba menanggung di air yang keruh. Suasana panas yang menyelubungi umat Melayu itu, cuba dipanaskan lagi oleh golongan-golongan yang cuba mencetuskan suasana yang lebih bergelora. Saya cuma suka menegaskan iaitu perjuangan Melayu di bumi yang

bertuah ini masih jauh dari sempurna dipelbagai bidang ekonomi, pendidikan dan keagamaan. Melayu baru hendak berlari, janganlah semangat tolak ansur dan kesederhanaan yang menjadi pegangan perjuangan bersama di negara ini cuba disalah-tafsirkan. Perbuatan ini amat merbahaya untuk masa hadapan rakyat berbilang kaum dan negara ini. Saya bimbang apabila Melayu mendapati keadaan mereka terdesak maka Melayu itu akan bangkit mempertahankan haknya. Apabila Melayu bangkit mempertahankan haknya, maka membujur lalu melintang patah. Biar putih tulang dari putih mata, kerana pada Melayu yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti.

Tuan Yang di-Pertua, bangsa Melayu penuh dengan adat istiadatnya. UMNO berakar tunjang di kampung-kampung yang penuh dengan ciri budaya politik, bersopan santun yang masih hidup subur. Tetapi budaya politik yang ada di kampung-kampung itu cuba dinodai dan dirasuk dengan berbagai-bagai kegiatan yang berlawanan dan bertentangan dengan nilai-nilai tersebut. UMNO berpegang teguh kepada semangat tanggung-jawab bersama, muhibah dan setiakawan. Imej kekampungan dalam UMNO ini mestilah terus dipupuk, dipelihara serta dipertahankan. Sebagai seorang Melayu yang beragama Islam, kita menghadapi kiblat yang sama, berhadapan dengan timbang neraca syurga dan neraka bila kita berhimpun di Padang Mahsyar nanti. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyorot kembali sepatah kata Allahyarham pejuang bangsa Melayu Datuk Onn Jaafar di mana Allahyarham telah mengatakan bahawa kepentingan ramai hendaklah diutamakan, bukannya kepentingan sendiri. Kalau sekiranya Melayu benar-benar cinta, kasih dan sayang kepada bangsa, negara dan agama, pada saya inilah tugas-tugas abadi kita

dan tuntutan perjuangan kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelebu.

5.16ptg.

**Dato' Rais Yatim (Jelebu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan mohon menyokong usul yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang dan cuba menyumbangkan sedikit sebanyak pendapat bersama-sama hujah yang sesuai bagi menghasilkan suatu pemikiran collective dalam sistem kita berdemokrasi.

Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang menyokong usul ini. Semenjak kelmarin hinggalah ke saat ini kita semua di Dewan yang mulia ini telah bersama-sama mengambil bahagian dalam proses pembentukan sejarah. Para pegawai dan rakyat pula sedang menyaksikan bagaimana Wakil Rakyat masing-masing memperhitungkan dan membahaskan melalui institusi tertinggi di negara mereka tentang masa depan telapak dan pelindung bangsa mereka iaitu UMNO. Ada setengah-setengah daripada mereka yang bercakap lojik, ada setengah-setengah daripada mereka yang telah hilang pedoman serta penelitian.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas misalnya mengambil bahagian secara yang amat pragmatis tetapi beliau lupa atas satu peristiwa di Terengganu apabila beliau bersyarah, selepas saya bersyarah beliau menyatakan, "barang siapa yang mundur ke belakang daripada hari ini untuk menghidupkan UMNO lama patut ditembak", kata beliau. (*Tepuk*) Maknanya beliau itu. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelebu, Yang Berhormat dari Kepala Batas bangun.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Pembedulan. . . .

**Dato' Rais Yatim:** Kalau Yang Berhormat itu tidak mahu duduk. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelebu hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Rais Yatim:** Tidak.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** . . . itu penyelewengan fakta, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, sewaktu beliau berucap beliau tidak beri jalan kepada kita sebelah sini, jadi pada masa ini orang sebelah sini tidak beri jalanlah kepada sebelah sana. (*Tepuk*)

**Tuan Hashim bin Shafin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan. Yang Berhormat dari Tanah Merah, dia tidak beri jalan.

**Dato' Rais Yatim:** Belum beri jalan, sebab jalan belum ada. (*Ketawa*) Ini hendak cari jalanlah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' Rais Yatim:** Saya sengaja mengingatkan rakan-rakan bahawa perbuatan kita juga adalah menconteng sejarah. Ahli Yang Berhormat dari Jempol saya mengingatkan menerusi satu potong pantun:

Batu Kikir jambatan besi;  
Gulat undang sebelanga;  
Sudah fikir dalam hati;  
Daripada seorang biar bersama.

Tetapi pantun ini adalah pantun yang telah lama beliau dengar, sewaktu beliau dahulu menangis untuk mendapatkan jawatan untuk bersama-sama kami di barisan ini. (*Tepuk*) Kalau tidak silap saya Ahli Yang Berhormat itu sudah tiga kali

menangis di hadapan saya iaitu semasa saya menjadi Menteri Besar dan juga sebagai. ....

**Tuan Hashim bin Shafin:** Boleh beri jalan atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Rais Yatim:** Saya sudah umumkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya utukkan jalan dahulu.

**Tuan Hashim bin Shafin:** Tuan Yang di-Pertua, hendak tahu boleh beri jalan atau tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanah Merah, dia tidak beri jalan.

**Tuan Hashim bin Shafin:** Dia beri jalan atau tidak, selepas ini. Saya hendak tunggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, minta duduk.

**Tuan Hashim bin Shafin:** Kalau dia bersedia beri jalan, saya akan tunggu. Dia kata tidak boleh, saya tidak akan bangkitlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, sila duduk. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Rais Yatim:** Terima kasih. Belum pun semuka lagi saya berucap. Oleh itu sama ada beliau hendak menyatakan bahawa golongan yang bertopengkan Semangat 46 itu jujur atau tidak, saya hairan bagaimana beliau berani untuk melibatkan nama Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri pertama. UMNO Malaysia adalah tajaan beliau untuk meneruskan perjuangan 46, tidak setitik dan tidak sekoma pun untuk dipinda untuk mengganti atau menzuriatkan perjuangan kita dari satu tahap ke satu tahap.

Apakah Tunku Abdul Rahman golongan yang bertopengkan

Semangat 46 sedangkan beliau adalah pengasas UMNO yang dicintai? (*Tepuk*)

Ahli dari Jempol pun berkata bahawa jangan berpolitik macam monyet, sama ada transkripsi perkataan itu betul atau tidak. Saya ingin menanyakan dalam jiwa beliau bahawa perkataan itu adalah perkataan yang belum takrifnya diterima lagi sama ada oleh Tunku Abdul Rahman sendiri atau oleh suratkhbar yang berkenaan.

Mengenai orang yang diupah ataupun pemimpin-pemimpin yang dikatakan songsang, siapakah yang menghantar orang-orang bermotosikal di Parit Raja, beratus-ratus siang dan malam sewaktu pilihanraya kecil itu berlaku di sana? Siapa yang mengecap poster besar-besar dan mencontengkan nama Yang Berhormat dari Gua Musang, Yang Berhormat dari Kota Tinggi dalam senarai takrif yang kononnya mereka ini mewujudkan satu barisan kabinet bayangan, siapa? Bukankah mereka ini upahan di luar daripada golongan kami di sini yang memperjuangkan Semangat 46? Beliau tahu, saya pun tahu. ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Mas, dia tak beri jalan.

**Dato' Rais Yatim:** Beliau tahu, saya pun tahu bahawa trend ini bukanlah trend perjuangan sebenar.

Oleh itu, di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah pihak saya menyampaikan pandangan ini dari segi apa yang harus orang Melayu itu khususnya fikirkan dan rakyat Malaysia timbangkan. Para pegawai dan rakyat pula sedang menyaksikan bagaimana Wakil Rakyat masing-masing memperhitungkan dan membahaskan melalui institusi tertinggi di negara mereka tentang

masa depan telapak dan melindungi bangsa mereka. Usaha meminda Akta ini dengan sendirinya merupakan satu peristiwa yang paling bersejarah kerana inilah kali pertama Dewan ini membahaskan nasib dan masa depan parti yang pada hakikatnya telah membina setiap keping batu-batunya, setiap keping atap gentingnya dan setiap batang tiang serinya.

Kelmarin Tuan Yang di-Pertua menanggukkan perbahasan tepat pada jam 12.00 tengah malam. Tidak banyak perkara dalam dunia ini yang berakhir atau bermula pada detik dan waktu seperti itu, Yang saya ingat Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Pertama kita yang dikasihi dengan rakan-rakannya menurunkan Union Jack di Kuala Lumpur pada jam 12.01 pada tarikh yang sekarang sudah menjadi sejarah. Malangnya Tunku sendiri sudah mula hendak dilupakan. Tugu Peringatannya juga sudah mula hendak diengsot dan dialih. Dewan bertuah ini juga kalau tidak kena gaya akan dilupakan asal-usul dan mertabatnya. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "this is the House that Jack built". Ini bukan rumah yang dibina oleh Dr Jackel. Bepeluangnya kita bertikam lidah di sini, bepeluangnya kita membuat perangai dan melahirkan tindak-tanduk perundangan dan politik di Dewan ini, tetap dalam penyaksian setiap keping atapnya, setiap benteng dindingnya dan setiap batang tiang serinya. Saya merasakan tanpa kewujudan UMNO 46, Dewan ini seolah-olah tidak lagi beratap, tidak lagi berdinging dan tidak lagi bertiang seri. Kalau ibarat kuda, ia sudah hilang pelana. Kalau ibarat raja, ia sudah kehilangan mahkota. Barang siapa yang cuba berteduh di institusi ini tanpa prinsip dan peringatan, ia akan kehujanan. Barang siapa yang berlindung di dalamnya, akan diceroboh. Dan sesiapa yang cuba menunggang kuda perjuangan itu sekarang akan

terpelanting jua kerana pelana sakti sudah tiada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin kita telah menyaksikan bagaimana Yang Berhormat dari Gua Musang cuba menyedarkan kita supaya kembali ke pangkal jalan dan menyeru pihak yang berkuasa supaya UMNO 46 itu dihidupkan semula dengan kuasa yang ada di tangan yang pada asalnya dianugerah oleh UMNO 46. Kita telah diperingatkan oleh beliau tentang fakta sejarah, fakta perundangan serta perjuangan bagaimana UMNO sampai jadi begini. Sudah cukup rasanya bagi kita selaku pemimpin rakyat untuk insaf dan menerima sahaja kelemahan masing-masing dan terus menerima dan metuluskan Usul yang sedang berada di hadapan kita sekalian. Tetapi ada pihak-pihak yang pantang benar mendengar ungkapan pemulihan UMNO 46 itu, lalu menghujahkan bahawa UMNO Baru itu adatah UMNO lama juga.

Pindaan-pindaan yang diluluskan oleh Dewan ini pada awal tahun ini membawa dan meninggalkan berbagai-bagai kesan kepada orang Melayu dan rakyat di negara ini. Pindaan-pindaan itu secara jelas memesong dan menukar haluan rakyat di negara ini menunaikan hak asasi mereka mengisi kehendak perjuangan politik mereka daripada keadaan positif dan liberal kepada keadaan yang ketat dan menghimpit.

Secara ringkas kesan-kesan daripada pindaan-pindaan itu, antara lain ialah:

(a) Mana-mana kesalahan di bawah seksyen 12 Akta ibu, yakni Akta Pertubuhan 1966 dikekalkan dan dikebelakangkan kuatkuasanya bersama-sama dengan seksyen 41 sehingga tarikh asal Akta Pertubuhan itu dikuatkuasakan. Ini bermakna jika mana-mana pertubuhan atau cawangannya tidak berdaftar atau tidak

mendapatkan kebenaran Pendaftaran sebelum pertubuhan atau cawangan itu bergerak, ianya dengan sendiri ditakrif sebagai pertubuhan yang tidak sah.

- (b) Mereka yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) walaupun hanya berhubung dengan perjuangan politik masing-masing tidak dibenarkan memegang apa-apa jawatan di dalam mana-mana pertubuhan.
- (c) Rakyat tidak bebas lagi membuat carian atau "research", dengan izin, atas mana-mana pertubuhan yang perlu dikaji siasat. Kuasa bagi membenarkan membuat carian khusus diberi kepada pegawai tanpa sesuatu proses tapisan atau rayuan sedangkan adalah menjadi hak kepada rakyat untuk membuat carian di atas mana-mana pertubuhan, sama ada pertubuhan itu pertubuhan kampung atau pertubuhan politik, sesiapa sahaja boleh membuat carian mengenainya, tetapi pindaan kali ini telah melainkan keadaan tersebut.
- (d) Kuasa pentadbiran yang diberi kepada pentadbir pertubuhan itu adalah secara sewenang-wenang sekali sehingga kebebasan dan hak asasi seperti yang dijamin di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan tidak bermakna lagi.
- (e) Akhirnya proses peralihan atau pemindahan harta sesuatu pertubuhan itu dipinda di bawah seksyen 17. Sedemikian rupa sehingga apabila bilangan ahli sesuatu pertubuhan baru itu meningkat ke tahap majohty berbanding dengan pertubuhan lama yang dianggap tidak sah akibat seksyen 12 dan seksyen 41 Akta Pertubuhan amatlah

mengejutkan dan menimbulkan syak wasangka bahawa pindaan itu sengaja dibuat untuk merampas harta UMNO 46.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan dilakukan dalam keadaan dan tempoh yang paling kacau-bilau. Ianya dibentangkan di Dewan ini dalam keadaan tergesa-gesa dalam Sidang Pertama Dewan Rakyat tahun ini. UMNO Baru ditubuhkan pada 13hb Februari, 1988. Menjelang bulan April tahun ini, pindaan-pindaan yang sebahagiannya diteraskan dan diletakkan di atas mauduk-mauduk tertentu itu telah digubal, dibentang dan diluluskan dengan segera seolah-olah pihak berkuasa tidak sabar menunggu hari hendak siang daripada malam. Apakah tujuan itu dan apakah niat seperti itu? Dapatkah kita meneliti atau tidak. Ini rakyat akan mengadikannya.

Yang menjadi tumpuan kepada usul di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian disaat ini ialah cadangan pindaan kepada seksyen 12 Akta Ibu. Apakah tujuan sebenar bagi mengekalkan kesalahan di bawah seksyen itu sehingga dikebelakangkan kuatkuasanya? Dalam ucapan pembentangan atau penggulungan, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tidak menyentuh dan tidak menjelaskan kedudukan ini. Tetapi rakyat tahu tujuan sebenar ialah bagi memastikan supaya UMNO 46 terus berada dalam keadaan berkubur. Jelasnya UMNO 46 yang didapati tidak sah lantaran 30 cawangannya yang tidak berdaftar atau yang tidak mendapat kebenaran pendaftaran pertubuhan sebelum bergerak terus kekal mati di sisi undang-undang yang ada. Umum tahu bahawa pindaan-pindaan yang dibawa pada awal tahun ini terhadap Akta Pertubuhan itu adalah semata-mata untuk membiarkan UMNO 46 terus mati. Apakah ini niat yang baik atau tidak. Ini bukanlah langkah pihak berkuasa

yang kononnya bertujuan menyelaraskan perjalanan pentadbiran pertubuhan. Saya petik daripada laporan *Hansard* sendiri seperti yang dikemuka dan dihuraikan, tetapi hakikat pindaan itu adalah terasas kepada rancangan serong untuk menafikan hak dan peluang kepada UMNO 46 untuk terus hidup dengan sebarang usaha pemulihan daripada barisan pemimpin dan pejuang yang tidak menyertai UMNO Baru atau tepatnya UMNO yang ditubuhkan pada 13hb Februari, 1988. Pindaan-pindaan itu dibuat untuk mengisi nafsu kuasa yang melimpah ruah termasuk sekatan-sekatan pemindahan harta, menghadkan hak-hak carian, mengamalkan konsep perundangan "rule by law" dan bukan "rule of law", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat faham tentang niat. Kita tidak perlu diperingatkan tentang niat dalam perbuatan atau niat sebelum perbuatan. Kita kenal dengan *mens rea* dalam undang-undang yang diajarkan kepada kita. Tidak payah pergi kepada Aristotle, Plato atau ahli-ahli falsafah Yunani purbakala, jauh sangat itu, bukan kita tidak tahu Tamadun Yunani pun ranap dan berkecai. Aristotle sendiri pun mati makan racun. (*Ketawa*) Mari kita bersandar dan sandarkan diri kepada kebenaran dan falsafah Melayu, "Kalau dibentang seluas alam, kalau dilipat sekecil kuku".

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Setar, dia tidak beri jalan.

**Dato' Rais Yatim:** Kalau pembetulan tidak mengapa.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Saya ingin bertanya apakah benar Aristotle itu mati makan racun? (*Ketawa*)

**Dato' Rais Yatim:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua, Aristotle, Socrates, Plato adalah satu golongan, yang mati makan racun ialah Socrates. (*Ketawa*) Oleh itu untuk mengambil falsafah daripada Yunani tidak bijak. Untuk mengambil falsafah dari Pakistan, dari India pun tidak bijak bagi kita. Lebih baiklah kita bersandar kepada kebenaran dan falsafah Melayu yang berbunyi "Kalau dibentang seluas alam, kalau dilipat sekecil kuku".

Soalnya, mahu atau tidak mahu sahaja kita menerima hakikat bahawa akibat main politik kuasa dan akibat mainan budaya politik tipu, rakyat dan negara sudah menjadi porak-peranda. Di akhir-akhir ini soal perpaduan orang Melayu sentiasa mendapat perhatian orang ramai dan media massa, masyarakat Melayu sudah resah dengan keadaan yang menghimpit mereka sekarang, tepatnya semenjak awal tahun lalu sehinggalah ke saat ini sudah hampir dua tahun, orang Melayu khususnya berhadapan dengan isu perpaduan dalam parti perjuangan mereka sendiri. Tepatnya, semenjak tidak sah dan matinya UMNO 46 sebagai parti induk di sisi Akta Pertubuhan 1966, orang Melayu yang bergelung dengan politik kuasa mulai berhadapan dengan krisis nilai, krisis kepimpinan dan krisis budaya politik. Orang Melayu dalam UMNO berpecah, masing-masing mencari pengaruh dan kuasa untuk meneruskan perjuangan. Urusan sebegini nampaknya lebih mudah dilakukan oleh mereka yang berkuasa. Bagi pejuang-pejuang Semangat 46 ianya benar-benar merupakan perjuangan tanpa kuasa, tanpa wang ringgit. Saya menyangkal pendapat Ahli Yang Berhormat dari Jempol yang menyatakan bahawa sumber-sumber yang bukan-bukan itu diperolehi dan digunakan dalam perjuangan yang sah. Kata-kata lama berbunyi:

"Suasa tiada, loyang pun tiada;  
Yang ada hanya besi berkarat;

Kuasa tiada, wang pun tiada;  
Yang ada hanya hati dan semangat".

Yang memegang teraju kepimpinan dan kuasa terus menegakkan jenis kebenaran dan jenis falsafah perjuangan mereka yang tersendiri di bawah payung perjuangan UMNO Baru. Mereka yang merasakan bahawa perjuangan itu sudah dipertandingkan atau dieksploitasi menerusi manipulasi kuasa yang mengakibatkan matinya UMNO asal atau UMNO 46 mengumpulkan tenaga sekutu mereka dan terus berusaha di bawah Semangat 46 untuk menghidupkan semula UMNO seperti yang mereka Warisi.

Apabila UMNO telah mati, maka pejuang-pejuang lama ini mengambil langkah-langkah termasuklah pucuk pimpinan lama kita Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman. Empat hari setelah matinya UMNO beliau telah cuba untuk mewujudkan semangat dan batang tubuh UMNO itu kembali dalam bentuk UMNO Malaysia. Tidak ada tujuan-tujuan lain yang terkandung di dalamnya. Sekiranya pucuk pimpinan pada masa itu tidak leka dengan mendapatkan tabik hormat ataupun sumpah setia kepada diri beliau, saya percaya masalah menghidupkan UMNO lama itu dapat diutamakan. Tetapi ini tidak dilakukan malah sebaliknya cara lain dicari supaya UMNO lama itu tutup kira-kira. Hendak memanggil bapa pun kepada seseorang yang berjasa ditegah, kononnya, yang boleh dipanggil bapa hanya bapa di rumah, bapa kemerdekaan tidak boleh, bapa yang lain yang raenghasilkan penghormatan tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, isu UMNO yang dimatikan itu menjadi emotive dan menjalar di setiap saluran perjuangan masing-masing. Isu UMNO dan kepimpinan sudah menjadi unsur perbezaan dan perbalahan yang mempengaruhi dan membebani hidup orang Melayu dan

sebanyak sedikit menyulitkan pula rakyat Malaysia seluruhnya. Dan dengan krisis-krisis perpecahan yang berlaku itu, lain-lain bidang pentadbiran serta institusi pemehntahan di negara ini turut terlibat bersama dengan individu-individu yang menganggotainya sama ada pegawai, ketua atau petugas biasa. Peruntukan-peruntukan Parlimen dan ADUN yang tidak lagi mahu menerima kepimpinan atau berbeza pendapat, sebaliknya peruntukan-peruntukan itu diagih-agihkan oleh Menteri Besar atau regu lawan Ahli Yang Berhormat Semangat 46 berkenaan di kawasan atau bahagian masing-masing, Tujuan langkah ini ialah bagi melemahkan kepimpinan anggota perjuangan 46 berkenaan di kawasannya. Punca-punca rezeki sekian ramai yang lain juga cuba ditutup, tidak dapat tanduk, telinga dipulas. Dalam pada itu perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi serta peluang-peluang yang terkandung di dalamnya turut pertikai dan dipertikaikan. Terlalu banyak soal-soal ekonomi dan mata pencarian yang masih belum diatasi termasuk nasib dan masa depan Dasar Ekonomi Baru. Pengangguran, terutama di kalangan graduan yang setakat ini melebihi 50,000 orang, berterusan walaupun pengumuman demi pengumuman dibuat bagi mengatasinya. Susut nilai mata wang negara berbanding dengan Yen, dollar Amerika dan Singapura, serta kumpulan mata wang asing terus membebankan negara.

Sementara itu, perpaduan di kalangan pihak-pihak tertentu dilaung-laungkan seolah-olah sebagai satu komoditi yang kononnya hanya dimiliki oleh satu pihak sahaja. Takrif dan penyelesaian terhadap perpaduan itu hanya mengikut kacamata satu pihak sahaja. Kenapa tidak melibatkan pihak-pihak yang lain? Pandangan lain-lain tidak penting dan

tidak mendapat tempat di dalam proses membulatkan pemikiran masyarakat Melayu. Keadaan sudah bertukar menjadi epidemic seperti kudis buta yang dahulunya hinggap di peha kiri, kini sudah berjangkit ke peha kanan. Parti-parti komponen dalam Barisan Nasional pun sama-sama dijangkiti oleh masalah kepimpinan, politik kuasa dan perpecahan. Mereka juga naik angin, lalu pulau-memulau dan buang-membuang, ada yang sanggup duduk dekat keranda! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, dengan latar belakang inilah orang Melayu khususnya mulai kritis dan peka dari hal perpaduan bangsa mereka. Mereka mula bertanyakan asal-usul perpecahan termasuk pokok pangkal beberapa peristiwa yang membawa kepada keadaan cemas seperti yang terdapat pada masa ini. Apakah yang menyebabkan kekacauan dalam perjuangan Melayu itu, paling kritik di peringkat ini?

Tunku Abdul Rahman pernah memerintah, Allahyarham Tun Razak pun sedemikian, dituruti oleh Tun Hussein Onn. Kita tidak pernah berhadapan dengan krisis seperti ini, seberat ini, sehebat ini. Setakat manakah pucuk pimpinan parti dan Kerajaan memupuk tradisi dan nilai perjuangan Melayu? Benarkah politik kuasa itu digunakan dengan berleluasa sehingga perpecahan meluas berlaku dan apakah jalan keluar yang dapat diwujudkan bagi mencapai penyelesaian?

Lazimnya, kuasa politik itu digunakan sebaik-baiknya bagi mewujudkan suasana harmoni dan aman damai serta bagi mencapai matlamat untuk semua. Tetapi berlainan benar halnya dengan penggunaan politik kuasa itu sendiri yang menjadi pelengkap dan penyudah kepada segala perbuatan dan tindak-tanduk. Seharusnya di negara kita konsep sebagai saluran

bagi mencapai matlamat tertentu telah berjalan dan diamalkan semenjak tahun 1946. Politik kuasa mula mendapat tempat dan diamalkan sepenuhnya secara "membujur lalu, melintang patah" di akhir-akhir ini sahaja.

Perlu ditekankan bahawa apabila suatu kumpulan itu berkuasa menerusi perjuangan politiknya dan untuk meneruskan kuasa yang ada padanya itu amatlah besar dan penting baginya, ini difahami. Justeru itu, harus difahami bagaimana dan kenapa apabila seorang pemimpin itu bermati-matian berusaha supaya dapat mengekalkan kuasa atau pimpinannya harus terus memberi cermin dan teladan, inipun dapat kita fahami bersama. Sekalipun terpaksa mengurung penentang-penentangannya dalam penjara atau menimbulkan azab sengsara bagi musuhnya melalui pelbagai kerumitan sosio-ekonomi jika semua ini akan memungkinkan kuasa baginya berkekalan, ianya akan dilakukan. Tetapi tentulah jalan ini tidak sebaik-baik jalan yang ada.

Dalarn konteks ini haruslah difahami bagaimana seseorang pemimpin yang pada mulanya diharap-harap akan membawa pembaharuan dan pembelaan, tiba-tiba bertukar menjadi garang dan ganas, lantas bersikap sebagai seekor singa yang mahu menelan orang-orang lain. Apakah ini sikap yang diwujudkan semasa Perhimpunan Agung sesuatu parti di mana bekas pemimpin sendiri pun hendak dicampak ke dalam gelanggang bersama-sama dengan harimau dan binatang buas? Apakah ini cermin yang diberikan menerusi kepimpinan itu? Apakah menerusi pergolakan dalam Perhimpunan Agung UMNO yang baru diadakan tidak dapat dihayati dan diberi pertimbangan oleh masyarakat sekalian? Pada hemat saya, dapat. Perhimpunan itu tidak lebih daripada perhimpunan mengkeji, mencemar, menghina dan

mengata. Jika itulah yang telah dilakukan, tidak perlulah rasanya disogokkan sekarang jawatan kepada mereka ataupun diimbau mereka kembali untuk berada di persada perjuangan.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada mahu diakui atau tidak, hakikatnya ialah bahawa orang Melayu sekarang lebih terbahagi dan berpecah lantaran politik kuasa dan ternyata perpecahan sekarang tercetis atas soal kepimpinan. Tahap perpecahan sekarang sebenarnya lebih dirasai kerana jenis perpecahan yang dialami pada masa ini adalah jenis yang menyentuh dan mungkin merosakkan proses kuasa itu sendiri. Pada satu hakikat, dengan adanya berbagai-bagai parti seperti PAS, UMNO, PSRM, DAP dan lain-lain parti politik selama ini, perpecahan memang pun telah berlaku, tetapi itu semua adalah di peringkat yang toleran, yakni di peringkat fahaman politik yang tidak menjejaskan proses kuasa atau yang tertahan oleh sistem kuasa itu sendiri.

Di dalam UMNO sudah wujud tradisi dalam pelbagai aspek, baik dari segi kepimpinan mahupun dari segi perjuangan itu sendiri. Satu aspek tradisi kepimpinan yang telah diamalkan ialah proses tertib dan asuhan dalam menaiki jenjang kepimpinan. Seseorang itu jarang sekali terus menjadi atau dilantik sebagai pemegang tampuk sesuatu institusi politik sebaik sahaja seseorang itu menang sebagai Ahli Parlimen dalam pilihanraya. Sistem latihan atau "apprentice system" dalam parti dan Kerajaan penting. Dari segi amalan tidak ramai pemimpin tertinggi yang berani menafikan baik dan pentingnya tradisi ini. Kepimpinan sekarang tidak begitu menghiraukan sangat tentang tradisi ini.

Pengkelasan pemimpin dan kepimpinan dibuat secara membelakangkan tradisi asuhan ini

mengikuti desakan politik kuasa masing-masing. Muncullah barisan pemimpin baru yang garang dan ganas tidak tentu arah, seolah-olah dunia ini mereka sahaja yang punya, (*Ketawa*) maka memimpinlah mereka tanpa susah payah di bahagian atau cawangan sebelumnya dan memimpinlah mereka dengan tidak pernah merasai pahit maung berjuang dari bawah. Justeru sistem budi dalam parti tidak dirasai oleh mereka, seperti kata pepatah: "Berjengang naik, bertanggung turun", tidak penting lagi dalam program mencipta hirarki kepimpinan pada masa ini. Akibatnya, sebahagian besar kekecohan yang dialami sekarang adalah dicetus oleh pemimpin-pemimpin kategori ini kerana mereka tidak hirau tentang budi bahasa dan asam garam perjuangan yang membuat UMNO itu kukuh dan bertatasusila dalam segala perlakuan. Apabila pemimpin kategori ini dinaikkan tanpa sebarang rasionaliti yang jelas dan yang diamalkan, maka golongan pengikut dan penjuang yang sudah banyak berjasa merasa hampa terhadap sistem dalam parti itu sendiri.

Dari segi perpaduan, persoalan ini penting walaupun pemimpin seperti Presiden UMNO Baru sekarang mungkin tidak ambil pusing sangat tentang hal ini sebab banyak hal lain yang memusingkan kepala beliau. Di dalam konteks inilah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Hussein Onn dan lain-lain pemimpin berjasa kita diperkecilkan. Mereka seolah-olah diberitahu: "Awak semua duduklah diam-diam, zaman anda sudah berlalu". Apabila sebilangan besar dari anggota parti sudah melihatkan belahbahagi dalam penentuan sikap dan sokongan terhadap seseorang pemimpin itu, pemimpin yang sedang berkuasa atau, incumbent, dengan izin, harus mencari jalan keluar yang sebaik-baiknya.

Dalam sejarah UMNO tidak pernah berlaku di mana Presiden parti

hampir-hampir kalah ditentang oleh seorang pemimpin pilihan dari dalam parti itu sendiri. Sekarang sudah berlaku. Apabila situasi yang hampir-hampir 50:50 ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, sebaik-baiknya pucuk pimpinan lekas-lekas bertindak mencari penyelesaian. Pada masa itulah seharusnya proses teropong diri dijalankan dan pucuk pimpinan harus bersedia membincangkan kedudukan dirinya bersama-sama dengan barisan pemimpin dari semua pihak. Malangnya satu pertemuan pun tidak ada diusahakan oleh pihak berkuasa. Dalam keadaan beginilah terabainya pentadbiran parti di semua peringkat termasuk 30 cawangan yang dimaksudkan itu. Masalah kepimpinan itu terus-menerus berlarutan sehingga sampai ke saat ini di mana suasana untuk bermuafakat sudah agak jauh ke belakang.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya peristiwa-peristiwa sebelum dan selepas 24 April 1987 tidak pernah mendapat tindakan setimpal ke arah perpaduan. Selepas pertandingan tersebut, para Menteri dan Timbalan Menteri bergelimpangan jatuh dari jawatan masing-masing akibat tindakan Perdana Menteri di bulan Puasa menyingkirkan mereka yang dianggap tidak sehaluan dengannya dalam perjuangan parti dan pentadbiran Kerajaan, sekalipun mereka menang dalam pemilihan 24 April 1987. Di saat itulah mulanya apa yang dikenali sebagai "politik cantas" berjalan. Di perenggan inilah mulanya sikap marah, sikap benci membenci dan lemparan kata-kata pemecah dari kedua-dua belah pihak dan sekali lagi ternyata tiadanya usaha dari mana-mana pihak yang berjaya mendinginkan keadaan.

Menjelang pertengahan tahun ini Penggawa dan Penghulu di Kelantan pun terlibat, yang simpati dengan perjuangan '46 diambil tindakan berbagai rupa. Ada yang

diberhentikan atau ditukarkan, ketua-ketua blok di rancangan-rancangan FELDA.....

**Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah):** Minta penjelasan fasal Kelantan, sebab saya orang Kelantan.

**Dato' Rais Yatim:** .....ditukar dengan orang-orang yang dianggap membuka rahsia pucuk pimpinan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Yang Berhormat ada sebut boleh, kalau ada pembetulan dan saya hendak betulkan fakta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelebu, ada yang minta jalan, hendak beh jalan atau tidak?

**Dato' Rais Yatim:** Saya selesaikan sedikit lagi.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, ini pembetulan.

**Dato' Rais Yatim:** Beliau boleh memberi penjelasan atau pandangan selepas saya berucap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas berucap tidak adalah penjelasan. (Ketawa)

**Dato' Rais Yatim:** Pegawai-pegawai Penerangan khususnya KEMAS, Seranta, Pemaju-pemaju Masyarakat, pekebun kecil dan lain-lain kategori kakitangan dan pegawai Kerajaan, diberi amaran supaya menghindarkan diri dari menyertai atau bersimpati dengan mereka dalam perjuangan '46. Lain Jabatan lain pula bentuk tindakanya diambil ke atas mereka sehingga rasa cemas dan takut menular. Tiba-tiba bilangan orang-orang yang mufli bertambah, malah bekas calon bebas Parit Raja pun nyaris-nyaris menerima nasib yang sama. Barangkali secara kebetulan pihak-pihak yang ramai menerima bahang, tindakan tersebut terdiri dari mereka yang berjuang untuk Semangat 46. Apabila ditegur

jawapan yang diterima hanya dalam bentuk perli dan menghina.

Kesan paling buruk kepada politik cantas ini ialah dengan tersingkirnya Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas dan dua orang Hakim Mahkamah Agung daripada jawatan masing-masing atas apa yang disebut-sebut sebagai perbuatan salahlaku, bahawa tindakan ini yang berbau politik dan digerakkan oleh tindakan politik tidak dapat dinafikan oleh kebanyakan pihak. Sangkaan yang amat berat dibuat ialah bahawa kononnya Tun Salleh Abas cenderung untuk bersifat berat sebelah dalam mengendalikan pendengaran kes UMNO yang dikemukakan oleh Kumpulan II. Ini ternyata sebagai anggapan yang amat meleset dan tidak berasas. Dengan tergulingnya para Hakim itu melalui keputusan Tribunal yang latar belakangnya begitu kusut dan dipenuhi prasangka politik zaman kegemilangan dan kebebasan kehakiman mulai pudar. Peristiwa hitam ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja oleh rakyat yang cintakan keamanan dan keadilan menerusi undang-undang. Dengan tersingkirnya para Hakim itu sebegitu rupa ternyata sekali gus, kelemahan sistem perimbangan yang wujud dalam Perlembagaan, di mana Perdana Menteri boleh dengan sewenang-wenang menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya mewujudkan Tribunal untuk menentukan kesalahan atau perbuatan salahlaku seseorang Hakim itu.

Fungsi Perdana Menteri menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu adalah fungsi politik dan bukan fungsi quasi-judicial, dengan izin, yang mana jika dilakukan oleh pemegang kuasa itu harus mengandungi amalan-amalan yang bersifat kehakiman jua.

Perlu disoalkan di sini apakah dengan tindakan politik cantas ini

perpaduan akan dapat diwujudkan? Apakah dengan tindakan-tindakan melulu itu tujuan dan cita-cita pucuk pimpinan supaya hanya jenama politiknya sahaja diterima akan menghasilkan perpaduan di kalangan orang Melayu. Walaupun Johor Bahru dan Parit Raja masing-masing menghasilkan keputusan yang berlainan, namun keputusan itu tetap menonjolkan mesej yang sama iaitu rakyat berbelah bahagi dalam soal kepimpinan. Mereka juga berbelah bahagi dalam perkara yang menyentuh perpaduan dan bagaimana perpaduan itu harus diolah dan dicapai. Oleh itu tidak seharusnya pucuk pimpinan UMNO Baru sahaja yang menentukan bagaimana dan ramuan apa yang perpaduan itu harus mencakupi.

Perpaduan harus dilihat dari semua sudut terutama dari sudut pihak-pihak yang terlibat dengan mencari punca yang menyebabkan sesuatu perpecahan itu berlaku. Dalam aspek ini, punca perpecahan ialah tindakan-tindakan politik kuasa atau "power politics" yang memecah-belahkan masyarakat Melayu itu sendiri. Penggunaan kuasa itu dikenakan terhadap mereka yang dianggap "serpihan", "pengkhianat", "gerombolan" dan bermacam-macam istilah lain, termasuklah "perosak makhluk" yang digunakan bagi menggolongkan mereka yang tidak lagi sehaluan dengan pucuk pimpinan sebagai orang-orang yang salah perjuangan. Adakah Tunku Abdul Rahman perosak makhluk? Adakah Tun Hussein Onn perosak ataupun mereka yang merosakkan orang-orang lain? Jawapan itu tentu tidak berani kita memberikan kerana tidak benar. Untuk tujuan ini segala jurusan dan media digunakan. Tidak cukup dengan selaran-selaran media massa, perhimpunan-perhimpunan rasmi seperti SEMARAK dan Mini SEMARAK dijadikan sebagai alat pemaki-hamun terhadap mereka yang berjuang ke arah pemulihan

perjuangan Melayu asal itu, hinggan bangunan Angkasapuri pun dililit dengan kain hitam, mewujudkan dua tempat yang hitam di dunia ini di mana bangunannya dililit hitam — pertama di Kaabah dan kedua di Angkasapuri. Inipun dilakukan demi mewujudkan apa yang dipanggil sebagai simbol bagi perjuangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu jika benar-benar kepimpinan hendak membina perjuangan politiknya sendiri, dengan jenama politiknya yang sendiri, kenapa masih menggunakan nama UMNO itu dengan pelbagai muslihat dan kaedah yang kelabu. Kalau benar-benar handal perjuangan, kenapa masih mengaku yang UMNO Baru itu adalah UMNO asal? Bukankah itu mengelirukan dan menggalakkan bercambahnya budaya tipu, ambil sahaja satu nama dan bubuh jenama dan cap sendiri, kenapa ini semua dilakukan? Apakah takrif keistimewaan orang Melayu dalam Perlembagaan UMNO Baru? Kenapa takrif kedaulatan Raja-Raja diubah? Kenapa Presiden dan Timbalannya mesti mendapat undi subsidi? Apakah dengan perubahan-perubahan ini UMNO Baru sama dengan UMNO lama? Seorang silap mata besar dari Amerika pernah datang kemari yang namanya tidak payah saya sebut, beliau boleh menghilangkan benteng di negeri China dalam sekelip mata, tetapi janganlah cuba lenyapkan UMNO dengan silap mata yang belum lagi pakar orang membuatnya. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, rakyat diingatkan oleh pemegang-pemegang teraju kuasa bahawa kononnya kehancuran Melayu itu scan sampai jika mereka yang dianggap golongan serpihan ini tidak akan berpadu dengan menerima pelawaan dan tawaran yang dibuat leh Perdana Menteri. Beberapa ari sebelum pilihanraya kecil Parit Jaja, pelawaan untuk perbincangan mata dibuat

oleh Majlis Tertinggi UMNO Baru. Sebenarnya di peringkat ini kesan politik cantas seperti yang dihuraikan tadi telah merebak sekali, kesan yang negatif. Ibarat berlumba lari pemecut utama sudah seribu meter di hadapan barulah meniup wisel membenarkan pelumba kedua berlari, ayuh! berlari katanya. tetapi yang dahulu sudah pun meninggalkan suasana. UMNO Baru sudah dilengkapkan dengan semua barisan pemimpinya, barulah pelawaan dibuat.

Perlembagaan UMNO Baru membenarkan unsur-unsur kediktatoran, kononnya untuk tujuan mengurangkan politik, perjuangan mana yang boleh menerima bahawa sebarang perbincangan hendaklah dengan tanpa syarat. Dengan tanpa syarat bukan perjuangan namanya, sedangkan Nabi pun mensyaratkan perjuangannya. Untuk perpaduan, mestilah diadakan syarat-syarat perpaduan. Pepatah Melayu berbunyi "koyak-koyak ditampal, retak-retak dikimpal". Masyarakat Melayu sudah pun retak perpaduannya, justeru itu mesti ada bahan pengimpal, bahan pengimpal itulah syaratnya. Dan yang retak koyak itu perlu diitumbab atau ditampal segera dengan kain perca atau kain guntingan yang lain. Kain yang sedia ada pada pakaian yang koyak itu tidak boleh dijadikan penampalnya.

Kerap benar kedengaran pendapat pihak yang memiliki politik kuasa, bahawa jika pejuang-pejuang '46 tidak mahu kembali bersama dengan pucuk pimpinan dan partinya kehancuran kuasa Melayu akan pupus. Sekali dengar menakutkan dan yang paling sinis ialah dakwaan bahawa pejuang-pejuang 46lah yang menyebabkan ini semua, masakan gertak sebegini harus diperiksa tujuannya.

Pucuk pimpinan hari ini tidak harus mengakui lagi bahawa beliaulah yang menjadi penentu kepada ramuan atau resepi perpaduan itu, kerana dalam konteks UMNO '46, dan UMNO

Baru, beliau hanya berupaya mewakili 51% dari suara sebenar, yang 49% lagi orang lain yang sudah empunya. Suara yang 49% ini tidak harus diketepikan sahaja rintihan mereka. Hak mereka dalam soal perpaduan juga tidak kurang dari hak yang 51%. Itupun jika pemimpin UMNO Baru sekarang sesungguhnya boleh meraih 51% dari orang Melayu. Angka keahlian anggota UMNO Baru pun sudah mula dipertikaikan, sekejap-sekejap dikatakan 750,000, dalam forum dikatakan 650,000, Menteri Penerangan pula menyatakan sejuta lebih.

Angka-angka ini sudah cukup mengelirukan sama ada tahap sebenar telah dicapai ataupun tidak. Di peringkat negeri ada orang yang belum membayar yuran. Mereka bertanya kepada kami, kami tidak pernah membayar yuran tetapi nama kami tercatat sebagai anggota. Apabila pucuk pimpinan pergi ke negeri, Menteri Besar pun menyerahkan cek \$40,000, \$30,000 sebagai angka bahawa bilangan mereka sudah genap. Tidakkah ini merupakan menipu diri sendiri? Tidakkah ini melibatkan bahawa tindakan-tindakan keahlian seperti itu tidak akan dapat diuji oleh sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, apakah perpaduan itu kini hanya penting diperjuangkan dalam lingkungan orang Melayu dalam UMNO Baru sahaja? Seluruh Melayu harus dilibatkan. Kebanyakan cendekiawan yang diasuh oleh media massa tempoh hari adatah orang suruhan yang berkokok dengan satu nada sahaja, iaitu nada yang dikokokkan oleh pemegang politik kuasa, bukan nada Melayu sejagat. Jika diteliti dengan halus, hujah bahawa kuasa politik Melayu akan jatuh ke tangan orang lain jika perlawanan berunding lapan mata atau kedudukan dalam Majlis Tertinggi UMNO Baru atau tawaran kerja Menteri itu tidak diterima

amatlah meleset. Bukankah di dalam Perlembagaan Persekutuan hak-hak istimewa orang-orang Melayu itu merupakan peruntukan yang terjamin? Kedudukan Raja-Raja serta kepentingan mereka sudah terjamin. Di Negeri-negeri Melayu pula seseorang bakal Menteri Besar itu haruslah terdiri dari orang Melayu. Cuma yang tidak dikatakan dalam gara-gara menakut-nakutkan itu atau syndrome menakut-nakutkan ialah mereka yang berkuasa sekarang mungkin kehilangan kuasa mereka. Sebenarnya ini adalah kuasa rakyat yang memilih pemimpin dan wakil mereka lima tahun sekali. Dan kembali kepada perihal orang Melayu di negara ini jika dapat diwujudkan perpaduan perjuangan antara dan semasa semua orang Melayu, dengan tidak mengira latar belakang politik mereka, bukankah itu lebih meluas dan lebih sempurna daripada perpaduan yang hanya melibatkan UMNO Baru dan perjuangan UMNO 46. Dilihat dari sudut ini nyatalah bahawa soal perpaduan di kalangan orang Melayu itu harus diterima dalam konteksnya yang lebih luas dan tidak dalam genggam politik kuasa yang sempit.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perpecahan dalam lingkungan politik kuasa orang Melayu pada hari ini dicetuskan sendiri oleh pemimpinnya, hakikat yang paling menonjol ialah bahawa suratkhbar dan media elektronik yang kedua-duanya dikuasai oleh Kerajaan harus juga dipersalahkan. Mereka berpesta melaga-lagakan para pemimpin dan pengikut mereka. Tiada sedikit pun mereka gusar mengeluarkan kisah dan laporan yang menyinggung orang atau yang semata-mata bidaah asalkan edaran mereka meningkat dan terus meningkat. Asalkan pihak berkuasa puas hati dengan mereka dan editor mereka duduk terus di kerusi editor masing-masing, cukuplah. Journalisma objektif sudah mati di negara ini dan perpaduan saban hari

bertambah jauh oleh kerana tiadanya journalisma yang professional ke arah mewujudkan laporan dan berita yang objektif. Objektif mereka hanya satu, iaitu melindungi sifat pihak yang berkuasa yang keji dan gembira memaparkan berita-berita pihak yang tidak sehaluan dengan pihak pemegang politik kuasa.

Sebilangan besar para editor yang mengarang suratkhbar kita pada hari ini bergantung nasib kepada kuasa politik yang meletakkan mereka di kerusi editor itu. Timbullah berita dan liputan picisan yang langsung tidak memberi peluang kepada pihak-pihak lain yang ingin menyuarakan sesuatu yang benar. Apabila kecenderungan sesuatu media itu sudah begitu jelas terhadap sesuatu haluan seperti mana juga sebahagian besar golongan yang kononnya memanggil diri mereka cendekiawan maka perpaduan jadi melarat dan merana olehnya. Tanpa peranan media massa dan cendekiawan yang berat sebelah di negara ini daiam konteks perpecahan sekarang, keadaan orang Melayu khususnya dan rakyat Malaysia amnya mungkin tidak seburuk ini.

Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dato' Rais Yatim:** Sedikit sahaja lagi. Perpecahan di kalangan orang Melayu pada hari ini adalah percetusan daripada pegangan kuasa itu, justeru ia juga harus mencari jalan bagaimana perpaduan itu harus dicapai. Tetapi oleh kerana kesan politik cantas yang telah diamalkan sejak hampir 20 bulan itu menumbulkan rasa cemas berikutan matinya UMNO 46. Keadaan hilang mata pencarian, berkecainya kebebasan kehakiman, berlakunya sistem cronism, dengan izin, kemungkaran politik dan ekonomi dan kesan-kesan lain yang mudarat, maka kecederungan untuk terus akur

kepada kepimpinan yang ada sudah menjadi kian tipis. Soal pengiktirafan dalam kepimpinan penting. Soal pokok sekarang ialah soal untuk bertindak, menerusi Dewan inilah kita membawa tindakan itu semoga rakyat di seluruh negara insaf dan mengambil iktibar. Adalah diakui bahawa tradisi politik kuasa Melayu harus dikekalkan demi menjamin sifat dominant orang Melayu di dalam politik dan pentadbiran. Begitu juga kuasa politik orang Melayu tetapi dalam perihal ini harus dilihat dalam konteks yang lebih meluas dan mencakup pihak-pihak yang lebih menyeluruh. Tidak wajar ditakut-takutkan orang Melayu bahawa kononnya kuasa yang ada di tangan mereka akan hilang jika trend perpecahan kini berterusan. Jika perpaduan orang Melayu di luar UMNO Baru dapat diadun dan ditegakkan tentulah nisbah kuasa perpaduan itu akan lebih meluas lagi. Oleh itu tidak ada perpaduan itu yang lebih penting daripada fahaman yang sebenar. Cuma mungkin kuasa itu akan hilang dari pihak-pihak tertentu. Kita serahkanlah ini kepada rakyat. Perpaduan di luar UMNO Baru di kalangan orang Melayu akan hanya menjejaskan rancangan garang dan ganas pihak-pihak tertentu. Sebaliknya, ia akan menjejaskan perpaduan itu sendiri di kalangan orang Melayu seluruhnya.

Unsur-unsur tradisi perjuangan 46 harus dicari kembali. Kalau tercicir dicari, kalau hanyut dipintas. Jika ini tidak diamalkan orang Melayu akan hilang sifat bangsanya. Begitu juga tradisi bangsa melalui bahasa dan adat resam orang Melayu. Janganlah dianggap bahasa dan tradisi orang Melayu itu seperti spare parts kereta Jepun, yang boleh ditukar ganti apabila bocor atau ditukar dengan yang baru apabila perlu. Adat bahasa dan adat resam orang Melayu itu adalah sebahagian daripada jiwa rohaniah dan jasmaniahnya. Segala kemungkaran politik, undang-undang

ekonomi, pentadbiran dan lain-lain harus dipulihkan. Pihak yang kini memegang kuasa politik demi kepentingan kumpulan dan diri harus tidak lagi mendabik dada dengan kuasa yang ada dan menindas mereka yang bertembung pendapat dan aliran dengan mereka. Hak penentu bukan lagi melalui selaran, tohmah atau penyalahgunaan kuasa atau melalui undang-undang yang dipinda sewenang-wenang tetapi seharusnya melalui suara rakyat.

Kebebasan kehakiman adalah tuntutan yang tertinggi. Negara akan hanya dihormati dan dicintai dari luar dan dalam negeri sekiranya keluhuran undang-undang itu tidak dirombak dan dicabul sekerap kita mengganti baju dalam. Telapak perjuangan asal orang Melayu yakni UMNO 46 perlu dihidupkan semula 100%. Mulailah langkah ini dengan meluluskan usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Gua Musang ini. Perpaduan tidak boleh dituntut. Ianya wujud apabila keikhlasan dan kejujuran dalam perjuangan nampak dan kelihatan sebagai berfungsi. Begitu juga halnya dengan penghormatan dalam mentadbir dan menyempurnakan politik kuasa, ianya tidak boleh melalui paksaan atau budaya tipu helah. Ia mesti diwarisi melalui proses yang telah wujud dan diteraskan melalui perjuangan yang asal.

Sebilangan besar kesilapan pemimpin di dunia yang pernah berlaku dan dirakam dalam sejarah ialah engganannya para pemimpin mengiktiraf maxim yang berbunyi alam beredar, pesaka bergilir. Apabila sudah ada tanda-tanda bahawa rakyat sudah mula gelisah dengan kepimpinan, haruslah cari jalan keluar yang paling dekat dan bermaruah supaya pergolakan tidak berlaku. Pemimpin-pemimpin tanahair yang terdahulu menghormati dan menerima hakikat ini, Kesinambungan tradisi

pemimpin, kuasa dan siasah orang Melayu semenjak Datuk Onn Jaafar hinggalah ke zaman Tun Hussein Onn tidak pernah diabaikan. Berbanding dengan suasana yang wujud sekarang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas sifat yang cintakan kebenaran, yang berbentuk menerima dan memersetujui usul ini dibentang (*Tepuk*) oleh Yang Berhormat Mulia Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, diizinkan untuk dibahas di Dewan yang mulia ini.

Pada hari ini akan tercatat dan terpastilah siapa yang menentukan siapa. Siapa yang telah memamatkan UMNO kali kedua, dan kali pertama di Mahkamah Agung atau kali kedua di Dewan ini. Setiap yang bernafas dan menghela sekali ke atas sekali ke bawah tentulah zuriat yang akan datang meneliti kita. Kalau di kampung, gigi orang kampung yang bersumbi emas itupun UMNO 1946 yang telah tolongkan. Kedudukan kita di sinipun UMNO 46 telah tolongkan. Jika saudara Ahli-ahli Yang Berhormat memilih untuk membantu membenarkan supaya usul ini dikemukakan dengan positif, bermaknalah nafas yang dihela sekali ke atas dan turun sekali ke bawah itu telah mendapat justifikasi dari perjuangan kita bersama. Sebaliknya, jika tentangan diberi maka zuriat kita, rakyat yang menyaksikan kita di kampung dan di seluruh pelusuk tanahair akan menentukan di mana kita berjuang. Terima kasih (*Ketawa*).

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Pembangunan  
Negara dan Luar Bandar (Dato'

**Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangan iaitu:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga usul Yang Berhormat dari Gua Musang yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja lepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang berbunyi Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga usul Yang Berhormat dari Gua Musang telah pun selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dipertimbangan dan sebaik sahaja lepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

## USUL RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN MEMINDA AKTA PERTUBUHAN 1966

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Mentakab.

6.15ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri (Dato' Dr Siti

**Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyertai dalam perbahasan Usul ini yang banyak telah kita dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pada 4hb Februari, 1988, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang dihakimkan oleh Yang Arif Harun Hashim telah membuat keputusan berasaskan kepada Seksyen 12 (3) 1966 yang berbunyi:

"Jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuhkan satu cawangan dengan tiada terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar maka pertubuhan berdaftar itu dan cawangan yang ditubuhkan demikian itu hendaklah disifatkan sebagai pertubuhan-pertubuhan yang menyalahi undang-undang".

Maka tanggal pada tarikh itu jugalah UMNO sebagai pertubuhan politik Melayu yang unggul, sebagai teras kepada Barisan Nasional telah menjadi sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Nasi sudah menjadi bubur kerana dik nila setitik rosak susu sebelanga. Kumpulan 11 yang mengheret perkara ini ke Mahkamah. ....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Larut bangun.

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, setitik sahajakah nila itu?

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** 11 titik. Kumpulan 11 yang mengheret perkara ini ke Mahkamah tidak menyangka bahawa madu yang diharapkan, racun juga yang dirasai. Seluruh masyarakat Melayu, baik ahli UMNO mahupun yang bukan ahli UMNO terkejut dengan tragedi politik ini. Seluruh sistem politik kita, kepimpinan kita, budaya politik kita," malah segala-galanya terdedah kepada

satu keadaan yang tergugat, mencabar dan boleh menghancurkan. Parti yang menjadi teras kepada parti yang memerintah diisytiharkan oleh Mahkamah sebagai tidak sah adalah satu fenomena politik yang luar biasa sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya keputusan bahawa UMNO adalah pertubuhan yang menyalahi undang-undang memberi dua implikasi yang besar dan saya minta izin Dewan ini untuk memperbincangkannya. Yang pertama ialah implikasi yang menimbulkan krisis Perlembagaan dan, yang kedua krisis keyakinan. Krisis Perlembagaan timbul oleh kerana ahli Wakil Rakyat UMNO adalah ahli dalam kumpulan Barisan Nasional yang menjadi gabungan parti pemerintah di Malaysia. Dengan keputusan Mahkamah begitu Wakil-wakil Rakyat UMNO secara implication, dengan izin, pada ketika itu adalah ahli bebas dan bukan ahli Barisan Nasional. Jadi, apakah *locus standi*, dengan izin, Barisan Nasional dalam keadaan begini. Krisis Perlembagaan juga timbul oleh kerana mengikut convention Presiden UMNO dan Timbalan Presiden UMNO dipersetujui memimpin negara selaku Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, berasaskan kepada undi pilihanraya yang diperolehi oleh UMNO dan ini diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Apakah keadaan dan kedudukannya sekiranya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak mewakili sesuatu pertubuhan yang sah dari segi undang-undang dan sekiranya masa ini dilanjutkan tanpa apa-apa sekatan? Apakah implikasinya terhadap iklim dan suasana negara ini? Krisis Perlembagaan ini akan lebih serius sekiranya dipertikaikan oleh rakyat. Apakah yang akan berlaku sekiranya ada rakyat yang mengambil injunction, dengan izin, untuk menahan Perdana Menteri atau

Timbalan Perdana Menteri ketika itu daripada menjalankan tugas berasaskan keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah? Apakah akan terjadi sekiranya ada rakyat yang menunjuk perasaan atau mendemonstrasi mempertikaikan kedudukan setiap Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO, termasuk semua Ahli Yang Berhormat, tetapi syukurlah kita kepada Allah s.w.t. perkara ini tidak berlaku.

Yang kedua, implikasinya adalah terhadap krisis keyakinan. Sekiranya tindakan tidak diambil, seluruh rakyat negara-negara jiran, pelabur-pelabur asing dan semua lapisan masyarakat kita akan merasakan curiga dan bertanya-tanya bagaimanakah ke pimpinan negara boleh diteruskan manakala pertubuhan yang menjadi jentera politik kepimpinan itu sendiri boleh dianggap sebagai menyalahi undang-undang. Credibility negara sudah semestinya akan dipertikaikan oleh semua pihak, bukan sahaja kedudukan Perdana Menteri, kedudukan Timbalan Perdana Menteri, tetapi semua Wakil-wakil Rakyat UMNO khususnya pada ketika itu. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa-siapa sahaja yang menjadi Perdana Menteri pada ketika itu atau yang memimpin negara pada ketika krisis ini mempunyai pilihan yang amat terhad sekali, berdiam diri dan membiarkan proses perundangan diteruskan iaitu menunggu rayuan Mahkamah Agung tetapi Seksyen 12 (3) begitu nyata dan jelas sekali dan kita semua sedia maklum keputusannya nescaya menyerupai keputusan Mahkamah Tinggi juga. Tetapi pemimpin yang bertanggungjawab mestilah berani bertindak. Tidak perlu mengadu nasib berbulan-bulan menunggu keputusan rayuan dari Mahkamah Agung dan lebih serius lagi ialah beliau mesti mengatasi krisis Perlembagaan dan krisis keyakinan yang telah timbul

yang boleh menghancurkan seluruh fabric demokrasi negara ini. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Perdana Menteri? Salah satu tindakan untuk mengatasi krisis Perlembagaan ini pada ketika itu yang pernah dipraktikkan pada masa-masa yang lepas ialah mengisytiharkan darurat. Perkara 150 memperuntukkan bahawa sekiranya Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa satu darurat besar sedang berlaku dan keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagian yang terancam oleh kerananya, Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan satu pengisytiharan darurat.

Kita mesti ingat bahawa pengisytiharan darurat boleh dikeluarkan semasa ataupun sebelum berlaku kejadian yang sebenarnya yang mengancam keselamatan ekonomi atau ketenteraman awam. Bukankah krisis Perlembagaan dan keyakinan yang timbul telah mengancam keselamatan, ekonomi, ketenteraman awam atau mana-mana bahagian pun. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil untuk mengatasi krisis Perlembagaan dan keyakinan ini adalah mengikut undang-undang dan Perlembagaan yang ada.

Perdana Menteri tidak mengambil tindakan darurat sebab beliau percaya kepada tindakan yang lebih praktikal tetapi constitutional, dengan izin. Beliau dengan segera mengikut kehendak-kehendak Akta Pertubuhan menubuhkan parti baru yang tetap bermatlamatkan dan berteraskan kepada semangat nasionalisma dan perjuangan kebangsaan Melayu, berpegang kepada kedaulatan Raja-raja Melayu, Kerajaan berperlembagaan, berpegang kepada prinsip demokrasi, Islam sebagai agama rasmi, mendaftarkannya, me-

mohon menjadi ahli komponen Barisan Nasional dan meneruskan kepimpinan yang ada.

Dengan tindakan inilah beliau mengatasi krisis yang timbul dan berjaya membenarkan kesinambungan demokrasi di negara kita. Kita harus ingat inilah alternatif yang paling baik selain daripada darurat dalam keadaan krisis yang ada pada ketika itu. Kita juga tidak harus lupa bahawa tindakan mesti diambil dan bukan sekadar berdiam diri memeluk tubuh semata-mata.

Usul yang dibincangkan ini mengenai meminda Akta Pertubuhan 1966 bagi peringkat ini adalah terlewat sebab the due process of law, dengan izin, iaitu proses perundangan sudah pun berlalu. Memang benar, Parlimen diberi kuasa untuk membuat undang-undang, Parlimen diberi kuasa untuk memansuhkan undang-undang dan Parlimen diberi kuasa untuk meminda undang-undang. tetapi tidak ada precedent di mana Parlimen menghidupkan sesuatu yang telah mati. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

6.22 ptg.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):**Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk turut serta dalam perbahasan terhadap usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang.

Dari pandangan-pandangan yang kita telah dengar yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dengan gigih pindaan Akta Pertubuhan ini, nyata bahawa minat sebenarnya bukanlah Akta Pertubuhan. Inilah satu sandiwara untuk mendapatkan sedikit sebanyak sokongan daripada rakyat menunjukkan bahawa mereka terdiri

daripada kalangan yang mencintai perjuangan suci UMNO.

Sandiwara ini malangnya terlambat kerana sebahagian besar daripada masyarakat sudah tahu bahawa nawaitu sebenarnya di sebalik rancangan ini tidak lain daripada usaha terakhir Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang dan penyokong-penyokong setia ataupun yang tidak setia tetapi sama bersekongkol dengan beliau untuk merampas kuasa. Yang mendorong mereka mengemukakan pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah nafsu besar untuk berkuasa. Hari ini kita dengar perbincangan mengenai demokrasi, mengenai suara rakyat. ....

**Seorang Ahli:(Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:**Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:**Biarlah saya habiskan ayat ini dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Demokrasi, suara rakyat, kebebasan bersuara, kepentingan rakyat jelata. Suara-suara ini tidak pernah berkumandang dengan penuh semangat semasa orang-orang itu berkuasa dahulu. (Tepuk) Suara-suara ini dikemukakan semata-mata untuk mengabui kenyataan yang berlaku. Yang sebenarnya menunjukkan dan menampakkan keadilan sebaliknya. Orang-orang ini tidak pernah menghormati demokrasi, semasa mereka berkuasa, sama ada dalam Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, tidak ada yang berani bersuara. Yang ada hanya angguk: "Ya, Engku! Ya, Engku!" dan tidak lebih dari itu. Tuan Yang di-Pertua. ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Boleh.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya begitu seronok mendengar ucapan

daripada Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Satu ucapan yang memang saya puja bertahun-tahun lamanya, tetapi serangan permulaan percakapan itu nyata menunjukkan suatu tindakan untuk mencari publisiti murah dalam mempertahankan pihak-pihak dalam Kerajaan sekarang mengenai dengan usul ini. Saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh adalah seorang ahli politik yang jujur. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat minta penjelasan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan di atas ucapan Menteri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya minta jalan sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak boleh lagu tu, kena minta penjelasan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Dari mana Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh tahu, adakah Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh hadir semasa mesyuarat Perhubungan UMNO Kelantan dengan menyatakan Ya, Ku, ya, Ku. Saya pernah menyertai mesyuarat dengan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, saya pernah keluar daripada mesyuarat apabila. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat jangan membuat ucapan pula. Minta penjelasan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ini saya hendak minta penjelasan, saya mestilah memberikan hujah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan apa yang Ahli Yang Berhormat itu bercakap tadi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak minta penjelasan iaitu apakah Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh pernah hadir mesyuarat dalam Perhubungan UMNO Kelantan? Kita masuk UMNO sama-sama, saya masuk UMNO tahun 1981, Ahli Yang Berhormat masuk UMNO tahun 1981.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukuplah, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak terkejut dengan kemarahan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Memang sikapnya, memang begitu. Saya fikirkan kadang-kadang kita ini telah beransur dewasa fikiran boleh tenang sedikit tetapi ada orang kenakalannya tidak pernah berubah. (*Tepuk*) Yang saya maksudkan dengan sikap yang begitu. Untuk menerangkan kerana mengulas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang dan juga penyokong-penyokongnya. Saya tahu, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas adalah penyokong yang setia yang tidak boleh sedikit pun disentuh ketuanya itu, melenting lebih dari ketuanya, (*Tepuk*) tetapi saya fikir, Tuan Yang di-Pertua. ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Biarlah saya habiskan ayat dahululah. Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang saya gambarkan tadi ialah pendirian dan sikap yang memang nyata, yang tidak boleh dipertikaikan dan mungkin benar, saya tidak mahu pertikaikan

kebenaran ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Mungkin ada julung-julung kali, ada sikap dan keberanian beliau yang luar biasa, berbeda pendapat dan bertelagah secara kecil-kecilan dengan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang tetapi umumnya pendapat ini diketahui umumnya oleh ahli-ahli UMNO dan juga penyokong-penyokong Ahli Yang Berhormat Gua Musang. Tuan Yang di-Pertua. ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Boleh minta penjelasan sedikit. Apakah Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh sedar, sikap Ahli Yang Berhormat kepada pucuk pimpinan pun samalah juga. Kalau ketuanya ditegur sedikit pun melenting. Jadi, kita ini serupa sahajalah. *(Ketawa)* Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu bukan penjelasan. *(Ketawa)*

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya agak dukacita sedikit kerana saya diheret turun ke bawah sama dengan level Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru ada dihubungkan dengan rentetan peristiwa sejarah Semangat 46. Tuan Yang di-Pertua. ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Minta jalan. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tak bagi jalan.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Apabila kita melihat perkembangan sejarah ini, kita tidak hanya melihat rentetan kronologi, catatan peristiwa demi peristiwa. Orang mengkaji dan memahami sejarah itu dari segi maksud, pengertian dan pengajarannya. Tidak ada peristiwa-peristiwa yang melibatkan satu-satu parti yang lampau yang dianggap

murni segala-galanya, tidak juga perkembangan sekarang yang boleh dianggapkan perfect dalam segala bentuknya. Kita belajar dari sejarah.

Yang Berhormat dari Johor Bahru umpamanya memberi kuliah kepada kita tentang Semangat 46 dan rentetan peristiwa yang menyebabkan hidupnya orang-orang Melayu dan berjayanya orang-orang Melayu menumpas segala kekuatan penjajah dan juga berjaya mencapai kemerdekaan dan meletakkan kita pada tahap kuasa yang ada sekarang. Tetapi saya harus ingatkan bahawa sejarah harus difahami dan dipelajari; sejarah bukan sahaja harus difahami tetapi dipelajari, Tuan Yang di-Pertua. Orang yang tidak belajar dari sejarah akan dikutuk melakukan kesilapan yang pernah berlaku dalam sejarah. Sebab itulah saya ingin mengatakan bahawa di antara kekuatan Semangat 46 itu ialah bahawa ada kepercayaan pejuang-pejuang Melayu pada ketika itu terhadap kekuatan mereka sendiri, semangat perjuangan untuk meletakkan asas ketuanan bangsa yang kukuh berdiri dan sanggup bekerjasama dengan kalangan yang menerima kenyataan ini. Apa yang berlaku di Johor Bahru ialah suatu mainan politik yang sanggup bersekongkol dengan kalangan yang menentang segala asas untuk membina ketuanan bangsa itu sendiri. *(Tepuk)* Apa yang berlaku di dalam pilihanraya kecil Johor Bahru menunjukkan bahawa politik Machiavellian menguasai orang-orang yang ingin bernafsu. Mereka bukan sahaja bersekongkol dengan sesiapa sahaja, termasuk kekuatan DAP yang nyata dan terang menentang seluruh usaha yang dibangunkan oleh Semangat 46 dari dulu. *(Tepuk)* Mengapa kita tidak sedar akan kenyataan ini. Pemimpin-pemimpin DAP. ....

**Dato' Zainal Abidin bin Zain:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli dari Bagan Serai bangun.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Saya akan berikan. Pemimpin-pemimpin DAP memang memberikan sokongan yang nyata dan terbuka. Sebab apa? Sebab pemimpin DAP sedar bahawa inilah cara mereka untuk meruntuhkan UMNO dan kekuatan Semangat 46.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bagan Serai dulu. Dia beri jalan kepada Bagan Serai.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya hanya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Adakah Yang Berhormat sedar dari segi sejarah, peristiwa 13hb Mei, 1969, yang berlaku di Kuala Lumpur dan di Pulau Pinang, pada ketika itu seorang Naib Canselor Universiti di tanahair kita pada hari ini, bersekongkol dengan beberapa orang yang lain yang sekarang berada dalam kepimpinan Barisan Nasional. (*Tepuk*)

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Saya sedar yang dimaksudkan itu ialah Naib Canselor Universiti Malaya yang memimpin Parti Gerakan pada ketika itu. Itu sejarah. Yang memalukan dan mengaibkan ialah orang yang membicarakan soal Semangat 46. Membicarakan Semangat 46, tetapi bersekongkol dengan orang-orang, dengan kumpulan yang nyata menentang seluruh usaha membina kekuatan, perpaduan Melayu sejak 1946. (*Tepuk*)

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, yang mana dulu ini, tiga orang sekali. Nanti

yang mana hendak beri jalan. Bagan Serai.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dikatakan yang di Johor Bahru itu bersekongkol memalukan; tidakkah memalukan pula saudara di dalam Kerajaan yang bersekongkol dahulu sehingga menimbulkan peristiwa 13hb Mei, dan hari ini berdakap dan berciuman sesama sendiri.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Naib Canselor Universiti Malaya diberi tugas akademik memimpin Universiti Malaya. Dan saudara Yang Berhormat dari Bagan Serai jikalau ada sedikit kekuatan—kekuatan moral, saya akan sediakan satu perdebatan terbuka dengan Naib Canselor Universiti Malaya di mana-mana tempat. (*Tepuk*)

Saya tidak mahu mengadakan satu majlis di sini untuk membahaskan kedudukan orang lain. Saya membangkitkan kedudukan Johor Bahru kerana Yang Berhormat dari Johor Bahru ada di sini, dan di sini medan dan gelanggang kita, bukan memilih untuk menggunakan parliamentary privilege untuk menyerang orang lain yang tidak ada di Dewan ini. (*Tepuk*)

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** (*Bangun*)

**Dr Goh Cheng Teik:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiga orang sekali bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap Ahli dari Bagan Serai. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang di belakang, dia pun tidak mahu duduk. Saya minta salah seorang beralah.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Memang kurang bersatu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Kurang bersatu, kumpulan lain-lain. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan mengatakan Naib Canselor seorang sahaja. Ketua Menteri Pulau Pinang pun bersama-sama yang menjadi Ketua Menteri saudara di Pulau Pinang pun terlibat dalam kes sebelum mereka menyertai Barisan Nasional. Sebagai Ahli Parlimen daripada kampung kita pun tidak pernah kalau dijual tidak membeli. Saya menerima cabaran ini untuk berdebat. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, siapa hendak atur itu? Kalau sekiranya tidak banyak orang yang mengganggu kita boleh habiskan perbincangan kita pada malam ini. Kalau tidak, bagaimana pula oleh kerana kita hendak habiskan pada malam ini mengikut usul yang kita putuskan tadi?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin menjawab permintaan atau penjelasan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai tadi. Soal mengatur itu saya akan berbicara dengan Naib Canselor Universiti Malaya yang berkenaan.

Soal Ketua Menteri Pulau Pinang, bukan perkara baru. Yang Berhormat dari Bagan Serai jadi Ahli Parlimen Barisan Nasional sudah lama, baru sekarang teringat Ketua Menteri Pulau Pinang itu memimpin Parti Gerakan pada tahun 1969. (*Ketawa*) Anih! Sebab itu kita kata mesti belajar dan faham sejarah. Bukan sahaja mencatatkan peristiwa-peristiwa tanpa mengerti. Anih, anih sungguh kerana baru hari ini setelah berpuluh-puluh tahun menjadi Ahli Parlimen, Timbalan Menteri walaupun tidak

sempat menjadi Menteri. (*Ketawa*) Tetapi begitu lama memegang jawatan, baru hari ini memikirkan bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang iaitu Dr Lim Chong Eu itu pernah menentang Kerajaan Perikatan pada suatu ketika dahulu.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini dari mauduk yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Kalau kumpulan yang pernah menentang UMNO boleh bekerjasama, apa salahnya kumpulan yang telah menentang UMNO juga menyokong Ahli Parlimen daripada Johor Banru. Apakah kalau menyokong mereka itu dibenarkan, menyokong orang lain menjadi salah. Itu sahaja yang saya bincang. Bukan saya tidak sedar perkara ini, bahkan saya sedar juga akan perkara-perkara yang berlaku sepertimana yang telah berlaku yang telah diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Penang Pauh sebelum menyertai UMNO dulu.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat dari Bagan Serai. Saya bangkitkan soal Ketua Menteri Pulau Pinang dan Naib Canselor Universiti Malaya ini dalam konteks yang berbeda dengan DAP. Naib Canselor Universiti Malaya mendukung dasar-dasar Kerajaan yang ada, dasar-dasar nasional yang penting tidak dipertikaikan.

**Ketua Menteri Pulau Pinang** mendukung Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru; menyokong dasar-dasar yang diterima sebagai perkara-perkara pokok oleh UMNO dan Barisan Nasional. DAP menentang semua itu dan sama-sama dipertahankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai. (*Tepuk*) Ini beza besar, Tuan Yang di-Pertua. Malangnya, Yang Berhormat dari Bagan Serai tidak dapat. ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada satu lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada dua orang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Boleh, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong dulu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ini dengan ada di dalam permatang dia hilang fikirannya mengenai sejarah. (*Boo!*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa bersangkut dengan permatang pula.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, dia hilang tikiran dia mengenai sejarah. Adakah dia tahu bila DAP ditubuhkan dan bila Kumpulan 46 atau UMNO dulu ditubuhkan. Dan dengan itu macam mana DAP menentang segala-galanya untuk memusnahkan UMNO 46.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar-dasar yang disebut tadi, DAP tidak pernah menentang hendak membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, hendak adakan perpaduan negara; itu kita tidak menentang. Yang ditentangkan itu cara-cara yang digunakan oleh pihak Yang Berhormat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong cuma boleh minta penjelasan sahaja.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Soalnya pun kita tidak faham, jadi tidak payah jawablah.

Tuan yang di-Pertua, ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja soalan. Saya tadi hendak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, cuma tinggal lagi saya mungkin akan bersetuju jika Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh memberikan penjelasan bagaimana pandangan Yang Berhormat terhadap MCA sebagai sebuah parti yang pertama membuat resolusi mempersoalkan ketuanan Melayu, iaitu MCA Selangor dan bagaimana dengan kedudukan Menteri Buruh, sebab pada waktu itu Yang Berhormat sebagai Ketua Pemuda, saya masih ingat lagi bagaimana sikap kita bersama terhadap isu itu. Saya minta Yang Berhormat dari Permatang Pauh menjelaskan bagi membolehkan saya menyakinkan diri saya bagi menyokong pandang-pandangan Yang Berhormat itu.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, hendak yakinkan Yang Berhormat dari Pasir Mas ini tidak mudahlah. Tetapi saya ingin menjelaskan ada beza besar mengikut pandangan kami pemimpin UMNO terhadap MCA, DAP. Walaupun ada dari masa ke semasa sebagai komponen Barisan Nasional kita berbeza pendapat dalam soal-soal kecil ataupun besar tetapi dalam soal pokok berdiri dan membina negara ini kita tidak pernah pertikaikan. Ini berbeza dengan DAP yang menentang semua perkara asas dan perkara asas yang saya sebutkan ini ialah soal bahasa, soal pendidikan, soal budaya kebangsaan, soal ekonomi dan dengan pemimpin MCA perkara ini dibincangkan dalam beberapa peringkat pelaksanaan dan saya kira tidak munasabah untuk kita menafikan hak mereka untuk mengemukakan pandangan mereka. Tetapi nyata kedudukan MCA yang menyokong Barisan Nasional dan Kerajaan, dan

DAP yang menentang dan tidak senang, mencemuh, membenci segala tindakan kita untuk kemurnian bangsa, agama dan negara. Ini hendak disamakan! Saya fikir Yang Berhormat dari Pasir Mas betul-betul keliru besar. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua. ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** *(Bangun)*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada dua lagi. Yang Berhormat kita kurang masa, jikalau sekiranya Yang Berhormat boleh teruskan dengan tidak membenarkan gangguan.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hormati keperluan kita untuk memberikan kesempatan seluas mungkin kepada rakan-rakan untuk membahaskan, sebab itu saya tidak berniat untuk menerangkan satu persatu tuduhan-tuduhan yang dibangkitkan. Namun oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya dari Gua Musang dan Johor Bahru dan sebentar tadi Yang Berhormat dari Jelebu membangkitkan soal-soal yang tidak secara langsung berkaitan dengan pindaan tetapi mengambil kesempatan untuk memperluaskan pendapat, maka sebab itulah saya memilih untuk cuba mengheret beberapa isu yang kita anggap yang sebenarnya di sebalik usaha mengemukakan pindaan ini untuk pertimbangan Dewan yang mulia.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu juga sedikit sebanyak mencuit saya sebagai orang yang terjun cepat dari atas. Memang satu kecenderongan beberapa kalangan politik, terutama tokoh-tokoh muda, yang berasa cemas dan cemburu terhadap kejayaan teman-teman mereka, memilih untuk menyerang tanpa satu asas dan alasan yang kuat. Saya dipilih sebagai Ketua Pemuda tahun 1982, dipilih sebagai Naib Presiden dan Yang Berhormat

dari Jelebu kalah teruk dalam pemilihan itu. *(Tepuk)* Sepatutnya kita menyerahkan kepada pertimbangan ahli-ahli dan perwakilan dan bukannya untuk menimbulkan rasa cemburu dan iri hati.

Sebenarnya, di antara masalah yang menimpa UMNO ini ialah masalah tamak dan haloba terhadap kuasa, cemburu dan iri hati terhadap kejayaan teman-teman yang lain dan tidak sanggup bersabar untuk menggunakan kebebasan dan hak mereka sebagai ahli dan pendokong parti untuk sama-sama meyakinkan ahli-ahli bahawa mereka itu mempunyai wibawa, mempunyai integrasi, incorruptable dan boleh memimpin dan boleh mewakili masyarakat Melayu keseluruhannya. Ini yang harus kita tekankan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru memilih untuk menyerang secara kuat, bukan sahaja Presiden UMNO tetapi juga Setiausaha Agung UMNO pada ketika itu. Walaupun saya sedar bahawa Yang Berhormat Menteri Pertanian akan berucap menerangkan secara terperinci, tetapi saya kira wajar untuk kami yang turut serta bersama dengan Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru dalam Majlis Tertinggi pada ketika itu, mengakui dengan penuh kebenaran bahawa di bawah pengelolaan beliau sebagai Setiausaha Agunglah, maka usaha menyusun organisasi, usaha membetulkan kepincangan-kepincangan, usaha mendaftarkan cawangan-cawangan, ribuan yang tidak berdaftar telah dijalankan. Mungkin usaha-usaha itu tidak sempurna keseluruhannya kerana tanggungjawabnya bukan tanggungjawab ibu pejabat tetapi tanggungjawab bersama oleh semua bahagian-bahagian di negara kita, dan amat mengecewakan bila kita mendengar rakan-rakan kita yang memilih untuk menyerang sekarang dan tidak semasa mereka menganggotai Majlis Tertinggi.

Yang paling mengaibkan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kecenderongan rakan-rakan ini memitih untuk menyerang sekarang tetapi tidak menunjukkan masalah-masalah ini semasa mereka menganggotai Majlis Tertinggi dahulu. Mereka memilih untuk menyokong dan mengiakkan serta mengesahkan tindakan-tindakan yang diambil sama ada oleh Presiden, Majlis Tertinggi atau Setiausaha Agung dan kini setelah begitu lama meninggalkan Majlis Tertinggi, baru teringat hendak menyuarakan apa yang sepatutnya mereka suarakan dua tiga tahun yang lalu tatkala mereka menjadi ahli Majlis Tertinggi. (*Tepuk*) Ini samalah dengan sikap beberapa orang bekas Menteri dan Timbalan Menteri yang tidak fikir sangat masalah kemiskinan di luar bandar, sekarang bukan main jadi jaguh besar membela nasib FELDA, (*Tepuk*) membela nasib orang miskin, membela nasib orang miskin bandar dan luar bandar. Dahulu masa pegang jawatan dalam Jemaah Menteri, dalam Majlis Tertinggi mengapa perkara-perkara ini tidak disuarakan dengan berani dan terang? (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kita menggunakan kebebasan dan ruang yang ada dalam Dewan ini untuk mengemukakan pandangan dengan tegas dan berani, tetapi amat mendukacitakan kerana Yang Berhormat dari Gua Musang, yang pernah menjadi Menteri Kewangan sekian lama, sanggup memutarbelitkan statistik untuk membuktikan dan mempertahankan pandangan beliau. Beliau rasa agak gelisah dan saya boleh terima kerana ada yang mengatakan inilah genius ekonomi negara Malaysia. Jadi sukar hendak terima bahawa keadaan ekonomi sekarang sudah begitu baik kerana dengan sendirinya membuktikan bahawa keghairahan penyokong-penyokongnya yang mengatakan beliau itu penyelamat ekonomi Malaysia agak meleset. Jadi terpaksa memutarbelitkan fakta, sehinggakan menyebut

bahawa dalam tahun 1987 hutang luar negeri meningkat 102% dari Keluaran Negara Kasar. Sebenarnya, meningkat 67.5%.

Kalaulah rakyat biasa dari Permatang Pauh buat kesilapan, saya boleh maafkan, tetapi kalau bekas Menteri Kewangan, jaguh, economic wizard of Malaysia, bukan sahaja Malaysia, antarabangsa membuat kesilapan-kesilapan begitu, sukar dimaafkan. Beliau menyebut tentang pinjaman pada tahun 1981 dan dibandingkan dengan tahun 1987, statistics do not lie, dengan izin. Statistics can be manipulated, dengan izin dan satu gross manipulation, dengan izin, telah berlaku.

Pada tahun 1976 hingga 1984—kita masih ingat 1976 hingga 1984—Menteri Kewangannya Tengku Razaleigh Hamzah—\$19,000 juta dipinjam dari luar negeri. Saya tidak mahu menuduh beliau sepertimana teman-teman saya yang sudah tergelincir dari kerusi Menteri berucap sekarang kerana apa yang kita putuskan adalah diputuskan bersama. Apa yang berlaku sejak tahun 1983 saya pertahankan sebagai collective responsibility, sama ada saya bersetuju ataupun tidak.

Oleh yang demikian, saya menyebut angka ini tidak untuk membuat kecaman terhadap bekas Menteri Kewangan tetapi sekadar memberikan angka, menjelaskan kepada beliau supaya beliau tahu bahawa semasa beliau menjadi Menteri Kewangan sebanyak \$19,000 juta telah dipinjam. Pada tahun 1985 sehingga 1988 cuma \$4,000 juta sahaja yang dipinjam, siapa yang pinjam.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Atas nasihat Tuan Yang di-Pertua, kerana

masa tidak mengizinkan, saya ingin meneruskan dan mengakhiri perdebatan ini dan memberi kesempatan kepada orang lain. Saya telah memberi cukup kesempatan pada peringkat awat, tetapi saya fikir untuk bersikap adil kepada teman-teman yang belum lagi turut serta dalam perbahasan ini.

Ada lagi beberapa masalah yang dibangkitkan, dan di antara lain, untuk menunjukkan bahawa kepincangan dan kemelut politik beriaiku kerana kepimpinan, kepincangan dan masalah ekonomi berlaku kerana kepimpinan. Tidak pernah melihat diri sendiri, tidak pernah mahu menyorot pengalaman sendiri, kelemahan sendiri, apakah mereka boleh bebas dari segala kepincangan yang berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini penting dibahaskan tetapi dalam iklim politik hari ini kita tahu bahawa tidak harus kita tumpukan terlalu banyak masa untuk membahaskan pindaan seksyen 12 (3) Akta Pertubuhan ini kerana yang diinginkan bukan pindaan ini, ialah satu percubaan yang pada hemat mereka usaha untuk menyinggung pucuk pimpinan parti dan Kerajaan untuk membuktikan kononnya merekalah pencinta UMNO dan Semangat 46, walaupun apa yang mereka lakukan itu akan memalukan pendiri dan penyokong 46. Kita akan dengar sebentar lagi, saya percaya, penyokong mereka yang setia, termasuk dari Pembangkang DAP, yang saya dengar akan turut menyokong pindaan ini. Ini tidak menghairankan kerana selama ini sejak pengalaman di Johor Bahru menunjukkan bahawa "the most unholy alliance" boleh berlaku (*Tepuk*) bertentangan dengan Semangat 46 yang dibahaskan.

Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, tak usahlah kita didendangkan lagi, saya sudah rasa muak benar dengan kisah Semangat 46 ini. Keadaan telah berubah, semangat dan cita-cita

perjuangan 46 diteruskan dan berlaku kesinambungan yang tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa (*Tepuk*). Perlembagaan UMNO menjadi bukti.....

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Penjelasan.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** . . . dan UMNO dibuka untuk semua orang-orang Melayu, termasuk Yang Berhormat dari Besut (*Ketawa*).

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Sebab itu saya minta penjelasan sedikit. Saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh merangkap Menteri Pendidikan, beliau berkata tadi beliau telah muak dengan Semangat 46. Adakah rasa muak ini kerana beliau sendiri bukan berasal dari Semangat 46 kerana beliau ialah UMNO 81 dan beliau sendiri pernah memijak-mijakkan bendera UMNO 46 satu ketika dahulu? Adakah dengan sebab ini maka beliau merasa muak atas perjuangan Semangat 46?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, inilah cara putar belit politik kotor yang mereka mainkan (*Tepuk*). Saya katakan saya muak dengan pembicaraan mengenai Semangat 46 oleh orang-orang yang tidak patuh dan "consistent" dengan Semangat 46 (*Tepuk*), jangan diputar-belitkan kenyataan.

Yang kedua, saya belum lahir pada tahun 1946, jadi saya tidak pernah menjiwai Semangat 46 pada ketika itu. Yang sama-sama dalam 46 itu Pak Ghafar Baba, termasuk ayah saya yang ikut serta dalam Semangat 46 (*Tepuk*). Sekarang belum tentu ayah Ahli-ahli Yang Berhormat ini turut serta dalam Semangat 46 (*Tepuk*), tetapi soal ayah dan bapa ini, bapa kita semua, tidak mahu saya juruskan kepada satu dua peribadi, tetapi oleh kerana perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Besut soal pijak bendera UMNO, saya hendak

gunakan Majlis dan Dewan yang mulia ini. Saya pernah dengar dari Yang Berhormat dari Jelebu membangkitkan perkara itu, dibangkitkan oleh orang yang bankrap dari segi politik mereka (*Tepuk*). Pertama, tuduhan itu fitnah. Kedua, saya cabar kalau benar ada bukti, saya sanggup letak jawatan dari kedudukan UMNO (*Tepuk*). Tetapi inilah satu lagi helah dan politik. Orang yang bersama kita masa aktif di universiti, ada yang aktif di universiti membicarakan soal pendidikan, bangsa, agama, ekonomi luar bandar, ada yang tidak berbuat apa-apa masa di universiti dahulu, tetapi itu bukan isunya, tetapi di kalangan yang suka memijak bendera, bukan bendera UMNO-bendera Amerika, bendera Russia, itu yang bersama dengan Ahli Yang Berhormat Kumpulan Bebas (*Tepuk*). Saya ketua pada masa itu dan ketua-ketua tidak buat kerja seperti itu (*Ketawa*). Kerja pijak-pijak bendera, walaupun bukan bendera UMNO—bendera Amerika dan lain-lain, ini dibuat oleh hulubalang-hulubalang (*Ketawa*). Dan ada yang dari dahulu hulubalang sampai sekarang kekal sebagai hulubalang (*Ketawa*).

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak simpulkan. ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta jalan?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Saya hendak simpulkan dengan sekali lagi menyeru rakan-rakan saya, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak beri jalanlah, ya?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat. ....

**Dr Goh Cheng Teik:** Minta sedikit penjelasan sebelum Yang Berhormat simpul. Saya ingin tanya Yang Berhormat dari Permatang Pauh

berbangkit daripada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Bagan Serai bahawa Yang Berhormat sedar bahawa kekacauan yang meletus di Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969 tidak berlaku di negeri Pulau Pinang pada waktu itu atau selepas itu. Dan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri waktu itu dan Ketua Menteri sekarang menjadi satu "oasis of peace" pada waktu itu sehingga satu perjumpaan sukan yang tidak dapat diadakan di Kuala Lumpur diadakan di Stadium Pulau Pinang dengan berjayanya.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih, bolehlah penjelasan itu, kita terimalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan hasrat ini kepada rakan-rakan, sama ada penyokong-penyokong Barisan Nasional, lebih-lebih lagi rakan-rakan saya dari kumpulan yang dikatakan Bebas itu supaya sama-sama memikirkan masa depan bangsa yang lebih penting daripada pertikaian dan pergelutan dan sandiwara serta sepak terajang silat politik yang berlaku sama ada sebelum ini atau hari ini. Memanglah lumrah dan kebiasaan dalam bidang seperti ini, bila kita berbeza pendapat, ada pandangan-pandangan yang disuarakan dan diluahkan, tetapi saya berharap supaya ada satu kesederhanaan, satu kesediaan untuk bersama-sama bekerja dan mengukuhkan kekuatan dan kedaulatan politik kita yang berteraskan kepada perjuangan UMNO. Jadi, oleh hal yang demikian, tak usahlah kita menyulitkan lagi kerja-kerja memulihkan UMNO hari ini. Sebenarnya, bukan soal "technicality" yang dibahaskan, tetapi semangat perjuangan parti.

Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi bangun dengan membangkang usul yang dibawa oleh Ahli Yang

Berhormat dari Gua Musang. Terima kasih (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

7.00 *mlm.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mulia. Pertama, izinkan saya memulakan ucapan saya ini dengan melaahirkan rasa terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini kerana mendapat kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan mengenai dengan usul yang dibawa oleh Ahli Parlimen dari Gua Musang.

Tergeraknya hati saya untuk turut serta membahaskan usul Yang Berhormat dari Gua Musang ini apabila saya sepanjang perbahasan yang bermula semalam dan hari ini mendengar kata-kata perkataan haiwan, memetik kata-kata Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, politik monyet, tidak ada akal, tamak-haloba, cemburu dan berbagai-bagai lagi ungkapan. Walaupun begitu, kita terimalah apapun kata-kata ini dan saya menganggap perbahasan ini merupakan perbahasan yang bersejarah, yang nanti akan diwarisi, bukan sahaja oleh kita pada masa akan datang, tetapi juga oleh generasi-generasi seterusnya. Memang saya ini sifatnya hulubalang, tetapi ada waktu-waktu hulubalang terpaksa melintasi ketua, apabila hulubalang-hulubalang mendapati bahawa ketua itu sudah tergelincir daripada perjuangannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menunding kepada mana-mana pihak kerana saya sedar dan saya insaf siapa saya ini.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tidak beri, baru mula. ....

**Tuan Hashim bin Safin:** Penjelasan. Berapa kali sudah tinggal ketua hulubalang ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat daripada Tanah Merah, jangan berucap sehingga diberi kebenaran.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya memang dengar, tadi rakan saya menyebut agak kesal apabila saya turut mengheret beliau ke level saya Ahli Parlimen dari Pasir Mas yang kecil dan kerdil ini. Memang saya kecil dan kerdil, tetapi saya juga sedikit-sebanyak, walaupun banyak kelemahan, tetapi ada juga rekod sedikit-sebanyak sumbangan kepada perjuangan bangsa dan negara. Apa pun yang hendak saya perkatakan ini, sebagaimana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya memulakan dengan memohon izin memetik sepotong ayat Al Quran yang maksudnya "Wahai manusia, kamu tidak dapat tidak sedang bergerak ke arah Tuhanmu—kamu bertemu denganNya".

Sebagaimana yang kita tahu tirman Allah yang bermaksud: bahawasanya sesungguhnya sembahyangku, hidupku dan matiku kerana Allah (s.w.t.). Jangan sekali-sekali rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh menganggap bahawa saya ini begitu fanatik kepada Yang Berhormat dari Gua Musang. Saya ini penyokong setia kepada Yang Berhormat dari Gua Musang. Sebagai sifat seorang anak muda, saya mempunyai prinsip dan pegangan saya sendiri. Saya tidak segan silu pernah mengatakan kepada Yang Berhormat Mulia dari Gua Musang, di waktu sebelum pertandingan: Jadi sesiapa sahaja menjadi pucuk pimpinan dan Perdana Menteri mengamalkan cantas-mencantas walaupun Yang Berhormat Mulia dari Gua Musang

melakukan itu kalau ditakdirkan menjadi Perdana Menteri, Insya Allah, saya juga akan turut menentang habis-habisan.

Saya memulakan ucapan ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ingin menyeru kepada diri saya sendiri dengan penuh insaf, iaitu ingatan Allah tentang perjalanan kita menuju ke garis penamat. Tidak ada yang terkecuali di antara kita. Selaras dengan ingatan ini kita harus merasa sedar dan insaf bahawa segala apa yang kita bicarakan hari ini akan menjadi bekalan kita semasa menemuiNya. Maka marilah sama-sama kita memastikan bahawa kita membawa amalan yang baik dan bukan membawa bungkusan kemungkaran. Sebab itu, saya tidak mahu memulakan ucapan dengan membuat serangan-serangan. Dua hari sampai hari ini saya hanya memeluk tubuh hanya sekadar bangun sekali-sekala untuk mendapatkan penjelasan.

Saya boleh, sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, saya ini hulubalang, untuk menunjukkan sikap dan cara seperti orang lain tunjuk, tetapi memang kita sudah masuk ke alam dewasa, maka sebab itulah bila kita berdiri di sini kita harus mampu membebaskan diri kita dari segala pemikiran negatif. Maka dapatlah kita hari ini membahaskan usul ini dengan dada yang terbuka dan fikiran yang menerima. Hanya dengan pembebasan dan kemerdekaan fikiran, baharulah kita dapat membahaskan usul yang sedang melanda bangsa kita ini dengan penuh rasional, semoga kita mendapat manfaat dan menjadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mendengar ingatan Allah dalam AI-Quaran yang bermaksud "Dengarlah segala pendapat". Saya dengar segala pendapat daripada penyokong-penyokong Kerajaan dan pilihlah yang mana lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita bukan sahaja menuju atau berjalan menemui Allah, malah kita juga sedang berjalan menuju kebenaran sejarah. Mungkin hari ini ada di antara kita dapat menutupi kepalsuan kerana berselindung di sebalik kepalsuan. Kenyataan yang dirumuskan melalui media-media yang dikuasainya tetapi kepalsuan itu tidak selamanya dapat dibendung. Kita sedar bila sejarah bersabda maka terserlahlah kebenaran, bila kebenaran bersabda maka terhapuslah kebatilan. Sejarah kezaliman Stalin akhirnya terdedah. Kunci keganasan di zaman revolusi kebudayaan Mao akhirnya terbuka. Bungkusan kejahatan Shah Iran akhirnya terburai. Begitu juga dengan kedurjanaan Marcos terhadap rakyatnya. Perjalanan perjuangan sesuatu bangsa apabila terus ditindas dan dicaci tidak ada sesiapa yang terfikir bahawa Benazir Bhutto hari ini menjadi Perdana Menteri Pakistan.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka menjadi kemegahan kita umat Metayu. Sejarah keruntuhan Kerajaan Melayu Melaka telah menjadi iktibar kepada kita. Kita bukan hendak mempersoalkan dari segi sudut sejarah, untuk mengambil ataupun menggunakan asas-asas sejarah ini untuk mempertahankan pendapat masing-masing, tetapi ianya menjadi kebanggaan kita dan ianya menjadi Iktibar kita. Sejarah penjajahan negara oleh imperialis barat menjadi ingatan pahit kepada seluruh umat Melayu. Sejarah kebangkitan Sinophobia dan nasionalisma Melayu telah menjadi senjata keramat umat Melayu menghalau imperialis barat.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah keutuhan dan kekentalan UMNO selama ini telah tergugat dan menyeret seluruh umat Melayu dan bangsa Malaysia. Kejayaan dan kecemerlangan kepimpinan Allahyarham Dato' Onn, Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak dan

Tun Hussein Onn, bukan sahaja mula dipersoalkan, malah mula dicerca dan dinistakan.

Fenomena ini mula menjelma ke dalam UMNO kesan daripada pengharaman UMNO oleh Mahkamah pada Februari, 1988 dan lahirnya UMNO Baru. UMNO baru masa persidangan agungnya pada 28hb Oktober, 1988 telah membawa imej baru kepada parti tersebut. Satu revolusi kebudayaan telah terjelma semasa persidangan ini, iaitu ianya menjadi pentas tempat menyerang, memfitnah, mentohmah, maki hamun dan menyerang pemimpin-pemimpin yang terdahulu.

Presiden UMNO baru dalam ucapan pembukaannya telah menyelar hampir keseluruhan pemimpin-pemimpin sebelumnya, kemudian ianya menjadi trend kepada pembahas-pembahas usul selepas beliau. Sebagai bangsa yang bermaruah marilah kita orang-orang Melayu, kerana kita tidak mahu melihat peristiwa Bani Umayyah yang menyelar keluarga Ali Abu Talib dalam setiap perjumpaan dan perhimpunan, malah hingga ke mimbar-mimbar masjid. Kenapakah trend keganasan, kezaliman dan melampau batas adab-sopan bangsa Melayu serta kemanusiaan ini boleh berlaku dalam perhimpunan sebuah parti yang bermaruah. Kenapakah revolusi kebudayaan yang menuju ke arah negatif ini boleh terjadi semasa persidangan Agung UMNO Baru. Kemudian ianya menjadi trend kepada pembahas-pembahas usul selepas beliau.

Sebagai bangsa yang bermaruah, marilah kita orang-orang Melayu kerana kita tidak mahu melihat peristiwa Bani Umayyah yang menyelar keluarga Ali Abu Talib dalam setiap perjumpaan dan perhimpunan malah hingga ke mimbar-mimbar masjid. Kenapakah trend keganasan, kezaliman yang

melampau batas-batas adat sopan bangsa Melayu serta kemanusiaan ini boleh berlaku dalam perhimpunan sebuah parti yang bermaruah? Kenapakah revolusi kebudayaan menuju ke arah negatif ini boleh terjadi semasa Persidangan Agung UMNO Baru? Adakah fenomena ini pernah terjadi semasa siri-siri Perhimpunan Agung UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 atau hanya pada Perhimpunan Agung UMNO Baru yang didaftarkan pada 12 Februari 1988 itu sahaja?

Sejarah perjuangan dan pembentukan UMNO pada Mei 1946 telah membawa tenomena baru dalam sejarah perjuangan rakyat. Perpaduan umat Melayu telah dapat melewati garis sempadan daerah dan negeri. Kejayaannya hampir sama dengan kejayaan Nabi Muhammad s.a.w. membentuk negara kota Madinah dengan menjadikan ummah senjata keramatnya, yang memutuskan ikatan melalui pertalian darah di mana kita orang-orang Melayu pada 1946 telah menjadikan kepentingan Melayu sebagai kuasa pengikat serta menghubungkan seluruh perjuangan umat Melayu.

Kejayaan UMNO '46 ini tidak sesiapa pun boleh menafikannya. Kemampuan Allahyarham Dato' Onn menjelmakan kekuatan umat Melayu melalui UMNO '46 itu tidak sesiapa pun boleh menaikkannya. Kesungguhan Tunku Abdul Rahman memandu UMNO '46 hingga mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 tidak sesiapa pun boleh menafikannya. Keazaman Allahyarham Tun Abdul Razak membangunkan negara melalui Dasar Ekonomi Baru tidak sesiapa pun boleh menafikannya. Ketegasan Tun Hussein Onn dalam menentukan kewangan negara tidak sesiapa pun boleh menafikannya. Sejarah kesucian UMNO, sejarah keagungan UMNO, sejarah keutuhan UMNO, sejarah kekentalan pemimpin-pemimpin UMNO sebelum ini,

semuanya menjadi inspirasi dan aspirasi umat Melayu. Semuanya ini menjadi lambang kejayaan bangsa.

Menyedari revolusi kebudayaan negatif yang mahu diperkenalkan oleh UMNO Baru ini kepada umat Melayu, maka saya turut menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Ahli Partimen dari Gua Musang ini. Menyedari budaya ganas dan zalim mula mengintai ke jantung Pertubuhan Melayu, maka saya rasa kita orang-orang Melayu sudah tidak ada pilihan melainkan terpaksa mengembalikan UMNO yang didaftarkan pada 11 Mei 1946.

Sejarah kegemilangan UMNO '46 tidak harus dibiarkan punah selepas pengharamannya oleh mahkamah. Keutuhannya mula tergugat dan terbelah bila lahirnya UMNO Baru pada Februari tahun 1988. Kita sedar bahawa UMNO dari sebuah parti yang besar akhirnya hancur kerana kemelut politik telah mengatasi matlamat perjuangan bangsa. Kehancuran parti ini tidak terhenti di sini sahaja, melainkan kehancuran bangsa Melayu itu sendiri.

Sekiranya kita ingin melihat umat Melayu terus bersatu, kuat dan berjaya, kita mestilah berusaha menghentikan trend yang sedang berlaku sekarang ini. Jalan yang paling singkat ialah dengan menghidupkan kembali UMNO yang dilahirkan pada tahun 1946. Selama ini umat Melayu berteduh dan bernaung di bawah rimbun kekuasaan UMNO '46. Selama ini umat Melayu boleh melekangkan fahaman atau ideologi bila mahu membangunkan maruah dan perjuangan bangsa. Selama ini umat Melayu boleh menyisihkan kepentingan diri demi memperkuat UMNO '46. Maka tidak ada sebab kita hari ini tidak boleh berbuat demikian. Perpaduan adalah senjata keramat. . . . (*Gangguan di VIP Galery*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, perpaduan adalah senjata keramat yang membolehkan UMNO '46 mengatasi sebarang krisis parti politik di tanahair selama ini. Perpaduan menjadikan UMNO '46 sebagai sebuah parti yang sukar dicabar dalam setiap pilihanraya. Oleh itu, marilah kita mengembalikan perpaduan parti yang mula tergugat dan sedang dilanda krisis ini.

Memang kita sentiasa disogokkan dengan lagu-lagu perpaduan oleh beberapa orang tokoh yang berada di dalam UMNO Baru, tetapi seruan sahaja biarpun baik belum cukup dan tidak menjamin kejayaan. Hasrat dan cita-cita mesti diikuti dengan usaha mengikat peraturan-peraturan tertentu. Seruan perpaduan yang disajikan selepas maki hamun menjadikan ianya seperti jenaka rendah dan murahan, selepas didahului dengan fitnah dan nista tidak ubah seperti bersandiwara dengan anak kecil. Seruan perpaduan selepas dihujani dengan umpat keji sudah tentu sukar untuk diyakini. Seruan perpaduan selepas didahulukan dengan gerakan cantas, tindas, tekan, ugut dan penyembelihan adalah terlalu sukar untuk diterima.

Kita harus sedar bahawa orang-orang Melayu mempunyai nilai sosialnya tersendiri. Kita harus sedar bahawa kita membesar dalam falsafah Melayu tersendiri. Masyarakat Melayu mengajar anak bangsanya tentang baca apa yang tersirat di sebalik apa yang tersurat, datam kilat ada kilau. Oleh kerana kita orang-orang Melayu diajar untuk mengenali kilat ikan di air, oleh kerana kita orang-orang Melayu sentiasa tidak dapat melupakan dunia bidalan, kiasan dan perumpamaan, maka sudah tentu setiap tindakan kita diajar sentiasa berwaspada seperti "kalau

tidak ada berada, masakan tempua bersarang rendah". Maka sebab itulah tawaran perpaduan oleh Presiden UMNO semasa Perhimpunan pada Oktober lepas sukar diterima dan diyakini oleh pencinta-pencinta UMNO '46. Oleh itu perpaduan tidak mungkin terjelma melalui tawaran jawatan semata-mata.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pencinta perpaduan menyuarakan hasrat dan keinginan mereka. Suara-suara positif itu tersebar luas seantero negara. Antaranya suara-suara ahli karyawan melalui PENA iaitu Penulis Nasional. PENA telah mengusahakan satu konvensyen khusus mencari simpul perpaduan Melayu, PENA mahu mencari punca kekusutan, PENA mahu menebas semak-samun penghalang perpaduan. Malangnya, PENA kerana kesucian hasrat disambut dengan kecaman, malangnya PENA kerana keikhlasannya telah membelah kepaduan dan keutuhan organisasinya kerana tekanan penghalang-penghalang perpaduan. PENA terserat dan diheret ke dalam kancang perpecahan yang baru. Hitamlah PENA kerana menerima percikan perpecahan UMNO dan masyarakat Melayu. PENA ketumpulan pena akhirnya. Kalau kita jujur, ikhlas dan benar-benar mahukan perpaduan, kita tidak ada pilihan selain dari menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Gua Musang ini walaupun ianya pahit dan berat.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO Baru kita telah mendengar kata-kata keramat daripada Mark Anthony: "Not that I love Caesar less, but I love Rome more". Dalam perbahasan Dewan yang mulia ini kita dengar pula falsafah Socrates. Benarlah Socrates telah mati kerana racun dan racun yang mematikan. Socrates ini ialah bernama "hemlock". Benarlah mati atas keyakinannya

untuk menjaga kesejahteraan Roma, benar semuanya. Tetapi kita hari ini melihat kematian Socrates dalam sudut yang berlainan. Kita Ahli-ahli Dewan tidak terperangkap dengan pemuja-pemuja kematian Socrates, kita Ahli-ahli Dewan tidak berfikir seperti penganut-penganut Socrates. Kita melihat Socrates dan kematiannya melalui kacamata dan neraca pemikiran kita sebagai umat Melayu dan Islam. Kerana budaya kita dengan budaya pemuja Socrates berlainan, maka kematian dan prinsip Socrates itu tidak menjadi panduan kita. Socrates memilih jalan negatif, Socrates memilih jalan yang tidak diajar oleh Islam. Socrates telah tunduk kepada keengkarannya yang berlenggang dan mencengkam rakyat di Roma di masa itu bila dia memilih untuk tunduk kepada kezaliman dan inilah sikap dan prinsip yang ditegah oleh Islam.

Islam mengajar kita bahawa sesuatu yang hak itu perlu dipertahankan. Islam menyuruh kita menentang kemungkaran dengan apa cara sekalipun, sama ada secara kekerasan ataupun sebaliknya, tetapi sudah tentulah melalui hikmah, bukan secara Socrates. Bukankah lebih baik kalau kita mengambil iktibar daripada Syed Outub yang syahid itu? Tuhan telah mengingatkan kita bahawa kebenaran itu tetap akan mengatasi kebatilan. Keyakinan inilah yang bertunjang kejam kepada kita umat Melayu dan anak-anak Islam.

Maka sebab 'itu kita diajar untuk menyanggah segala bentuk kepalsuan yang cuba diketengahkan kepada masyarakat. Sebab itu kita anak-anak Islam diajar untuk menolak tonggokan-longgokan fakta-fakta yang menyeleweng ke halaman pemikiran rakyat. Sebab itulah kita Ahli-ahli Dewan yang mulia terpaksa menolak pemikiran negatif dan jiwa lemah Socrates yang masih mengkhayalkan pemuja-pemujanya. Oleh kerana kita diajar untuk mempertahankan

kebenaran, oleh kerana kita yakin bahawa kebenaran itu pasti mengatasi kebatilan, oleh kerana kita yakin bahawa sesuatu bangsa itu akan beku melainkan mereka mengubahnya dengan pertolongan Allah, maka sebab itulah kita Ahli-ahli Dewan sekalian tidak ada pilihan melainkan terpaksa menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri terpaksa menyisihkan diri dari UMNO Baru kerana menyakini parti baru ini tidak dapat lahir sebagai sebuah institusi politik umat Melayu. Budaya politik yang sedang diperkenalkan melalui UMNO Baru dirasakan sangat asing dan berbeza. Revolusi kebudayaan diceranakan semasa Perhimpunan Agung UMNO Baru, dirasakan satu trend negatif yang berupa rasukan adalah sangat-sangat membahayakan umat Melayu. Kalau perkara ini tidak disekat dari sekarang, saya kira ianya akan menjadi satu petaka kepada bangsa kita. Jadi bagaimanakah ahli-ahli yang sealiran dengan saya dapat berkompromi dengan gejala-gejala tersebut? Bagaimanakah saya dan mereka yang sealiran dengan saya dapat bercokol dan "bersekongkong" dengan kepimpinan yang rata-rata menolak budaya baik dalam UMNO '46?

Bila pencinta perjuangan Semangat UMNO 46 memperkatakan tentang kecintaan mereka pada perjuangan tersebut, maka terdapatlah di kalangan tertentu yang cuba mempersoalkan pencinta-pencinta tersebut. Mereka cuba hendak berusaha memperkecilkan pencinta-pencinta tersebut, beberapa personal keanakan diketengahkan kepada masyarakat. Mereka secara sombong mempersoalkan tentang tahun kelahiran pencinta-pencinta tersebut. Mereka juga mempersoalkan tarikh kemasukan pencinta-pencinta tersebut ke dalam UMNO 46. Pertanyaan sumbang dan sinis ini sebenarnya dapat menggambarkan tentang

keintelektualan mereka. Pertanyaan dan persoalan yang dibangkitkan itu dapat menggambarkan tentang kecacatan mereka dalam memahami erti perjuangan penglibatan commitment dan pengorbanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah lahir selepas tahun 1946, tetapi tidak bermakna mereka yang lahir selepas tahun 1946 tidak tahu apa yang terjadi sebelum tahun kelahirannya. Tidak bermakna mereka yang tidak seangkatan dengan Gerakan '46 tidak dapat menghayati perjuangan tersebut, tidak bermakna orang-orang selepas tahun 1946 tidak mempunyai semangat dan keyakinan serupa dengan kumpulan seangkatan '46.

Kesinambungan perjuangan yang luhur akan mengalir melalui generasi yang insaf dan sedar. Kesucian perjuangan bangsa akan berterusan melalui anak-anak bangsa yang cintakan bangsanya. Sejarah telah banyak mengajar kita tentang perkara ini, kita sendiri dapat melihat ke dalam perjuangan umat Islam hari ini. Kenapa lahir slogan-slogan yang mahu mengembalikan kita kepada perjuangan Islam yang tulen? Kenapa terus lahir pemimpin-pemimpin dan pejuang-pejuang Islam biarpun mereka lahir ratusan tahun selepas kewalatan Nabi Muhammad s.a.w., Ahlul hadis yang niengumpul dan berjuang tentang kesahihan hadis tahir ratusan tahun selepas Nabi s.a.w. Sulaiman Al-Ayubi lahir ratusan tahun selepas Nabi s.a.w., Aqbar lahir ratusan tahun selepas Nabi s.a.w., Iqbal lahir ribuan tahun selepas Nabi s.a.w., Ali Jinnah, Syed Qutub, Maududi dan banyak lagi pemuka-pemuka Islam termasuk Ya-Mutahir yang tebal dengan perjuangan Islam mereka. Soal bila mereka lahir tidak timbul, soalnya kesungguhan, kesucian, kesanggupan dan keberanian sesuatu individu akan menentukan darjah penglibatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri mengakui memasuki UMNO pada tahun 1981 selepas meninggalkan BERJASA. Tetapi saya tidak pernah memasuki PAS walaupun pada awal persekolahan saya minat saya kepada politik Islam. Kita tidak perlu mempersalahkan sesiapa dengan keadaan yang ada. Kita tidak perlu menuding ke arah mana pun untuk meletakkan beban sehingga UMNO '46 menjadi haram. Bencana besar yang sedang memecah ubun-ubun umat Melayu ini menjadi tanggungjawab bersama. Dosa ini harus dipikul oleh kita semua. Oleh kerana membuat kesilapan, fitnah manusia dan tidak dapat dielakkan, maka perlulah kita semua bertaubat dan memenuhi restu Illahi, kerana manusia tidak dapat lari daripada Allah s.w.t. Sebelum datang sejarah membuktikan kepada generasi akan datang bahawa kitalah pembunuh '46 maka marilah kita atas rasa kesedaran, mengembalikan UMNO '46 keper-sada politik tanahair.

Saya sendiri telah melahirkan kebimbangan terhadap bencana dan petaka yang mungkin melanda UMNO semasa berucap dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1986, mewakili Pergerakan Pemuda UMNO. Saya dengan nada yang terbuka dan diikuti dengan keinsafan serta kecintaan yang mendalam terhadap UMNO menyeru supaya dipulihkan perpaduan dalam parti. Saya juga menyeru agar ahli-ahli UMNO membuang segala yang keruh dan ambil yang jernih. Saya telah menekankan agar keempat-empat tokoh yang penting waktu itu iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Mulia Ahli Parlimen Gua Musang dan Yang Berhormat dari Kota Tinggi duduk semeja dan berunding mencari penyelesaian terhadap segala perkara yang menyentuh soal parti dan negara.

Saya yakin semua Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat tentang saranan dan seruan saya itu. Tetapi saranan saya pada waktu itu disambut dengan dingin. Hari ini bila perkara ini sudah terjadi, maka banyaklah orang yang bercakap soal perpaduan, banyaklah yang meninggikan suara untuk tampil ke hadapan merekalah kononnya jaguh perpaduan. Tetapi semuanya ini saya telah sebut pada tahun 1986, bukan hendak menjadi Hang Nadim menyelamatkan Singapura, tetapi saya sudah merasa keadaan-keadaan yang sudah tidak senang melihat kepimpinan Melayu pada waktu itu. Semua perwakilan pada masa itu termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah dapat menyingkap apa yang tersirat di dalam ucapan saya itu, iaitu menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya tidak meletakkan keyakinan, kepercayaan dan kesayangan secara bertompok-tompok. Saya mahu ianya mestilah tertebat luas kepada semua tokoh di dalam parti. Akhirnya kita dapati bahawa kebimbangan saya itu telah benar-benar terjadi dan sedang melanda parti, natijahnya telah kita ketahui sekarang.

Yang Berhormat Mulia Ahli dari Gua Musang juga menyedari betapa perlunya menjaga keutuhan dan perpaduan parti. Sebab itu selepas sahaja pengumuman rasmi dibuat pada pagi 25hb April, 1987 berhubung pertandingan jawatan Presiden, beliau telah naik ke pentas dan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya sendiri sebagai penyokong kuat kepada Yang Berhormat Mulia Ahli dari Gua Musang, terus mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang menang dan saya menjangka selepas perhimpunan tersebut pucuk pimpinan mencari jalan bagi merapatkan perpaduan ahli-ahli parti. Kalau 718 ahli parti mengundi Ahli Yang Berhormat dari

Gua Musang, tindakan yang pertama oleh seorang pemimpin yang berwibawa ialah hendak mencari sokongan macam mana 718 itu menyokong kembali kepimpinan yang ada, kalau tidak dapat 100% sekurang-kurangnya separuh; kalau tidak dapat separuh, sekurang-kurangnya 1/3. Tetapi yang berlakunya ialah cantas-mencantas, buang-membuang, di waktu bulan puasa yang mulia.

Tetapi, Tuan Yang di-Peftua, gambaran positif Yang Berhormat dari Gua Musang itu telah disambut dengan tindakan yang sangat menghayat hati umat Melayu, di mana selepas ini pesta-pesta penyembelihan melanda umat Melayu di semua peringkat dan setiap bidang. Duga bersambut duga, hiba bersaji hiba, kesal bertatang kesal, akhirnya bendung bencana menyerkup ubun-ubun umat Melayu, bila UMNO '46 sengaja diharamkan bagi menjaga kepentingan pihak-pihak tertentu.

Marilah kita hari ini melupakan siapakah yang mahu menamatkan riwayat UMNO '46. Marilah kita lupakan siapakah yang berusaha membuat rayuan di Mahkamah Agung, marilah kita melupakan siapakah yang meminta Mahkamah Agung mengenenepikan keputusan bertulis Yang Arif Hakim Dato' Harun Hashim, yang telah memutuskan bahawa kepimpinan UMNO hendaklah diserahkan kembali kepada Majlis Tertinggi yang dipilih tahun 1984. Marilah kita melupakan detik-detik pahit itu. Marilah kita memulakan sejarah dan azam baru dengan menghidupkan kembali UMNO '46 dan menyokong usul ini. Tetapi sekiranya UMNO '46 tidak dipulihkan maka sudah pasti rakyat akan mencungkil dan mengungkit segala perkara yang membawa pengharaman UMNO '46.

Rakyat tidak akan lupa tentang persetujuan bersama antara wakil

UMNO dengan "Kumpulan 11" yang tidak mahu menyentuh Perkara 12 (3) dalam sepanjang perbicaraan UMNO. Rakyat tidak dapat perelakian iaitu Sri Ram (peguam UMNO) yang menuntut supaya Seksyen 12 (3) diguna dan sekaligus membunuh UMNO. Rakyat tidak akan menghalalkan peguam UMNO yang menuntut di Mahkamah Agung supaya keputusan bertulis Yang Arif Dato' Harun Hashim ditolak'

Soal keputusan mahkamah, soal perjalanan mahkamah perlulah dilupakan, sekarang kita mengembalikan perundangan kepada institusi penggubal undang-undang negara.

Saya sangat bersetuju dengan kenyataan Yang Amat Berhonnat Perdana Menteri semasa Perhimpunan Ahli-ahli Parlimen yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen Backbenchers selepas pengharaman UMNO, iaitu tidak ada undang-undang buatan manusia yang tidak boleh diubah ataupun dipinda, melainkan ayat-ayat suci Al-Quran. Di masa itu saya sendiri telah memberi sokongan yang bulat dan padu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk terus menjadi Perdana Menteri.

Saya dengan penuh keikhlasan dan keinsafan menyokong Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir kerana tidak mahu maruah ketuanan Melayu tercemar, kiranya terdapat Usul untuk mengumpul beliau dari kerusi Perdana Menteri. Maka sebab itulah saya masih ingat pada 5hb kalau tidak silap saya, saya berhubung dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan menyambut telefon saya pada waktu itu dan keesokan hari saya pulang walaupun tidak dijemput. Sebelum saya bertemu dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya berjumpa dahulu dengan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang. Saya bertanya kepada

Yang Berhormat dari Gua Musang apakah boleh sebab saya hendak menyokong Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri kerana parti kita sudah diisytiharkan tidak sah. Kata Yang Berhormat Mulia dari Gua Musang, "Kalau saya dijemput dengan secara rasmi saya akan turut sokong, sebab kita tidak mahu Ketuanan dan kepimpinan Melayu kita tersungkur dalam Dewan Rakyat yang mulia ini."

Tetapi malangnya, saya juga tidak dijemput, saya pergi dengan secara sukarela bersama dengan Ahli Parlimen dari Shah Alam. Selepas itu sekali lagi saya turut memberikan sokongan melalui perhimpunan simbolik yang saya sebutkan di Parlimen. Dari ucapannya saya dapat merumuskan bahawa beliau mahu menghidupkan UMNO selepas mahkamah mengharamkannya. Saya yakin inilah juga fahaman Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang hadir, tetapi bila menyedari kepercayaan saya ini berbeza dengan kehendak dan selera pucuk pimpinan, maka saya tidak ada pilihan melainkan mencari jalan tersendiri. Tentulah saya dan rakan-rakan yang lain menyusul ke pangkal kepercayaan yang berbeza dengan pucuk pimpinan pada waktu itu dalam memperjuangkan UMNO '46. Saya insaf rupanya saya terperangkap dengan keyakinan saya sendiri. Rupanya saya tidak dapat menangkap iaitu ada kilap di dalam kilau. Dan tidak segan saya menyatakan di sini bahawa saya terpaksa membayar kifarot untuk fakir miskin sesuai dengan tuntutan agama kesan dari sokongan salah yang saya berikan kepada pucuk pimpinan untuk kekal sebagai Perdana Menteri. Sebagai seorang Islam jika saya membuat salah, saya sedia memohon maaf, saya tidak segan silu untuk menyatakan kesalahan saya, dan saya tidak segan silu untuk menyatakan ini dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi

saya menyatakan ini dengan rasa penuh insaf dan tanggungjawab kerana saya tidak lagi berupaya melihat kemelut politik bangsa Melayu yang sedang melanda negara kita sekatang ini. Saya seperti pencinta UMNO '46 yang lain tidak mampu menerima hakikat bahawa UMNO '46 telah diharamkan.

Dengan harapan yang menggunung, saya menunggu agar lahir seorang lagi Dato' Onn yang mampu mengembalikan UMNO ke tengah masyarakat Melayu, semasa dilemma keyakinan inilah saya menerima jemputan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, pemimpin ulung negara. Saya telah memenuhi jemputan Tunku. Selain daripada menghormati beliau sebagai Bapa Kemerdekaan, saya juga percaya beliau mampu memercikkan semangat dan keyakinan kepada golongan muda seperti saya. Semasa perjumpaan di Pulau Pinang, kami difahamkan pihak Ibu Pejabat UMNO tidak akan merayu malah sedang berusaha menubuhkan UMNO '88 di mana kumpulan yang tidak sealiran dengan mereka akan dicantas dan tidak dibenarkan menyertainya dan ini terbukti sebaik sahaja UMNO baru ditubuhkan. Menginsafi keadaan ini Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah mengambil inisiatif untuk menyatukan tenaga UMNO melalui gagasan penubuhan UMNO Malaysia. Ianya sebagai kesinambungan kepada UMNO '46 yang dijelmakan melalui Perlembagaan yang asal seratus peratus, di mana sebelum ini pun UMNO '46 telah dikenali sebagai UMNO Malaysia sejak tertubuhnya negara Malaysia. Atas semangat cintakan perpaduan, Tunku Abdul Rahman telah menjemput secara rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menduduki jawatankuasa sementara dan Yang Berhormat Mulia Ahli

Parlimen Gua Musang tidak menganggotainya.

Pertembungan antara UMNO 88 dan UMNO Malaysia akhirnya kedua-dua telah ditolak, tetapi sehari selepas itu lahirlah UMNO Baru yang mewarisi sifat-sifat UMNO 88 di mana Perlembagaannya rata-rata berbeza dan bertentangan dengan Semangat '46. Asas dan tujuan dalam UMNO Baru, di antara lain, yang mungkin tidak boleh diterima oleh saya sama sekali ialah menghapus apa yang dikatakan kepentingan ataupun hak-hak istimewa orang-orang Melayu. Kedaulatan Raja-raja Melayu telah dipinda dengan Raja berperlembagaan. Dan begitu juga kebudayaan kebangsaan yang sepatutnya berteraskan kepada kebudayaan Melayu, memang semua ini ada di dalam Perlembagaan negara tetapi sekurang-kurangnya dalam sebuah pergerakan politik, ianya merupakan sumber ilham dan kekuatan kita untuk mempertahankan dan memperjuangkan maruah dan martabat bangsa dalam negara yang tercinta ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Mas, panjang lagikah?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Sedikit lagi. Dan sekarang kita berhimpun dan berbincang selaras dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mengubah undang-undang kita demi untuk bangsa dan negara. Selaras dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu, saya kira tidak ada sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian perlu menolak Usul yang dibawa oleh Ahli Parlimen Gua Musang ini. Saya yakin tidak siapa pun di kalangan rakyat melihat terdapatnya keanihan bila Usul ini dapat diterima oleh

Dewan. Ini bukanlah satu keputusan yang luar biasa dan terlalu istimewa. Sebelum ini pun Dewan yang mulia ini pun telah beberapa kali meminda Undang-undang dan membelakangkan tarikh dengan alasan semuanya dibuat untuk kepentingan negara sepertimana kehendak kita hari ini.

Kes membelakangkan undang-undang bukan sahaja berlaku di negara ini, malah ianya pernah diluluskan oleh hampir kesemua negara-negara Komanwel. Dewan yang mulia ini pernah membelakangkan undang-undang atas kepentingan umum berhubung dengan soal pembelian saham BBMB oleh PETRONAS.

Kalau kes mahu menjaga BBMB boleh diterima oleh Dewan sebagai menjaga kepentingan umum, maka adakah di antara Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menganggap UMNO tidak penting kepada umum. Adakah di antara kita yang berani mengatakan bahawa BBMB itu lebih penting dan lebih perlu dari UMNO? Kenapa dalam soal BBMB ada di antara kita bermati-matian mempertahankannya atas alasan kepentingan umum dan bumiputera?

Kenapa hari ini Ahli yang sama turut menentang bila benar-benar menyentuh tentang kepentingan umat Melayu malah bangsa Malaysia sendiri? Ini jelas kerana selepas UMNO '46 diharamkan, negara berada dalam kemelut. Adakah saudara-saudara tenggelam dengan falsafah dan prinsip Socrates? Adakah Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini khayal dengan kepalsuan ajaran Plato, Aristotle dan Hypocrus? Adakah kita Ahli Dewan akan menjaga falsafah Socrates dengan meminjam pemikiran murid-muridnya untuk diterjemahkan dalam membahaskan Usul ini? Adakah kita akan merasakan kebahagiaan melalui ajaran Plato tentang teori kemutlakannya yang menyarankan bahawa dengan satu kod

etika sahaja kebahagiaan akan tercapai. Adakah kita Ahli Dewan yang akan meminjam falsafah Aristotle yang yakin bahawa dasar akhlak yang unggul ialah akhlak mengikut pilihan? Adakah di antara kita menerima falsafah Hypocrus yang menegah mengenegahkan konsep keseronokan dinamik dan keseronokan pasifnya.

Kalau kita berpandukan kepada ajaran Plato, Aristotle dan Hypocrus ini maka pastitah kita melonggok-longgokkan fakta yang salah di Dewan yang mulia ini. Katau kita terikat dengan falsafah Greek tersebut maka tentulah kita seronok membunuh sebuah organisasi yang telah banyak berjasa kepada bangsa dan negara. Kalau kita digenggam oleh falsafah palsu itu, tentulah kita seronok melihat kemunggaran berlenggang di depan mata kita di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau kita menolak falsafah palsu itu, kalau kita berpegang kepada kaedah Islam tentang yang hak maka kita tidak ada pilihan lagi melainkan menyokong Usul ini.

Jadi untuk kepentingan bangsa dan negara, tidak ada sebab Dewan yang mulia ini menjadi double standard, walaupun kita tahu bahawa rakyat adalah tenaga Ilahi untuk mengubah masyarakat., Namun jelas bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat adalah menjadi tenaga Ilahi untuk mengubah undang-undang negara. Janganlah kita membekukan fikiran rasional kita hanya semata-mata ingin menjaga kepentingan diri atau puak untuk masa yang singkat. Saya penuh optimis bahawa kita bukanlah sepertimana Tuhan sebutkan dalam Al-Ouran bahawa terdapat mereka yang tidak mahu mendengar khabar yang baik. Syed Abu Al-Maududi dalam bukunya "Islam Today" menyebut, "Sesuatu negara boleh berkembang dan maju hanya apabila terdapat keharmonian yang menyeluruh antara keinginan rakyat dan polisi Kerajaan. Hanya untuk

idealisma, prinsip dan aspirasi mereka sahaja maka rakyat sanggup memberikan segala pengorbanan ini". Cuma Yang Berhormat dari Permatang Pauh sekarang ini sudah lupa kepada Abu Al-Maududi.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh, Ahli Parlimen daripada Gua Musang kerana kesungguhan dan keberaniannya membawa Usul ini untuk memulihkan UMNO '46 ini. Dan jikalau Usul ini dikalahkan sebab kita tahu bahawa Usul ini akan dikalahkan kerana penyokong-penyokong Kerajaan sudah pun menerima arahan whip, tetapi dua perkara sekurang-kurangnya akan tercapai melalui Usul ini. Satu, sekurang-kurangnya rakyat akan tahu siapalah pembunuh UMNO '46 ini. Dan kedua, saya ingin menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau penyelesaian melalui pemulihan UMNO ini tidak dapat dibuat, maka marilah kita selesaikan masalah politik kemelut negara ini secara "gentleman", bubarlah Dewan Rakyat ini dan kita kembali kepada rakyat dan terpulanglah kepada rakyat siapakah rakyat untuk memberi hak dan mandat untuk memerintah negara kita pada masa yang akan datang. Itulah cara yang paling baik, cara yang gentleman, cara yang sebaik-baiknya kita menyelesaikan kemelut politik. Inilah cara yang paling baik kalau Usul ini dikalahkan, sebab kepada rakyatlah kita kembalinya nanti. Kalau rakyat mengatakan bahawa perjuangan kita ini ditolak maka kita akan terima keputusan rakyat. Tetapi sebaik-baiknya oleh kerana kita semua ini menang atas tiket Semangat '46 dahutu, maka adalah lebih mulia kalau kita kembalikan hak ini kepada rakyat untuk menentukan masa depan siapakah yang wajar diberi mandat untuk memimpin negara seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh

Ahli Parlimen daripada Gua Musang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi merangkap Menteri Pertanian.

7.40mlm.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Usul yang telah dikemukakan oleh wakil dari Gua Musang kelmarin. Alangkah baiknya jika Yang Berhormat dari Gua Musang membawa Usul untuk ~~dan UMNO 46 bahawa UMNO Baru~~ dan UMNO '46 itu sama.

Saya telah mendengar dengan penuh minat dan teliti sama ada di dalam atau di luar Dewan, semua hujah-hujah yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat dari Gua Musang dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain khususnya dari kalangan Pembangkang. Saya telah tidak mengganggu mana-mana kenyataan dan teguran yang telah dibuat. Saya telah mendengar dengan penuh kesabaran segala tuduhan-tuduhan yang saya rasa tidak tepat dari segi fakta dan tidak ikhlas dari segi niat. Di situlah punca kekecohan berlaku sekarang ini di dalam masyarakat Melayu.

Pertamanya, ingin saya jawab tuduhan yang menyatakan saya tidak sayang kepada UMNO. Saya telah menjadi ahli UMNO pada pukul 12.45 tengahari, hari Sabtu, 13hb Oktober, 1963 di waktu umur sekitar 19 tahun. Saya menjadi ahli UMNO di waktu Tunku Abdul Rahman menjadi Presiden, menjadi Ahli Parlimen di waktu Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri dan President UMNO, menjadi Timbalan Menteri di zaman Tun Hussein Onn dan menjadi Menteri di zaman Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad. Sudah 25

tahun menjadi ahli UMNO, lebih panjang umur saya di dalam UMNO dari di luar UMNO. Oleh itu ingin saya selaku Setiausaha Agung UMNO di waktu ianya diisytiharkan oleh Mahkamah sebagai pertubuhan yang tidak sah, membuat penjelasan-penjelasan tanpa gangguan dari ahli-ahli Yang Berhormat kerana saya fikir penjelasan-penjelasan ini boleh membantu membawa kepada sedikit sebanyak ke arah perpaduan bangsa dan negara.

Wakil dari Gua Musang dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah membawa kita kepada peristiwa-peristiwa sejak tahun 1946 iaitu 42 tahun yang lalu. Ada juga yang telah mendedahkan kita kepada kata-kata hikmat sejak sebelum Nabi Isa alaihissalam. Kita juga telah mendengar falsafah-falsafah dari India, dari seluruh dunia, pandangan-pandangan ahli fikir Islam dan peristiwa-peristiwa sejarah, baik Majapahit, zaman Melaka hinggalah perbincangan kita telah melalui jangka masa 3000 tahun.

Izinkan saya di peringkat akhir nanti membawa Dewan yang mulia ini ke tahun 1897 iaitu 91 tahun yang lalu semoga kita dapat melihat perkembangan sejarah bangsa kita yang mungkin dapat memberi panduan kepada kita dalam mengendalikan masa kini untuk masa depan yang lebih cemerlang. Sama ada Usul Yang Berhormat Mulia dari Gua Musang itu diluluskan atau tidak, masalah perpaduan Melayu tidak mungkin akan selesai.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin membawa Ahli-ahli Yang Berhormat kepada peristiwa-peristiwa yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini sejak kelmarin. Pada pendapat saya, enam peristiwa atau persoalan penting yang perlu dijelaskan.

Pertama, bilakah idea membawa UMNO ke Mahkamah bermula?

Selepas pemilihan UMNO dalam Perhimpunan Agung yang diadakan dari 25hb-27hb Mei, 1984, saya telah dilantik menjadi Setiausaha Agung UMNO pada 14 Julai berikutnya. Pada waktu itu saya telah menerima tiga dakwaan di dalam Mahkamah: pertama, dari Bahagian Alor Setar, kedua, dari Bahagian Titiwangsa dan ketiga dari Bahagian Ulu Langat. Kesemua aduan-aduan ini berkaitan dengan wujudnya cawangan-cawangan yang tidak berdaftar. Pada waktu inilah Ibu pejabat telah bertembung dengan implikasi Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966.

Pertemuan-pertemuan telah dibuat dengan mereka yang telah membawa UMNO ke Mahkamah untuk memberitahu bahawa UMNO boleh menjadi pertubuhan yang tidak sah jika kes ini diputuskan di dalam Mahkamah. Ibu Pejabat mendapati semua kes ini telah diketengahkan kerana wujudnya persengketaan di antara ahli-ahli atau tokoh-tokoh UMNO cawangan dengan kepimpinan UMNO bahagian masing-masing. Saya telah bertemu dengan semua yang terlibat dan telah memberitahu kepada mereka bahawa jika kes mereka diteruskan, besar kemungkinan UMNO itu sendiri boleh diisytiharkan sebagai badan yang tidak sah. Atas sebab-sebab inilah maka ahli-ahli UMNO dari Bahagian Alor Setar telah menarik keluar kes mereka dari Mahkamah kerana mereka berpuas hati masalah mereka telah diketahui oleh Ibu Pejabat dan mereka tidak sampai hati untuk bertindak sehingga boleh meng\* haramkan UMNO.

Wakil-wakil dari cawangan dalam bahagian Titiwangsa juga telah ditemui. Mereka juga telah mengambil tindakan ke atas Bahagian dan UMNO Malaysia. Mereka yang mengambil tindakan ini juga telah disaman oleh ahli yang lain dalam cawangan yang sama. Kes ini telah

selesai dengan tergantungnya UMNO Bahagian Titiwangsa.

Ahli UMNO dari Bahagian Ulu Langat telah enggan menank keluar kes mereka dari Mahkamah dan telah tidak menghiraukan peringatan dari Ibu Pejabat. Tetapi UMNO bernasib baik kerana Mahkamah telah memutuskan, dengan izin, Tuan yang di-Pertua:

(Dengan izin)

"High Court struck out the originating summons on the grounds that the affidavit filed by the plaintiff was irregular as it did not meet the requirements or one of the orders in the Rules of the High Court which stated that the sources of information must be cited in the affidavit."

Bahagian Ulu Langat juga akhirnya tergantung.

Setelah melalui pengalaman ini saya telah mengarahkan Ibu Pejabat UMNO supaya menyemak tiap-tiap satu dari lebih 8,000 Cawangan untuk menentukan semua Cawangan berdaftar. Kakitangan Ibu Pejabat telah meneliti satu demi satu Cawangan sehingga sampai 5,000 Cawangan didapati tidak berdaftar. Pada waktu itulah saya telah mengarahkan supaya semua Cawangan didaftarkan semula. Saya juga telah mengarahkan supaya pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1985, setelah Cawangan berdaftar, ahli-ahli Jawatankuasa UMNO di peringkat Cawangan dan di peringkat Bahagian dipilih semula dan ahli-ahli Jawatankuasa UMNO di peringkat Cawangan dan Bahagian yang dipilih pada tahun 1984 tidak dibenarkan memilih sebagai Jawatankuasa. Sebaliknya mereka diminta mentadbirkan Cawangan atau Bahagian sahaja. Arahan ini dibuat kerana pilihan mereka dijangka tidak sah. Walau bagaimanapun, Majlis Tertinggi yang telah dipilih pada tahun

1984 telah tidak dipilih semula pada tahun 1985, walaupun pada tahun 1984 lebih 5,000 Cawangan telah menghadiri mesyuarat agung Bahagian-bahagian dan memilih wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung. Walau bagaimanapun, UMNO Malaysia pada tahun 1985 telah tidak dibawa ke Mahkamah. Apakah mungkin kerana jawatan Presiden telah tidak dipertimbangkan pada 1984, Allah Maha mengetahui.

Ahli Majlis Tertinggi yang dipilih pada tahun 1984 bersetuju sebulat suara tidak diadakan semula pemilihan pada tahun 1985 kerana pada tahun 1987 kita akan ada pemilihan sekali lagi. Jika UMNO diisytiharkan tidak sah kerana kewujudan cawangan yang tidak berdaftar yang melibatkan diri dalam Mesyuarat Agung berertilah atas prinsip yang sama, Majlis Tertinggi yang dipilih pada tahun 1984 juga boleh jadi tidak sah. Malahan UMNO boleh jadi tidak sah sejak tahun 1966. UMNO bernasib baik kerana tidak ada yang membawa UMNO ke Mahkamah. Bermaknalah bukan wujud atau tidaknya cawangan yang tidak berdaftar yang menyebabkan UMNO tidak sah, tetapi kerana adanya orang membawa UMNO ke Mahkamah yang menyebabkan UMNO menjadi tidak sah.

Usul yang dibawa ini ialah untuk dikebelakangkan tarikh pindaan kepada 1hb Januari, 1987 sedangkan UMNO boleh terus dibawa oleh ahli-ahlinya yang sudah diajar untuk membawa UMNO ke mahkamah untuk terus didakwa. Apakah pihak Pembangkang boleh menjamin jika Usul ini diluluskan, tidak ada di kalangannya yang akan membawa UMNO ke Mahkamah kerana wujudnya cawangan yang tidak sah sejak tahun 1966 sehingga tahun 1984? Bagaimana pula dengan kedudukan Majlis Tertinggi yang dipilih pada tahun 1984?

Wakil dari Gua Musang telah mendakwa di dalam ucapannya bahawa pihak peguam defendent bertanggungjawab meminta supaya UMNO diisytiharkan sebagai badan yang tidak sah. Ini adalah satu kesilapan yang paling besar yang pernah saya dengar mengenai kes ini. Inilah soalan yang kedua yang perlu dijelaskan pada malam ini. Besar kemungkinan pandangan begini datangnya daripada membaca akhbar-akhbar asing yang telah menyebut demikian dan menggunakan perkataan "kamikaze". Mark Twain, dengan izin, telah menyatakan: "Lies would have travelled half way round the world before truth put its boots on".

Dari nota perbicaraan yang ditulis oleh Hakim dato' Harun Hashim bertarikh 4hb Februari, 1988 terpampang di muka 67, kata-kata berikut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

(Dengan izin) "Defendants not asking for any declaration merely to dismiss the case. The Court does not have to decide on the illegality at al). Issue on representation alone is enough to decide the case".

Ini bererti nota Hakim jelas menyatakan bahawa pihak yang didakwa melalui peguamnya tidak meminta supaya satu pengisytiharan dibuat mengenai sah atau tidak sahnya UMNO. Kami menghendaki supaya kes ini dibuang dari mahkamah. Perkara ini boleh dibuat oleh Mahkamah dan pendirian peguam yang didakwa telah disokong dalam keputusan Mahkamah Agung pada muka 9 yang berbunyi:

(Dengan izin) "The Learned Judge could have struck out their suit in limine."

Ini bererti jika soal kesahihan UMNO ditimbulkan dari awal lagi, pihak Hakim Mahkamah Tinggi boleh membuang kes ini tetapi apabila

keputusan diperlukan juga di dalam Mahkamah atas sah atau tidaknya cawangan-cawangan UMNO, maka Hakim tidak ada pilihan lain kecuali mengisytiharkan UMNO sebagai badan yang tidak sah. Siapakah yang menuntut supaya soal sah atau tidak sahnya UMNO ditimbulkan? Tidak lain dan tidak bukan, pihak peguam bagi pihak Kumpulan 11. Dengan izin, di dalam Amended Statement of Claim, para 22(b) berbunyi:

(Dengan izin) "By virtue of Section 12 of the Societies Act 1966. UMNO Malaysia cannot establish a branch without the prior approval of the Registrar of Societies and such unauthorised branches are deemed unlawful and therefore do not legally exist".

Adalah jelas jika ini yang dituntut oleh peguam yang mendakwa, maka UMNO menjadi tidak sah.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menjejaskan dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Our lawyers have demanded that as the plaintiffs demand will result in UMNO as a whole being declared illegal, therefore the Court's decision should not be based on the question of illegality, but our lawyers maintained that if illegality be made the subject of the case, then the action should be dismissed in limine. Unfortunately, the plaintiff succeeded in persuading the Court to decide on legality".

Saya ulangi di sini, peguam Kumpulan 11-lah yang menuntut supaya soal sah atau tidak sahnya UMNO dibangkitkan. Oleh kerana peguam yang mendakwa telah membangkitkan Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966 dalam Para 22(b), Amended Statement of Claim, maka Hakim Dato Harun telah menyatakan pada muka 24-25 keputusan bertulisnya bertarikh 14hb April,

1988, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

(Dengan izin) "The provisions of Sections 12 (3) and 41 (c) are clear and unambiguous and it will do violence to the language of the statute if only the unapproved branches are declared by the Act to be unlawful societies but the parent body is not".

Mahkamah Agung telah mempertahankan keputusan ini.

Setelah Mahkamah Tinggi mengumumkan pada 14hb Februari, 1988 bahawa UMNO ialah badan yang tidak sah, pihak defendant terdengar peguam yang mendakwa menyebit mengenai rayuan. Pada waktu itu pihak kami mendengar dengan sedih suara halus yang nyaring menikmati dari kalangan Kumpulan 11 menyatakan, dengan izin, "We have got what we want. Please do not appeal".

Soalan ketiga ialah sekitar pendaftaran UMNO Baru. Pihak kami terus menunggu rayuan kerana yang mendakwa telah kalah dan menghancurkan UMNO dalam kekalahan mereka. Kami tidak ingin percaya jeritan halus di Mahkamah. UMNO tidak dapat bergerak kerana telah diisytiharkan ttdak sah oleh Mahkamah. Tiba-tiba di Hari Jadi Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman di Pulau Pinang tercetus berita mengenai rancangan penubuhan UMNO Malaysia. UMNO Malaysia dipimpin oleh tokoh yang tidak pernah terlibat dalam penubuhan AMNO '46. Yang anih ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir yang terlibat dalam penubuhan UMNO '46 dan juga Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba yang memimpin UMNO di waktu ianya diisytiharkan tidak sah tidak dilibatkan atau dirundingkan lansung mengenai penubuhan UMNO Baru yang dinamakan UMNO Malaysia. Adalah tidak benar jika dikatakan

mereka telah dijemput. Surat jemputannya datang setelah UMNO Baru ditubuhkan.

Saya mengetahui secara peribadi perasaan Tunku Abdul Rahman terhadap Dato' Seri Dr Mahathir sama seperti sikapnya terhadap bapa Dato' Seri Dr Mahathir yang menjadi gurunya. Pada waktu itu terlintas di hati kami bahawa pihak Kumpulan 11 yang sudahpun diisytiharkan sebagai wira kerana jasa mereka mengharamkan UMNO tidak akan membuat rayuan., Apabila kami mengetahui permohonan untuk menubuhkan UMNO Malaysia telah dimasukkan ke Pejabat Pendaftaran Pertubuhan, kami pun tergesa-gesa mengadakan perjumpaan dan memasukkan permohonan di sebelah petang hari yang sama atas nama UMNO 88. Oleh kerana kesuntukan masa, Undang-undang Kecil UMNO '88 dibuat hanya dua muka dan tidak sama dengan yang ada pada UMNO Baru. Malahan perlembagaan UMNO Baru adalah hampir sama dan lebih sama dengan perlembagaan UMNO tahun 1946 yang berbeza jika dibandingkan dengan perlembagaan UMNO yang diharamkan, sedangkan perlembagaan UMNO Baru lebih sama dengan yang tahun 1946.

Oleh kerana kesuntukan masa Undang-undang Kecil UMNO '88 dibuat hanya dua muka sahaja berbanding dengan Undang-undang Kecil UMNO Malaysia yang sungguh rapi. Pendaftaran Pertubuhan telah menolak permohonan pendaftaran UMNO Malaysia dan UMNO '88 kerana Pendaftaran UMNO masih wujud tetapi UMNO tidak sah, lantas tidak boleh berfungsi kerana pengisytiharan mahkamah.

Pada petang 8hb Februari, 1988, saya telah menerima "show cause letter" dari Pendaftaran Pertubuhan. Pendaftar ingin pengesahan atas kewujudan 30 cawangan yang tidak berdaftar dan sama ada kewujudannya

itu dengan tidak sengaja. Sebagai Setiausaha Agung UMNO yang tidak sah tetapi masih wujud, saya telah menjawab surat Pendaftaran Pertubuhan. Saya mengesahkan apa yang telah disahkan di dalam Mahkamah, tetapi saya menafikan ianya dilakukan dengan sengaja. Ada yang bertanya jika ianya tidak sengaja kenapakah pendaftaran dibatalkan? "Tidak sengaja" yang dimaksudkan ialah tidak sengaja di peringkat Ibu Pejabat tetapi yang dibawa di dalam Mahkamah bukanlah Setiausaha Agung sahaja. Apabila pendaftaran UMNO dibatalkan, barulah UMNO Baru didaftarkan. Inilah untungnya berada di dalam kerajaan bahawa kita mengetahui bila UMNO dibatalkan supaya pembaharuan sijil dapat dibuat dalam bentuk UMNO Baru. Perkataan "Baru" dimasukkan atas kehendak Pendaftaran untuk membolehkan pendaftarannya. Saya telah menjawab dengan cepat kerana saya di sepanjang masa ini sedang menjalani rawatan jantung di Subang Medical Centre. Sebaik sahaja selesai urusan pentadbiran ini, saya telah bertolak keluar negeri pada 14hb Februari, 1988 untuk pembedahan atau rawatan jantung..

Tuan Yang di-Pertua, ada yang mengecam pentadbiran Ibu Pejabat. Adalah penting diingatkan bagi sesuatu pertubuhan yang mempunyai ahli 1 juta orang dan bagi sesuatu pertubuhan yang mempunyai cawangan lebih 8 ribu cawangan, jika kita mengetahui pentadbiran maka dalam menjalankan pentadbiran organisasi yang besar seperti itu kita perlu ada delegation of authority.

Saya ingin membacà kepada Dewan ini keputusan-keputusan Majlis Tertinggi yang memberi power of delegation kerana saya perlu mempertahankan pentadbiran Ibu Pejabat yang saya anggap antara yang terapi dalam sejarah UMNO.

Pada 7-4-1984 di dalam mesyuarat UMNO:

*"Perkembangan Politik Semasa.*

Mesyuarat telah membincangkan dengan panjang lebarnya mengenai dengan masalah-masalah dan kekecohan yang berlaku semasa mesyuarat-mesyuarat agung cawangan-cawangan UMNO, Pemuda dan Wanita dan kemungkinan di dalam perwakilan-perwakilan Bahagian UMNO, Pemuda dan Wanita; Majlis Tertinggi telah mengambil keputusan iaitu memberi arahan dan kuasa penuh kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri dan Wilayah bertindak menyelesaikan sebarang kekecohan jika berlaku di peringkat Cawangan-cawangan dan Bahagian-bahagian di Negeri-negeri. Wilayah masing-masing termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Jika berlaku sebarang pertikaian atas hak kehadiran sesebuah cawangan di dalam mesyuarat-mesyuarat perwakilan Bahagian, Perhubungan hendaklah menentukan cawangan-cawangan yang berhak hadir di mesyuarat-mesyuarat perwakilan Bahagian-bahagian yang berkenaan. Keputusan Perhubungan adalah muktamad dan hendaklah bertindak mengarahkan mana-mana bahagian yang telah menyalahgunakan kuasa dan bertindak dengan sewenang-wenangnya melucutkan seseorang ahli jawatankuasa Bahagian supaya ditarik balik.

Hendaklah menghantar pemerhati di dalam mesyuarat-mesyuarat perwakilan Bahagian termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita dan bertindak menyelesaikan sebarang kekecohan jika berlaku".

Ini keputusan 7-4-1974. Apakah ianya masih berlaku pada tahun 1975?

Pada 6-7-1975, Mesyuarat Majlis Tertinggi di antara lain telah menurunkan:

*"Perkara Berbangkit:*

Setiausaha Agung telah menarik perhatian Majlis Tertinggi kepada perkara di muka 15, Agenda 2 mengenai undang-undang dan tafsiran Perlembagaan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di peringkat Bahagian dan kes-kes UMNO yang dibawa ke mahkamah.

Setiausaha Agung telah melaporkan bahawa setelah Mesyuarat Majlis Tertinggi pada 30-3-1985 satu majlis dialog telah diadakan dengan Pengerusi-Pengerusi Tetap, Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Penubuhan Bahagian-bahagian dan didapati adanya perbezaan pendapat dari segi tafsiran undang-undang.

*Keputusannya:*

Untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam 22 Bahagian, Setiausaha Agung mencadangkan supaya diberikan kuasa kepada Badan Perhubungan Negeri supaya diberi kuasa kepada Badan Perhubungan Negeri untuk menyelesaikan semua masalah yang berbangkit di dalam sesebuah negeri dengan rujukan dibuat kepada Ibu Pejabat hanya untuk mendapatkan pandangan Peguam UMNO mengenai aspek undang-undang bagi satu-satu aduan.

Majlis Tertinggi bersetuju dengan cadangan Setiausaha Agung dan mengulangi persetujuan menurunkan kuasa kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri sebagai yang telah

diberi oleh Majlis Tertinggi pada 7-4-1984". Itu 1985.

Tahun 1987.

Pada 7-2-1987, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang meminta penjelasan dari Yang Berhormat Datuk Seri Setiausaha Agung saraa ada ketetapan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi dahulu masih terus diiktiraf, dan dengannya segala perselisihan mengenai mesyuarat agung Cawangan dan Bahagian hendaklah diselesaikan oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri.

Datuk Seri Setiausaha Agung menerangkan keputusan Majlis Tertinggi yang terdahulu yang bersabit dengan perkara tersebut belum dimansuhkan, tetapi Badan Perhubungan UMNO Negeri tidak dibenar memecat atau menggantung sesiapa sebelum diputuskan oleh Jawatankuasa Disiplin.

Setiausaha Agung juga menegaskan hanya cawangan-cawangan yang sah, yang sudah berdaftar pada atau sebelum 31-12-86 boleh menghantar wakil ke Mesyuarat Agung Perwakilan Bahagian".

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira adalah jelas bahawa tidak ada langsung penyelewengan ataupun sebarang kecuaiian di peringkat Ibu Pejabat dan semua yang ada di dalam Dewan ini juga akur kecuali yang tidak menjadi Ahli Majlis Tertinggi pada waktu itu, tahu tentang keputusan-keputusan yang telah dibuat itu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk menyelesaikan semua masalah ini Majlis Tertinggi telah melantik sebuah Jawatankuasa yang terdiri dari Datuk

Abdullah Haji Ahmad Badawi, Dato Napsiah Omar, Dato' Abdul Kadir Sheikh Fadzil, Dato' Hussein dan saya sendiri untuk berjumpa dengan Kumpulan 11 setelah kita tahu implikasi daripada semua ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ada yang dari Kelantan yang telah dikidnapkan, tidak dibenar langsung hadir dalam perjumpaan. Ada yang datang daripada kalangan Kumpulan 11 dibawa makan tengah hari di Ampang Park Restaurant; makan malam di Lake Club; diberi kursus bagaimana hendak bercakap dengan Setiausaha Agung; bagaimana hendak mendekati Setiausaha Agung supaya tidak dipengaruhi oleh Setiausaha Agung.

Kemudian puak-puak 11 ini pun datang ke Ibu Pejabat UMNO. Bila sampai ke Ibu Pejabat UMNO mereka naik ke atas, kita beri minuman; tidak boleh minum kerana ada pesanan Setiausaha Agung ini mungkin ada ilmu-ilmu yang boleh mempengaruhi orang-orang yang minum. (*Ketawa*) Kita suruh makan, tidak boleh makan sehingga selesai perbincangan. Dan di dalam perjumpaan di pejabat-pejabat peguam-peguam tertentu, yang ada di dalam Dewan ini sama ada sebagai pemerhati ataupun sebagai Ahli Yang Berhormat, mereka telah ditaipkan surat untuk tidak mahu menarik balik kes ini dari mahkamah dan surat-surat itu semuanya ditaipkan asing-asing, gunakan lain-lain typewriter, tukarkan wording. Tukarlah wording bagaimanapun; saya bicara tujuh bahasa, saya tahu bahasa itu sama juga. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian suratnya juga berlain-lain. Kemudian datang dalam mesyuarat. Kita tanya kepada Kumpulan 11 yang hadir, kita tanya kepada mereka. "Tariklah kes ini dari mahkamah kerana UMNO boleh hancur". Kita cerita kepada mereka. Pada waktu itu mereka cerita segala persengketaan di peringkat Bahagian.

Kemudian mereka bertanya "Apakah Dato' Seri Dr Mahathir boleh mengampun mereka jika sekiranya mereka tarik balik". Saya katakan, "Saya pernah berdosa dengan Dato' Seri Dr Mahathir tahun 1973 dulu tetapi saya diampun sampai jadi Menteri". Jadi, saya minta kepada mereka supaya tarik balik. Kemudian mereka menjawab, "Kalau tarik balik, malu. Malu hendak tarik balik". Tetapi mereka mengakui bahawa saya sebagai Setiausaha Agung tidak salah. Kemudian saya kata, "Oleh kerana awak sudah mengakui bahawa saya sebagai Setiausaha Agung tidak salah, saya menerima bahawa saya salah supaya awak tidak malu. Tahklah kes ini". Kemudian mereka bertanya, "Apa kami dapat kalau tarik kes ini?" Saya tanya "Apa awak mahu?" (*Ketawa*) Jadi, lama kelamaan saya kata, "Kalau mahu secara peribadi, datang ke pejabat beritahu, kalau mahu secara umum, di sini!" Tiba-tiba satu orang tanya, "Ada jawatan Menteri, berilah!" Saya tanya, "awak yang 11 inikah yang mahu jadi Menteri?" "Bukanlah, geng kami". Lepas itu saya kata, "Okay, Dato' Seri Dr Mahathir saya tahu memangku jawatan Menteri Undang-undang dan dia bukan lawyer. Saya bolehlah bawa ke Majlis Tertinggi balik, recommend supaya salah seorang yang awak recommend jadi Menteri Kehakiman". Jadi, satu orang lagi jawab, "Takkan satu sahaja!". Saya kata kepada dia, "Awak hendak berapa?" Kemudian satu lagi jawab, "Malulah kami". Saya kata, "Beginilah, soal malu saya tanggung, saya letak jawatan. ....

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Sudah diberitahu tadi, tidak ada inteierence, kerana saya tidak benarkan Yang Berhormat. Duduk dulu. Duduklah sihat-sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya beritahu untuk menyelesaikan masalah malu, saya tawarkan diri saya untuk meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung dan mengaku salah walaupun awak sudah kata saya tidak salah. Jawab wakil itu, "Tidak mahulah', kami apa dapat?" Hendak lagi yang dapat, "Hendak berapa jawatan Menteri?" Seorang jawab, "Paling kurang dua." Saya kata, "Susahlah kalau dua, fasal yang kosong satu dan Menteri-menteri yang ada ini dia tidak ada minat hendak letak jawatan." Kemudian saya beri tahu, "Okay, kalau ada dua jawatan awak tarik balik kes ini?" Dia jawab balik, "Ya, kalau ada dua kita bolehlah." "Okay, malam ini saya letak jawatan sebagai Menteri Pertanian supaya ada dua vacancies." Waktu itu' diam sejurus, kemudian seorang berkata, "Yang kita mahu Dato' Seri Dr Mahathir letak jawatan."

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selepas mereka cakapkan itu, saya kata, "Okay, saya boleh beri tahu kepada Dato' Seri Dr Mahathir, ini dia syarat kalau dia hendak tarik balik kes. Encik Ghafar Baba menjadi Perdana Menteri, awak bersetujukah?" "Encik Ghafar pun kita tidak mahu, kita hendak Mesyuarat Agung diadakan sekali lagi." Jelas ini bukan soal legal. Ada orang yang bertanya kenapa kita tidak gunakan seksyen 70 dan sebagainya untuk memberi pengecualian supaya UMNO tidak terlibat dengan semua kesalahan. Tentu kita tidak gunakan seksyen 70 sebab kita tahu kita tidak salah. Kalau kita tahu kita salah, kita betulkan. Kita sudah betulkan pada kesalahan tahun 1984. Dengan izin, the fact that we did't use section 70 is enough proof of our innocence". (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, kalau kami hendak pakai seksyen 70 pun tidak mungkin kerana Penasihat Undang-undang kepada golongan 11 sudah

ambil semua dokumen di Ibu Pejabat, in custody, supaya kami tidak boleh tambah satu document back-dated jadi, mereka lebih cekap, kita pun tidak berniat. Jadi, kecekapan mereka itu salah applied.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh itu pokok pangkal di dalam semua masalah ini ialah ambition untuk menjadi Perdana Menteri. Inilah pokok pangkal kepada masalah ini. Oleh kerana itu sebagai bekas Setiausaha Agung UMNO saya ingin memberi satu formula untuk menjadi Perdana Menteri (*Ketawa*). Serahkanlah kepada Allah s.w.t.

Manusia yang bercita-cita hendak menjadi Perdana Menteri ialah Dato' Onn bin Jaafar, beliaulah manusia yang pertama yang bercita-cita hendak menjadi Perdana Menteri. Kalau dia tidak bercita-cita hendak menjadi Perdana Menteri, dia tidak akan tubuh UMNO. Tetapi rancangan Dato' Onn tidak sama dengan rancangan Allah s.w.t. Itu sebab Dato' Onn letak jawatan, akhirnya dalam planning Allah s.w.t., Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri yang pertama. Maka Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr Ismail dan rakan-rakan berpakat untuk mengajak Tunku untuk memimpin UMNO Makan Tunkulah jadi Perdana Menteri. Allah s.w.t. maha mengetahui, apabila Tunku menjadi Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri. Allah s.w.t. maha mengetahui bahawa Tunku Abdul Rahman umurnya panjang.

Jikalau beliau berhenti menjadi Perdana Menteri apabila beliau sudah tiada lagi, maka sampai sekarang pun beliau masih 'menjadi Perdana Menteri. Maka berlakulah peristiwa 13 Mei, maka adalah alasan sehingga beliau terpaksa berhenti. Naiklah Allahyarham Tun Abdul Razak.

Allahyarham Tun Abdul Razak terpaksa memilih seorang Timbalan. Beliau melihat siapa yang akan menjadi Timbalan. Beliau melihat yang patut jadi Timbalan Perdana Menteri ialah orang yang setia kepadanya dan dia nampak Tun Dr Ismail pernah melawan dia sekali. Jadi Tun Dr Ismail jadi Timbalan. Tetapi Tun Abdul Razak juga cakap. Sesuai dengan selera Allahyarham Tun Dr Ismail dia beri kepada Tun Ismail jawatan Menteri Dalam Negeri, satu jawatan yang tidak mungkin boleh menambah undi dalam pertandingan UMNO.

Jika ada satu kesilapan bagi Timbalan Perdana Menteri yang dahulu iaitu Ahli dari Kota Tinggi sekarang, kenapa beliau tambah hanya 4 undi setelah 3 tahun menjadi Timbalan Perdana Menteri daripada tahun 1981-1984, 3 tahun jadi Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Perdana Menteri bertambah 4 undi. Bermakna dia tambah kawannya satu satu pertiga kawan setahun. (*Ketawa*) Abdullah Arshad dari Bukit Mertajam pun kawan dia bertambah berpuluh-puluh tiap-tiap tahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekali, Tun Dr Ismail jadi Menteri Dalam Negeri, Tun Dr Ismail seorang doktor dan beliau tidak sakit, Allahyarham Tun Abdul Razak bukan doktor dan dia sakit. Sepatutnya yang bukan doktor dan yang sakit kembali kepada Allah dahulu. Tetapi dalam planning Allah s.w.t. Tun Ismail tidak menjadi Perdana Menteri, maka Tun Ismail pergi dahulu. Bila Tun Ismail pergi dahulu Tun Abdul Razak pilih siapa yang hendak dilantik sebagai Timbalannya, dia pilih Tun Hussein Onn. Tun Hussein Onn lebih tua daripada Tun Razak, Tun Hussein bernikah dengan kakak dan Tun Razak nikah dengan adik. Mengikut peraturan alam, yang tua sepatutnya pergi dahulu tetapi dalam planning Allah s.w.t., Tun Hussein itu akan menjadi Perdana Menteri maka Tun

Razak yang lebih muda diambil dahulu oleh Allah s.w.t. Maka naiklah Tun Hussein menjadi Perdana Menteri.

Apabila naik Tun Hussein menjadi Perdana Menteri, dia hendak pilih Timbalannya. Ada 3 Naib Presiden iaitu Encik Ghafar Baba, Tengku Razaleigh dan Dato' Seri Dr Mahathir. Dia hendak pilih yang mana, dia tidak boleh pilih Encik Ghafar sebab dia tahu Encik Ghafar melawan bapanya dahulu—tahun 1951 (*Ketawa*). Nasib Tengku Razaleigh kurang baik, barangkali Tun Hussein lebih suka orang yang berumahtangga, maka Dato' Seri Dr Mahathir telah ditantik menjadi Timbalan. Allah s.w.t. maha mengetahui, Tun Hussein juga umur panjang maka ditakdirkan Tuhan beliau sakit jantung. Orang sakit jantung tidak semestinya cepat mati (*Ketawa*). Yang Berhormat Encik Ghafar Baba sakit jantung, saya pun sakit jantung. Sekarang kata doktor saya 10 tahun lebih muda dari dahulu. (*Ketawa*)

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tetapi takdir Tuhan sakit jantung sebagai alasan, Tun Hussein membuat keputusan untuk berhenti. Naiklah Dato' Seri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri. Ada 3 Naib Presiden—Encik Ghafar Baba, Tengku Razaleigh dan Dato' Musa. Pada waktu itu Encik Ghafar tidak terfikir dia ada chance menjadi Timbalan Perdana Menteri fasal dia dengan Dato' Seri Dr Mahathir sama "muda". Dato' Seri Dr Mahathir tidak terfikir hendak melantik Encik Ghafar menjadi Timbalannya kerana dia tahu Encik Ghafar sama muda. Maka tinggallah Dato' Musa dengan Tengku Razaleigh. Pada waktu itu antara dua ini bersaing, akhirnya yang satu menang iaitu Dato' Musa. Biar terang saya katakan bahawa Dato' Musa menang sebenarnya kerana sokongan yang indirect seperti orang

macam saya ini kepada Dato' Musa Hitam di waktu itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dato' Musa pun menang dan menjadi Timbalan Perdana Menteri. Kemudian Dato' Musa letak jawatan. Kenapa Dato' Musa letak jawatan? Cari sebab kenapa Dato' Musa letak jawatanlah maka semuanya jadi kelam kabut sekarang ini. Sebenarnya Dato' Musa letak jawatan kerana rezeki Encik Ghafar Baba (*Ketawa*). Sekarang apa yang menjadi masalah ialah dua orang tokoh di hadapan saya ini sama muda. Sekarang semua orang fikir yang mana mati dahulu. (*Ketawa*) Bila Encik Ghafar sakit ada yang menangis, ada yang buat kenduri (*Ketawa*). Apabila Dr Mahathir batuk, ada orang yang naik bimbang. Pendek kata, saya rasa-rasa dua orang hamba Allah ini akan hidup sampai semua yang ketagih hendak jadi Perdana Menteri mati dahulu. (*Ketawa*)

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana saya minta pada awal-awat tadi, saya ingin secara ringkas meletakkan nasib bangsa Melayu ini dalam "framework" yang lebih luas. Apa yang saya ceritakan ini bukan satu "law", bukan satu "theory", bukan satu "hypothesis". Ianya hanya garis panduan yang mempunyai 1-2 tahun "error", untuk garis panduan.

Mula-mula tahun 1897. Walaupun ini sudah kadangkala keluar di tempat lain, tetapi penting untuk rakaman Dewan yang mulia ini.

Pada tahun 1897 Thailand telah bermesyuarat dengan British. Pada mesyuarat Thailand dengan British itulah satu keputusan telah dibuat, 4 buah negeri Melayu masuk ke Siam dan 4 buah negeri Melayu masuk ke Malaysia. Di Thailand—Weng, Narathiwat, Pattani dan Yala. Ke Semenanjung—Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Apabila ini

berlaku, tahu sahajalah bagaimana nasib orang Melayu yang beragama Islam di Selatan Thailand, di sebelah kita. Kita sudah menjadi satu golongan yang jumlahnya berkurangan kerana kita mengetahui jumlah Melayu yang di Semenanjung hampir sama dengan jumlah Melayu yang berada di Selatan Thailand. Pada waktu itu negeri-negeri Melayu di Semenanjung telah berpecah kepada 4; negeri yang dahulunya dibawah jajahan Siam—Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu; negeri Straits Settlements—Pulau Pinang dan Melaka; negeri Pederated Malay States—Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan dan Negeri Johor daripada Johor—Riau dahulu—4. Daripada saat itu Orang Putih telah memperkenalkan British Advisor. Satu demi satu negeri menerima British Advisor dan setiap negeri yang menerima British Advisor telah membuat "state national anthem" sendiri, menyanyi lagu negeri sendiri, menghormati bendera negeri sendiri. Bila selesai proses mengadakan British Advisor pada negeri-negeri Melayu selesai dalam masa 18 tahun.

1897 + 18 kita dapat 1915. 1914 ialah tahun apabila negeri Johor, negeri terakhir, menerima British Advisor. Daripada tahun 1915 negeri-negeri Melayu diajar berfikir bukan dari segi Melayu, tetapi dari segi negeri. Tidak wujud lagi orang Melayu pada waktu itu. Yang ada ialah orang Perlis, orang Kedah, orang Pulau Pinang, Seberang Perai, orang Perak, orang Kelantan, Terengganu, Pahang dan lain-lain. Pendek kata, proses mewujudkan semangat negeri sudah mula berlaku dan jiwa Melayu itu telah dihakiskan. 1915 pendek kata, bermulalah semangat kenegehan.

18 tahun kemudian. 1915 + 18, pada tahun 1933. Tahun 1933 ialah tahun apabila ekonomi dunia pulih setelah melalui krisis dari tahun 1929 fce 1932. Pada tahun 1929 ke 1932 banyak

orang-orang keturunan Cina dan India yang ada di Malaysia balik ke negeri masing-masing kerana harga bijih dan harga getah sudah turun. Pada tahun 1933 orang-orang keturunan Cina dan India datang beramai-ramai balik. pada waktu itu Orang Putih telah membahagikan Melayu, Cina, India—asing-asing. Melayu dipisahkan daripada Cina, daripada India. India di ladang, Melayu di kampung, Cina di lombong dan berniaga kecil-kecil. Semangat perkauman telah diasaskan mulai tahun 1933.

Pada tahun 1946, apabila semangat perkauman sudah menular di dalam negara, apabila semangat kenegerian sudah menjadi-jadi sampai orang Melayu sudah tidak ada identiti lagi, pada waktu itulah Orang Putih mahu tubuhkan Malayan Union. Pada waktu itulah Dato Onn bangun dan menyarankan slogan "Hidup Melayu" kerana Melayu pada waktu itu sudah mati. "Hidup Melayu", "Hapuskan Semangat Kenegerian" sehingga Melayu yang bersatu, dengan Cina yang bersatu dan India yang bersatu melalui parti masing-masing mula berjuang untuk kepentingan negara.

1933 + 18 = 1951. Pada tahun 1951 Melayu berpecah lagi kerana Pengerusi Dewan Ulama UMNO telah keluar daripada UMNO, tubuh PAS. Yang anihnya, orang yang keluar daripada UMNO untuk tubuh PAS, dia sendiri tidak pernah memimpin PAS, malahan Orang Putih menghadiahkan kepada beliau untuk jadi Ahli Dewan Perundangan Pulau Pinang. Pendek kata, memecahkan Melayu kepada UMNO dan PAS boleh dapat hadiah daripada pihak penjajah.

Tahun 1951 ialah tahun apabila kita berpecah dengan parti yang berlaku sampai hari ini.

Tahun 1957 kita merdeka. Bila kita merdeka, kita telah membuat perjanjian keselamatan. Jika dalam masa 10 tahun kita, Melayu, Cina dan

India berkelahi, Orang Putih akan balik. Bermaknalah jika kita gaduh antara kaum pada tahun 1967 ataupun sebelumnya, kita akan dijajah semula. Kita bernasib baik, kita tak berkelahi sebelum tahun 1967, tetapi kita berkelahi pada tahun 1969. Di manakah letaknya punca perkelahian ini? Punca perkelahian ini kerana keruntuhan kuasa politik Melayu. Apabila kuasa politik Melayu, saya difahamkan waktu itu bukan dari kalangan Ahli Yang Berhormat sekarang ini, tetapi ahli DAP waktu itu telah pergi ke rumah Menteri Besar Selangor kencing di tiang bendera. Itulah sebabnya, akhirnya meluap semangat Melayu dan tercetus Peristiwa 13 Mei. (*Tepuk*)

Tahun 1962 UMNO telah dikafirkan oleh PAS. Apabila UMNO dikafirkan oleh PAS pada tahun 1962, orang Melayu mula berpecah. Nasib baik pada pilihanraya tahun 1964 perpecahan itu belum jadi buruk. Tetapi pada pilihanraya tahun 1969, kafir-mengkafir telah menular sampai rata-rata kita kalah pilihanraya, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang.

1951 + 18 = 1969.

Lepas 1969, Melayu sibuk dengan Dasar Ekonomi Baru. Rata-rata kita bercerita fasal ekonomi, kita berhenti cerita fasal politik. "No more political courses", dengan izin. Semua kursus-kursus politik sudah tidak ada lagi. Yang ada pada kita hanya kursus ekonomi. Di masjid, khutbah ekonomi. Radio cerita fasal ekonomi. TV cerita fasal ekonomi. Suratkhbar cerita fasal ekonomi. Khutbah cerita fasal ekonomi. Segalanya fasal ekonomi. Boleh kita bercerita fasal ekonomi, tetapi kalau kita bercerita fasal ekonomi dengan cara terpisah daripada kesedaran politik, kita mewujudkan satu masyarakat yang materialistik dan meterialismnya itu tidak disampingkan dengan semangat perjuangan. Pada waktu itu bangsa Melayu yang tadinya jiwa politik lebih

daripada ekonomi, sanggup berlumba-lumba untuk berkorban. Bangsa Melayu sudah jadi bangsa berlumba-lumba untuk jadi kaya. Daripada bangsa yang mahu berkorban, sudah jadi bangsa yang mahu kaya. Yang kita mahu ialah kaya pun kaya, sambil kaya sambil berkorban.

1969 + 18 = 1987. Perhimpunan Agung UMNO sebelum ini sejak tahun 1946 apabila mahu memilih pemimpin soalan yang pertama ditanya ialah bolehkah pemimpin itu diharapkan kepentingan politik Melayu dan kepentingan negara Malaysia. Pada tahun 1987, malangnya isu kita ekonomi, sampai orang kampung pun cerita harga bijih timah naik turun, orang kampung cerita harga getah, naik turun, orang kampung cerita harga minyak, naik turun, orang yang tidak pernah ada kereta, yang naik gegek sana sini pun cerita fasal harga minyak naik turun.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, ajaran ekonomi yang telah kita buat waktu kempen untuk pertandingan 1987 telah merosakkan economic thinking of the Malays, dengan izin. Harga minyak turun di Indonesia, orang tidak salahkan Presiden Suharto; harga minyak turun di Arab Saudi, orang tidak salahkan Raja Fahd; harga minyak turun di England orang tidak salahkan Ratu Elizabeth ataupun Margaret Thatcher; harga bijih timah turun di Thailand, orang tidak salah Prem Tinasulanon; harga kelapa sawit turun di Indonesia, orang tidak satahkan Presiden Suharto; harga apa pun turun, orang tidak salahkan pemimpin, tetapi harga bijih, kelapa sawit, getah, harga apa sahaja turun, salah Dato' Seri Mahathir Mohamad. Sekarang bila harga barang-barang ini sudah naik orang mengatakan ini tidak ada sangkut-paut dengan Dr Mahathir. Jadi, kerja Dr Mahathir ini perturun sahaja, tidak boleh naik. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setelah saya katakan semua ini, soalan yang kita mahu dengar ialah bila masalah ini akan selesai. Saya rasa tidak lama lagi selesai, kerana minat Melayu dalam menghadapi masalah bermusim-musim. Dahulu kita tahu satu masa orang Melayu kata sibuk dengan hal komunis. Apabila orang Melayu sibuk dengan hal komunis, maka pada waktu itu semua cerita fasal komunis, sampailah 2 orang Timbalan Menteri kena tangkap. Waktu itu orang Melayu tidak mahu cerita fasal komunis, fasal sudah termakan korban. Kita cerita fasal Freemason, semua hot fasal Freemason. Bila tamat fasal Freemason? Bila Ibu Pejabat Freemason depan Muzium Negara ditolak oleh bulldozer, Melayu tengok—puas. Walhal Ibu Pejabat dia pindah tempat lain, yang penting bagi kita bukan itu, tetapi Ibu Pejabat sudah kena tolak, bagi kita puas. Lepas itu kita cerita fasal rasuah, rata-rata kita dengar fasal rasuah. Bila tamat kes rasuah? Bila seorang Menteri Besar masuk jel fasal rasuah, lepas itu, waktu itu kita kata, cukup, cukup—sudah cukuplah, sudah makan korban.

Saya katakan dulu bila UMNO sudah mula kena penyakit saman menyaman, saya beri tahu kepada perjumpaan di mana-mana, bila akan tamat kes saman menyaman ini. Saya kata, tunggulah; sekarang ini Ketua Hakim Negara sedang menghadapi panel, bila dia kena sahaja, dia yang terima saman, dia itu yang kena berhenti, waktu itu tamat kes saman menyaman. Sekarang sudah tamat dah. Isu kemudian, apa? Saya katakan tahun ini, waktu kita mahu merayakan Hari Kemerdekaan, saya katakan isu ke depan mesti bersatu. Itu sebab Jawatankuasa Hari Kemerdekaan kata, introduce tema BERSATU—let us quarrel about bersatu. Sekarang kita sedang berkelahi fasal ini—fasal perpaduan. Kita berkelahi fasal

perpaduan dan kita akan terus berkelahi fasal perpaduan sehingga termakan korban. Bila akan termakan korban?

1987 + 18 = 2005. Apabila negara tidak aman lagi dan apabila sistem Raja berpelembagaan sudah terancam begitu hebat, apabila sistem demokrasi berparlimen menjadi satu masalah, pada waktu itu kita tanya apakah akan ada lagi keharmonian dalam negara seperti sekarang? Bukankah cara berpolitik kita apabila bangsa Melayu berpecah belah akhirnya Cina dan India jadi sasaran, apabila Cina berpecah belah akhirnya Melayu dan India jadi sasaran, apabila India berpecah belah, akhirnya Melayu dan Cina jadi sasaran, terlebih dahulu dia sama dia jadi sasaran. (*Ketawa*)

Saudara sekalian, adat Melayu berkelahi macam orang bersilat, mula-mula kita tumbok dulu, lepas tumbok kita tunggu, orang tumbok balik, kalau kita rasa sakit, kita berhenti, kita salam, kalau masing-masing tidak sakit, kita sepak dahulu, bila kita sepak, kita tunggu penyepak kawan, akhirnya kawan sepak kita, sama sakit, kita salam. Apa yang menjadi masalah dalam Dewan ini semua kita yang bercakap ini fikir kita itu betul, semua ini—yang membangkang kata dia betul, yang mencadang kata dia betul. Baguslah macam itu, daripada semua kata dia salah. (*Ketawa*) Oleh kerana kita semua ini betul, akhirnya yang benar ialah siapa akan sakit. Saya percaya semua akan sakit, cuma sakit lebih dengan sakit sedikit. Akhirnya apabila bangsa sudah jadi sakit, apabila Melayu sudah menjadi seperti pendatang haram Vietnam, nasib seperti pelarian Palestine, pada waktu itu sakit cukup teruk. Kejayaan kita sama ada kita boleh menyatu padukan bangsa dan menyatu padukan antara kaum di dalam negara. Bergantung kepada apakah kita dapat melihat "the vision of the future". Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud) :** Yang Berhormat dari Jasin merangkap Timbalan Perdana Menteri. Selepas ini saya akan selesaikan masalah Usul ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*)

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** (*Bangun*)

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, berilah saya peluang untuk bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak. Yang Berhormat duduk dulu.

8.37 mlm.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sidang Dewan pada kali ini agak istimewa kerana jarang-jarang sekali Usul yang dibawa oleh Pembangkang dapat dibahaskan kerana kesuntukan masa. Tetapi pada kali ini Usul daripada Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang sengaja diminta oleh Kerajaan supaya dibahaskan dalam Dewan ini. (*Tepuk*) Bukan sahaja kami bersetuju dibahaskan tetapi kami meminta dengan jasa baik Tuan Speaker supaya dipercepatkan. Malangnya Ahli Yang Berhormat yang membawa Usul ini minta cuti, kalau kami mahu bermain songlap, kami akan teruskan membentangkan Usul ini dengan ketiadaannya, Usul itu akan hilang begitu sahaja, tetapi kami mahu Usul ini dibahaskan, maka dengan sebab itu kami sanggup menunggu dan ditangguhkan usul itu sehingga pada hari ini, sehingga beliau lapang dan dapat datang membentangkan usulnya sendiri dalam Dewan ini. (*Tepuk*)

Usul ini boleh dipendekkan tetapi dengan kebijaksanaan Tuan Speaker

dan pihak Kerajaan bersetuju penuh supaya usul ini dibahaskan dengan sedalam-dalamnya dan diberikan kepuasan hati sebanyak-banyaknya, luahkanlah segala perasaan tidak puas hati tuan-tuan terhadap Kerajaan, terhadap batang tubuh orang perseorangan, kami sedia mendengar dan memberikan jawapannya.

Tuan-tuan sekalian, (*Ketawa*) Tuan Speaker, saya datang ke Dewan ini dengan perasaan terbuka, dengan harapan yang sangat tinggi, mudah-mudahan bertambah dekatlah kita, akan timbullah perdamaian di antara kita sesama sendiri. (*Tepuk*) Tetapi daripada mula ucapan dijalankan di sini sehinggalah hari kedua, saya merasai amat dukacita, nampaknya makin sehari kita makin renggang dan makin jauh. Kumpulan '46 yang menggelarkan Semangat '46, suka saya memberi nasihat kepada tuan-tuan, kalau hendak tahu Semangat '46 yang betul, tanyalah orang tua ini yang tahukan hal Semangat '46 yang sebenarnya. (*Tepuk*) Semangat '46 ialah semangat berkorban sematamata untuk kepentingan parti, bangsa dan negara, tidak ada semangat merebut pangkat untuk memegang teraju, baik di dalam parti ataupun Kerajaan. (*Tepuk*) Semangat '46 ialah semangat bekerja, semangat persahabatan, berganding bahu antara satu dengan lain untuk mencapai matlamat perjuangan. Bukan tidak ada pertandingan—Tunku Abdul Rahman pun bertanding sekali, Tun Razak juga bertanding dengan Tun Dr Ismail tetapi pertandingan berjalan dengan cara yang sangat sihat, pertandingan secara persahabatan, tidak ada buruk memburuk, tidak ada fitnah memfitnah, politik wang jauh sekali dan apabila pertandingan selesai, mereka berjalan seiring selenggang seperti yang lalu. Inilah menyebabkan UMNO berjaya dan itulah yang dikatakan Semangat '46.

Tuan-tuan sekalian, apakah semangat itu ada pada tuan-tuan

sekalian pada hari ini? Jauh seperti bumi dengan langit! (*Tepuk*) Oleh itu, saya nasihatkan tuan-tuan, jangan sebut lagi Semangat '46, tidak betul sama sekali.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya telah dinasihatkan oleh Tuan Yang di-Pertua, tidak ada interference.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada penjelasan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Boleh.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan kalau hendak tahu Semangat '46 itu tanyalah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini, apa yang saya fahamkan dengan Semangat '46 itu ialah bersangkutan-paut dengan penubuhan UMNO pada tahun 1946. Adakah Yang Amat Berhormat ketika itu menyertai UMNO pada tahun 1946?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum UMNO ditubuhkan, saya telah menyertai sebuah parti politik lebih dahulu daripada ayahanda pihak yang bertanya ini. (*Ketawa*)

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Soalan saya hendak tanya adakah Yang Amat Berhormat menyertai UMNO pada tahun 1946?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Sabarlah sekejap. Bila hendak jawab pun ada mukadimahlah sedikit. (*Ketawa*) Saya telah menjadi ahli politik sebuah pertubuhan yang bernama Partai Kebangsaan Melayu

Malaya yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan, kalau tidak dapat dengan baik, dengan jahat pun British akan dikeluarkan daripada negara ini. (*Tepuk*) Apabila Kongres Melayu yang pertama diadakan di Kuala Lumpur, parti saya menghantar wakil—saya tidak pergi kerana saya terlalu muda, baru berumur 18 tahun. Walaupun batang tubuh saya tidak hadir dalam Kongres itu tetapi parti saya hadir dalam Kongres itu bersamasama untuk menubuhkan UMNO pada akhirnya. (*Tepuk*) Secara indirectly saya telah terlibat dengan Kongres dan penubuhan UMNO, tetapi saya tidak mahu menyertai UMNO pada peringkat awal kerana saya telah menjadi ahli sebuah parti politik yang lain, yang lebih progressive lagi. Tetapi apabila parti ini diharamkan oleh British pada tahun 1948, saya telah mendiamkan diri selama 7 tahun, mengambil bahagian aktif dalam Trade Union, bukan Wakil dari Puchong sahaja yang tahu Trade Union. (*Ketawa*) saya lebih dahulu menjadi member Trade Union, tetapi tidak berkelakuan seperti beliau itu! (*Ketawa*)

Tuan-tuan sekalian, apabila Dato Onn meletakkan jawatan, memang betul apa yang disebut oleh Datuk Seri Sanusi, wakil Jerlun-Langkawi tadi, saya bergaduh dengan dia sebab itu saya tidak mahu ikut dia dan apabila dia meletakkan jawatan dan Tunku mengambilalih pada tahun 1951, kali pertama saya berjumpa Tunku di Melaka saya melihat orangnya, batang tubuhnya sasa cuma dia bercakap Melayu loghat Cambridge yang sukar sangat hendak saya faham, (*Ketawa*) tetapi gaya-gaya tokoh jadi pemimpin itu ada. Maka saya pun menceburkan dirilah dalam UMNO ini dan daripada hari saya menjadi ahli UMNO sehingga UMNO diharamkan, selama 39 tahun saya memegang jawatan tidak berhenti walaupun satu hari. (*Tepuk*) Saya menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO 30 tahun berturut-turut, lebih lama daripada Tunku

Abdul Rahman. (*Tepuk*) Saya duduk di dalam Dewan ini yang paling lama sekali, sudah 35 tahun, (*Tepuk*) Naib Presiden 25 tahun. Semua rakan-rakan saya yang bertanding dahulu setengahnya sudah meninggal dunia, setengahnya sudah tua, sudah tidak ada lagi. Inilah manusia ini, tinggal seorang ini yang ada di dalam Dewan ini, yang sedang bercakap ini. Ada pertanyaan lagi? (*Ketawa*)

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Saya punya soalan cukup senang, adakah pada tahun 1946 Yang Amat Berhormat menyertai UMNO? Bilakah Yang Amat Berhormat menyertai UMNO? (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Sudah jawab. Tuan-tuan sekalian, banyakkah tuduhan yang dilemparkan kepada sahabat saya Perdana Menteri. Saya berasa sedih kerana tuduhan-tuduhan itu pada pendapat saya tidak benar dan apabila tuduhan ditujukan kepada Kerajaan, maka saya sebagai seorang ahli Kerajaan adalah juga tersinggung kerana bertanggungjawab sama dalam Kerajaan pada hari ini. Kami terima segala kecaman itu kerana kami faham dalam negara demokrasi memang setiap orang rakyat bebas, tetapi apa yang paling menyedihkan saya apabila mendengar ucapan daripada sahabat saya dari Gua Musang yang mengatakan bahawa UMNO atau pemimpin UMNO yang ada pada hari inilah yang bertanggungjawab menjadikan UMNO haram. Sebagai halilintar membelah bumi terperanjatnya saya mendengar cerita ini. Selama ini yang kita tahu mereka yang membawa UMNO ke mahkamahlah yang bertanggungjawab, saya tidak pernah membawa UMNO ke mahkamah, fasal apa saya pergi haramkan UMNO. (*Tepuk*) Rupa-rupanya mengikut kenyataan yang lebih lanjut daripada beliau, lawyer UMNO meminta kepada hakim gunakan seksyen 12 (3), tolonglah haramkan

UMNO. Saya ada maklumat daripada mahkamah tetapi tidak perlu saya bacakan kerana sahabat saya Datuk Seri Sanusi telah bacakan dengan panjang lebar tadi. Saya berharap tuan-tuan menerima kenyataan ini, lawyer UMNO ada berkata di dalam mahkamah, meminta hakim janganlah sampai menggunakan seksyen 12 (3) itu sehingga UMNO menjadi haram.

Tuan-tuan sekalian, katakanlah betul lawyer UMNO minta diharamkan, apakah hakim mahu mendengar cakap lawyer? Tuan-tuan semua adalah kononnya menjadi jaguh mempertahankan Kehakiman, bermakna tuan-tuan percaya kepada hakim dan sekarang tuan-tuan pula secara indirect implikasinya menuduh hakim tidak berdiri tegak mengikut undang-undang tetapi takut atau mendengar cakap lawyer. (*Tepuk*) Saya fikir kalau hakim mengambil tindakan yang serius, this is contempt of court, kerana menghina hakim, menuduh dia mengambil tindakan biased mengikut kehendak lawyer-lawyer itu di belakang yang pakai baju Melayu senyum sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat-Berhormat sekalian, bagaimana ceritanya maka UMNO ini telah dibawa ke mahkamah? Ada orang berkata zaman Tunku perkara macam ini tidak jadi, zaman Allahyarham Tun Haji Abdul Razak perkara macam ini tidak jadi, zaman Tun Hussein perkara ini tidak jadi. Memang betul, tidak jadi kerana pada waktu itu tidak ada manusia berperangai seperti orang 11. Kalau ada manusia berperangai seperti orang 11 zaman Tunku masa itu lagi UMNO telah haram, dan Tunku tersungkur daripada menjadi Perdana Menteri ataupun pemimpin UMNO. (*Tepuk*) Adakah semua cawangan-cawangan UMNO berdaftar dalam tahun 1966? Tidak.

Saya jadi Ketua Bahagian UMNO di Melaka dengan 200 buah cawangan, berpuluh yang tidak berdaftar, tetapi kerana tidak ada orang Kumpulan 11

dalam geng saya di Melaka, jadi selamatlah UMNO. Saya ingin bertanya kepada Kumpulan 11 yang mereka bawa UMNO ke mahkamah tujuan apa? Tak usahlah jawab dengan suara, jawab dalam jantung hati sendiri. Apa yang sebenarnya yang mereka buat ini? Adakah mereka bertujuan hendak bersihkan UMNO? Kalau itu tujuannya saya angkat topi, cukuplah jujur, tidak ada manusia yang lebih jujur daripada mereka lagi, mendedahkan pekung di dada. Tetapi bukan itu tujuannya, tujuannya ialah hendakkan supaya mahkamah memerintahkan diadakan Perhimpunan Agung semula, macam mana kami hendak mengadakan Perhimpunan Agung semula kerana kami mengikut Perlembagaan parti.

Perlembagaan Parti mengatakan apabila diadakan satu pertandingan di mana dua calon mendapat undi yang sama, maka hendaklah diadakan pengundian sekali lagi, dan katau kali yang kedua undi itu sama juga, maka cabut undi hendaklah diadakan. Oleh kerana undian dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 24-4-87 itu bertelingkah, tidak sama banyak, maka tidak perlu menggunakan peraturan ini. Jadi Perhimpunan Agung itu sah dari segi Perlembagaan UMNO. Seribu lima ratus orang yang berkumpul dalam perhimpunan agung UMNO di World Trade Centre adalah ahli UMNO yang sah. (*Tepuk*) Mengikuti Perlembagaan UMNO mereka menjadi ahli, diterima oleh cawangan, cawangan bertanggungjawab menerima ahli bukan Ibu Pejabat, dan cawangan itu pula ditubuhkan dengan kehendak bahagian. Jadi cawangan pun halal, UMNO itu pun halal, ahlinya pun halal, mereka inilah yang datang begitu jauh daripada kampung, Ulu Kelantan, Ulu Terengganu berkumpul di Kuala Lumpur hendak memilih pemimpin mereka, setelah mereka menggunakan hak mereka mengundi tiba-tiba nasib yang paling buruk mereka terima, parti yang disayangnya itu telah terkorban.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, supaya kita dapat berdamai janganlah kita bangkitkan, tuduh-menuduh seperti ucapan sahabat saya dari Gua Musang, lupakan yang lalu. Saya sanggup lupakan cerita Jama, cerita UMNO diharamkan itu lupakan (*Tepuk*) mari kita shake hands. (*Ketawa*) Kalau sekiranya ada juga orang hendak gasak lagi "Kumpulan 11", saya cadangkan janganlah malu minta maaf sekali lagi. Orang Melayu memang suka memaafkan orang minta maaf—habis cerita.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau kita teruskan hal-hal macam ini, apakah keuntungan kita perolehi? Saya menghuraikan masalah itu bagaimana UMNO diharamkan. Suka saya sebutkan lagi saya telah menjadi Ahli Majlis Tertinggi selama 30 tahun, saya tidak pernah jumpa seumur hidup saya, Majlis Tertinggi bersidang tiga kali dalam tempoh satu bulan, inilah zaman Dr Mahathir jadi Pengerusi. Sebabnya bila saya tanya mengapa doc? (Doktor saya panggil doc sahaja) Mengapa sampai tiga kali mesyuarat? Dia kata biarlah perhimpunan agung berjalan dengan sebersih-bersihnya. Beliau tidak mahu melihat "rumah sudah pahat berbunyi", tiga kali mesyuarat. Saya rasa malu pada bangsa asing, Melayu hendak Mesyuarat Agung, tiga kali mesyuarat sebulan. Ini semua muka-muka depan ini ada hadir sama, bukan tidak ada, bukan tuantuan tidak tahu, saya bukan bohong dan dalam tiap-tiap kali bersidang, soal cawangan tidak berdaftar bangkit.

Kita telah buat peraturan Ahli Yang Berhormat dari Kota Tinggi yang menjadi Pengerusi membuat peraturan, setelah bahagian bermesyuarat dua minggu kemudian, kalau tidak ada pengaduan dibuat oleh cawangan, bahagian itu dikira sah. Kita ada peraturan maka didapati tiga bahagian di mana cawangan tidak berdaftar, maka ketiga-tiga bahagian itu diminta mengadakan persidangan semula.

Saya masih ingat UMNO Bahagian Kuantan, UMNO Bahagian Batu, UMNO Bahagian Sungai Benut, betul atau tidak Dato' Radzi?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Betul.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Betul, terima kasih. Tidak dapat lari.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Yang Amat Berhormat, sebab saya bukan menjadi Ahli Majlis Tertinggi ketika itu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Bukan Majlis Tertinggi?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Bukan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Minta maaf. Jadi Tuan Yang di-Pertua, beginilah telitinya kita hendak menjaga parti kita, tetapi sebuah parti yang mempunyai ahli sebanyak 1,400,000 orang yang mempunyai cawangan sebanyak 8,600 buah cawangan tentulah sukar hendak mengadakan satu pentadbiran yang teratur. Walaupun begitu, saya memberi kepujian kepada Datuk Seri Sanusi Junid, semenjak beliau menjadi Setiausaha Agunglah beliau berusaha mendaftarkan semula cawangan yang belum berdaftar. 5,000 buah cawangan yang tidak berdaftar, jangan salahkan Presiden UMNO, jangan salahkan Setiausaha Agung UMNO, seluruh Ahli UMNO terutama mereka yang pernah menjadi Ahli Majlis Tertinggi mesti bertanggungjawab di atas kelemahan parti kita ini. *(Tepuk)* Apakah Ahli-ahli Yang Berhormat tidur dalam Majlis Tertinggi?

**Dato' Musa bin Hitam:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Penjelasan Yang Berhormat?

**Dato' Musa bin Hitam:** Penjelasan! Minta ampun. Penjelasan satu sahaja, kalau tidak salah saya 5,000 cawangan

UMNO didaftarkan waktu saya menjadi Setiausaha Kerja dan bukan waktu Setiausaha Agung Datuk Seri Sanusi Junid.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Ini tidak betul. Saya minta Dato' Musa tarik balik, tidak betul!

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat waktu saya menjadi Setiausaha Kerja dahulu, mula-mula kita mendaftarkan UMNO mengikut Akta Pertubuhan, di mana saya sendiri menandatangani banyak cawangan-cawangan dengan dia punya formnya semua, beribu, penat tangan saya. Ini didaftarkan. Tak tahulah selepas itu, saya tidak tahulah entah ada pendaftaran baru, tetapi awalnya, asalnya pendaftaran pada permulaannya saya yang membuat.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Tinggi mungkin ada menandatangani banyak borang-borang, tetapi mengikut pendaftaran yang dikatakan didaftarkan itu bukan Setiausaha Kerja tandatangan pendaftaran, tetapi Pendaftar Pertubuhan mengeluarkan sijil. Ini tidak ada daripada tahun 1966. *(Tepuk)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira, saya minta maaf kalau parti-parti politik lain termasuk kawan-kawan saya dalam Barisan Nasional kalau hendak bandingkan UMNO dengan parti-parti lain dari segi pentadbirannya, kitalah "is the best". Encik Lee Kuan Yew waktu berada di Malaysia pun mengakui beliau mengatakan pentadbiran, perjalanan UMNO inilah yang paling bersih dan kukuh. Demikian pujian yang diberikan kepada kita. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, parti politik ialah sebuah persatuan yang kita kata volunteer bukannya satu association yang boleh dapat untung, maka tentulah pentadbirannya tidak

sebagaimana yang kita harapkan. Daripada 8,000 buah cawangan jika 30 sahaja tidak berdaftar itu sudah 99%, kalau dalam peperiksaan dapat kelas "A".

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada masa Majlis Tertinggi bersidang sebelum Perhimpunan Agung, saya tidak pernah dengar seorang pun daripada Ahli Majlis Tertinggi mencadangkan supaya perhimpunan agung ditangguhkan kerana didapati ada kekusutan cawangan-cawangan tidak didaftarkan. Jika ada cadangan itu keluar, saya akan menyokong, perhimpunan agung mesti ditangguhkan. Tidak ada! Saya mahu tanya ini Ahli Majlis Tertinggi yang ada di hadapan saya, baik kita berdepan hari ini, tidak ada, itu menunjukkan mereka puas hati.

**Dato' Rais Yatim:** Penjelasan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Ya, boleh.

**Dato' Rais Yatim:** Saya yang juga dahulu pernah menjadi Ahli Majlis Tertinggi, tidak tahu menahu tentang perkembangan yang dirujuk oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya cuma bertanya. Adakah tidak orang mencadangkan supaya ditangguhkan perhimpunan agung. Kalau ada cadangan tangguh, kita tangguh. Kita mahu biarlah perhimpunan agung itu berjalan dengan sebersih-bersihnya. Tidak ada cadangan untuk ditangguhkan maka persidangan agung itupun dilaksanakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kumpulan 11 sudahpun mengetahui sebelum perhimpunan agung, ada cawangan-cawangan UMNO yang tidak berdaftar. Sepatutnya hendaklah salah seorang berdiri dalam perhimpunan agung beritahu kepada Chairman, supaya perhimpunan agung

ditangguhkan, jika ada cawangan-cawangan haram hadir dalam perhimpunan agung itu. Tetapi tidak seorang pun bangkit. Jadi kami semua fikir perhimpunan agung itu boleh berjalan dengan bersih.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, apabila selesai perhimpunan agung tidak sampai maksud mereka untuk memenangi pemilihan itu, rumah sudah pahat berbunyi, tiba-tiba kita dengar 11 orang telah pergi ke mahkamah. Salah seorang daripada Ahli Majlis Tertinggi yang suaranya halus mengaku terus terang yang menyogokkan 11 orang ini pergi ke mahkamah sedangkan beliau juga menjadi Ahli Majlis Tertinggi. *(Tepuk)*

Mengapa dia tidak bangkitkan dalam Majlis Tertinggi bahawa kami akan pergi ke mahkamah jika sekiranya perhimpunan agung tidak diadakan semula. Tidak ada. Di mana kejujuran. Inilah yang menyedihkan saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada satu cara lagi kita hendak betulkan UMNO sebelum pergi ke mahkamah. Minta diadakan perhimpunan agung khas. Ada dalam Perlembagaan, bukan saya buat, bukan Dr Mahathir buat, kita semua luluskan. Perhimpunan Agung Khas UMNO boleh membatalkan pemilihan pada 24 April 1987. Tidak ada seorang pun, berbuat demikian tuan-tuan tolak Perlembagaan parti yang kita sokong. Hari ini saya dengar tuan-tuan kata, balik Perlembagaan lama, balik Perlembagaan lama, Wakil dari Jelebu kata, sepatah pun tidak boleh tukar, balik ke Perlembagaan lama, buat apa? Buat Perlembagaan lama tidak diikuti. Kalau tuan-tuan ikut hari itu, adakan perhimpunan agung khas, senang, tidak payah pergi ke mahkamah. Bila sampai mahkamah, habis ceritalah. Inilah cerita UMNO diharamkan dan saya minta tuan-tuan insaf, tuan-tuanlah yang telah bertanggungjawab menyebabkan UMNO pergi ke mahkamah dan diharamkan. *(Tepuk)*

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang timbul soal kedua hendak hidupkan UMNO. Kononnya Menteri Dalam Negeri salah. Tidak mahu gunakan Seksyen 70, untuk menghidupkan UMNO. Tuan-tuan sekalian, Seksyen 70 boleh digunakan kalau perkara ini tidak pergi ke mahkamah. Kalau sudah pergi ke mahkamah, macam mana hendak kacau mahkamah, kita hendak hormat mahkamah, tuan-tuari kata keutuhan mahkamah, keluhuran mahkamah. Jadi kita tidak boleh campur hal mahkamah. Apabila mahkamah menjatuhkan hukum UMNO ini mati, langsung tidak boleh campur lagi. Seorang Doktor boleh mengubati seorang pesakit, bila dia sudah mati tidak ada guna lagi. Itulah Seksyen 70. Oh! Team B merayau seluruh dunia, seluruh negeri, menuduh Dr Mahathir sengaja kononnya tidak mahu gunakan Seksyen 70. Ada power, memang dia hendak UMNO ini mati.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sama ada dalam ingatannya pernah atau tidak digunakan atau diberikan sebarang pengecualian kepada UMNO di bawah kuasa yang ada kepada Menteri Dalam Negeri sebelum daripada tarikh 1987 itu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:**

Jawabnya tidak ada. Kita tidak beri kerana kita tidak mahu dituduh salah guna kuasa. Inipun orang telah tuduh beliau jadi diktator, kalau digunakan kuasa yang itu lebih lagi menekankan beliau sungguh-sungguh benar seorang diktator. Saya teringat, apabila Wakil Johor Bahru bangkit sebentar tadi saya minta Wakil Johor Bahru tolong dengar saya, dalam ucapannya semalam, Wakil Johor Bahru bersungut dalam Majlis Tertinggi, Presiden parti tidak memberitahu bahaya Seksyen 12 (3) itu dengan sepenuhnya. Malangnya seorang

penggubal undang-undang tidak tahu undang-undang negara. Minta orang lain pula tolong beritahu. *(Tepuk)*

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**  
*(Bangun)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:**  
Bolehlah saya beri jalan.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan dalam ingatan saya di dalam mesyuarat Majlis Tertinggi ketika membincangkan tentang soal kes yang dihadapi oleh UMNO, tidak pernah ditimbulkan tentang bahayanya Seksyen 12 (3) kerana telah ditimbulkan oleh salah seorang daripada Ahli Dewan Rakyat yang bertanya kepada saya, mengapa sedangkan kumpulan 11 telah diberitahu tentang Seksyen 12 (3), sedangkan kumpulan itu diberitahu tetapi di dalam mesyuarat Majlis Tertinggi tidak pula diberitahu tentang Seksyen 12 (3).

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Kami semua berfikir bahawa Yang Berhormat dari Johor Bahru pun dalam kumpulan 11 juga. Jadi kalau tidak, baharulah hari ini saya tahu rupanya dalam kumpulan 11 ini pun ada dua blok juga.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah bahawa kumpulan 11 itu ialah kumpulan 11 yang membawa kes UMNO ke mahkamah. Kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh menyemak nama-nama mereka yang membawa kes itu ke mahkamah, tidak terlibat nama saya dan tidak terlibat Cawangan saya ataupun Bahagian saya.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Speaker, orang 11 ini, masakan dia mahu buang masa, buang belanja hendak datang tambang daripada Kuantan ke mari pun atau dari Grik

kemari pun barangkali tidak terdaya kalau tidak ada sokongan daripada satu kumpulan dan saya tidak tahu sama ada kalau Wakil dari Johor Bahru hendak menolak biarlah dia tolak, maknanya dia beritahu kawan-kawannya yang lain, bahawa dia tidak campur hal ini. (*Ketawa*)

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Ya, Ahli dari Johor Bahru.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**  
Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hendak menyatakan bahawa saya memberikan wang ataupun sokongan kewangan kepada kumpulan 11 ini. Kerana yang menjadi penting kepada saya ialah bukan Kumpulan 11.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Yang Berhormat Johor Bahru, teruskan.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**  
Kalau dibenarkan kepada saya untuk meneruskan. Kerana yang menjadi masalah kepada saya bukan soal UMNO telah diisytiharkan sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang, kerana itu merupakan satu perkara yang telah ditimbulkan dan diakibatkan oleh satu tindakan, oleh satu kumpulan yang berasingan daripada saya, ketika itu dan sampai ke saat akhir saya menjadi Ahli Majlis Tertinggi dan saya telah menjadi Ahli Majlis Tertinggi secara taat dan setia mengikut sumpah yang saya lakukan dan kalaulah saya rasa tidaklah adil bagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cuba menuduhkan bahawa saya menjadi sebagai dalang pula kepada Kumpulan 11. Kalau boleh dibuktikan, saya harap berikan buktinya, kalau tidak boleh tolonglah tarik balik.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Kalau Yang Berhormat Wakil dari Johor Bahru tidak masuk kumpulan 11, memanglah saya tarik balik. Saya cuma hendak pengakuannya sahaja. (*Ketawa*) Sebab yang saya tahu mereka ini berganding bahu, bersama-sama dalam kempen di Johor Bahru, berkempen di Parit Raja, berkempen di merata-rata tempat. Jadi, saya ingat dia tidur sekelambu dengan semua orang Kumpulan 11. Jadi, hari ini baru saya tahu dia tidak campur rupanya Kumpulan 11, saya ucap tahniahlah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga sekarang yang saya hendak bincangkan sini, macam manakah UMNO hendak dihidupkan semula? Inilah pokok yang penting sekarang ini. Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang tidak boleh menghidupkan UMNO dengan sendirinya walaupun diluluskan pada malam ini, tidak boleh kerana dalam usul Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang tidak ada menyebutkan soal memberi kuasa untuk memerintahkan Registrar of Society membatalkan semula UMNO yang didaftarkan pada 13hb Februari, 1988. Saya beri Ahli-ahli Yang Berhormat fikir sejenak. Saya bukan lawyer, sebab itu saya kena cakap perlahan-lahan sedikit.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju setakat peringkat yang pertama dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tetapi saya masih ingat pada 18hb Mac, 1988 ketika membahaskan tentang soal pindaan kepada Akta Pertubuhan, saya telah memohon kepada Perdana Menteri untuk menggunakan kuasanya di bawah Seksyen 18F untuk membatalkan tindakan Pendaftaran Mahkamah itu dan keengganan Pendaftaran-pendaftar Pertubuhan. Kalau ketika itu Perdana Menteri sebagai Menteri Dalam Negeri menggunakan Seksyen 18F untuk membatalkan tindakan Pendaftaran

Pertubuhan, saya rasa tidak sampai ke sini, usulnya sampai ke sini. Saya rasa sudah selesai ketika itu dalam bulan Mac, bukan sampai melalui pilihanraya kecil Johor Bahru, sampai ke sini, tidak. Saya membuat permintaan itu dalam Dewan Rakyat ini. Yang menjadi soal kepada saya, yang telah saya huraikan dalam ucapan saya pada bulan Mac dan sampai juga dalam ketika ini ialah mengapa tidak menggunakan kuasa yang ada pada Menteri Dalam Negeri untuk menggunakan Seksyen 18F ketika itu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya beri penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Boleh, Yang Amat Berhormat.

**Perdana Menteri:** Kalau pun seorang itu jadi Menteri dan berkuasa, tidaklah bermakna bahawa dia boleh menggunakan kuasanya mengikut sesuka hatinya. Kalau sesuatu perbuatan itu adalah satu perbuatan yang salah maka bolehlah Menteri itu memberi arahan supaya perbuatan yang salah itu dibetulkan. Tetapi Registrar ataupun Pendaftar telah mengambil tindakan kerana keputusan mahkamah yang berkata bahawa UMNO sudah tidak sah, jadi dengan kerana itu maka pihak Registrar berhak mengikut kehendak undang-undang dan keputusan mahkamah memansuhkan pendaftaran UMNO yang telah diharamkan itu. Kalau saya pula beri arahan yang bertentangan dengan keputusan Mahkamah, ini bermakna bahawa saya tidak menghormati keputusan Mahkamah. Dan saya tidak ada sebab kenapa saya boleh menolak keputusan Mahkamah yang dibuat secara sah atas permintaan dan tindakan oleh Kumpulan 11 yang disokong oleh orang-orang tertentu. *(Tepuk)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cukuplah,

saya tidak setuju lagi kerana saya hendak habiskan ucapan saya ini.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Amat Berhormat, dia bangun.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Saya hendakkan kebenaran.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua. ....

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** . . . .saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kebetulan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ingin mendengar kebenaran.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya tidak beri, Yang Berhormat.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Ini soal kebenaran, kalau tidak hendak beri tidak mengapa.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi balik Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia dari Gua Musang tidak membolehkan secara automatik UMNO yang didaftarkan pada 1946 dihidupkan semula kerana dalam usul itu tidak ada suatu perbekalan yang boleh mengarahkan Pendaftar mengharamkan UMNO yang ada pada hari ini. Pendaftar tidak boleh mengharamkan sebuah parti yang telah didaftarkan secara undang-undang dan berjalan dengan baik mengikut undang-undang. Dr Mahathir tidak boleh haramkan, tidak boleh bubarkan UMNO. Dia seorang tidak boleh membubarkan UMNO. Saya tidak boleh bubarkan UMNO, Majlis Tertinggi tidak boleh membubarkan UMNO. Hari ini kita ada satu juta ahli UMNO. Mengikut Perlembagaan UMNO mereka semua mesti setuju

dibubarkan barulah UMNO boleh dibubarkan.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**  
(*Bangun*)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya tidak mahu beri jalan lagi. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau sekiranya setelah diluluskan Usul ini terpaksa dibuat satu permintaan baru supaya UMNO didaftarkan. Jadi, sekarang sudah ada dua UMNO. Mengikut Seksyen yang ada dalam Akta Pertubuhan, Registrar of Society akan menolak apabila didapati parti yang baru itu mempunyai nama yang sama dengan sebuah parti lain yang telah lebih dahulu didaftarkan namanya sama iaitu Seksyen 73 (d) Akta Pertubuhan. Jadi, Usul ini menjadi sia-sia sahaja, tidak dapat menyampaikan maksudnya. Sebab itu baiklah kita berhenti setakat ini, kita tolak sahaja usul ini. Tidak usah panjang-panjang cerita lagi. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Mulia dari Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah iaitu Dewan ini membenarkan Ahli dari Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, mengemukakan Rang Undang-undang Persendirian bertajuk Suatu Akta bagi meminda Akta Pertubuhan 1966, disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 46, saya mohon izin untuk belah bahagian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ada permintaan belah bahagian di bawah

Peraturan Mesyuarat 46 (4), saya pinta 15 orang ahli bangun untuk menyokong.

(*Lebih 15 Ahli bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah ada lebih 15 ahli bangun menyokong. Saya perintah diadakan belah bahagian. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama 2 minit.

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan berbelah bahagi.*

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat tidak dibenarkan berucap. Sila duduk!

**Tuan Haji Abdul Rahtnan bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak ucapkan tahniah kepada Kumpulan 46 kerana mendapat sokongan kuat daripada DAP.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat tidak dibenarkan berucap. Sila duduk!

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dilantik menjadi Penghitung Undi, sila ambil tempat Ahli Yang Berhormat masing-masing di hadapan blok Ahli Yang Berhormat. Jangan berjalan lagi, kita belum mula lagi.

Baiklah, undian dijalankan sekarang.

**Beberapa Ahli:** Hoi!

**Timbalan Vang di-Pectua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat, sila diam sedikit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusan yang kita nanti-nantikan. Yang Bersetuju kepada Usul ini diluluskan, 35 undi; (*Tepuk*) Yang Tidak Bersetuju kepada Usul ini

diluluskan, 108 undi. (*Tepuk*) Lebih suara yang tidak bersetuju. Usul pindaan ini ditolak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

YANG BERSETUJU:

1. Dato' Musa Hitam.
2. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.
3. Dato' Rais Yatim.
4. Dato Shahrir Abdul Samad.
5. Datuk Haji Zakaria bin Abdul Rahman.
6. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman.
7. Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad.
8. Dato' Zainal Abidin Zin.
9. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali.
10. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.
11. Dato' Haji Kamaruzaman bin Ahmad.
12. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan.
13. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Najib.
14. Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail.
15. Tuan Haji Ibrahim bin Ali.
16. Dr Chen Man Hin.
17. Tuan Lee Lam Thye.
18. Tuan Gooi Hock Seng.
19. Tuan Sim Kwang Yang.
20. Dr Tan Seng Giaw.
21. Tuan Fung Ket Wing.
22. Dr V. David.
23. Tuan Peter Paul Dason.
24. Tuan Chian Heng Kai.
25. Tuan Lianus Andrew Luwak.
26. Tuan Ting Chek Ming.
27. Tuan Teoh Teik Huat.
28. Tuan Gerard Math Lee Min.
29. Tuan Ngoi Thiam Woh.
30. Dr Eng Seng Chai.
31. Tuan Hu Sepang.
32. Tuan Liew Ah Kim.
33. Tuan Tan Kok Wai.
34. Tuan Hsing Yin Shean.
35. Tuan Samson Chin Chee Tsu.

YANG TIDAK BERSETUJU:

1. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad.
2. Tuan Abdul Ghafar bin Baba.
3. Dato' Dr Ling Liong Sik
4. Dato' Dr Lim Keng Yaik
5. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen A l - H a j
6. Datuk Sri Sanusi bin Junid.
7. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze.
8. Tuan Anwar bin Ibrahim.
9. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar.
10. Dato' Paduka Daim Zainuddin.
11. Dato' Chan Siang Sun.
12. Tuan Lee Kim Sai.
13. Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.
14. Datuk Kasitah bin Gaddam.
15. Tuan Ng Cheng Kiat.
16. Dato' Mohamed bin Rahmat.
17. Dato' Haji Sabbaruddin Chik.
18. Dato' Napsiah binti Omar.
19. Tuan Mustaffa bin Mohammad.
20. Tuan D. P. Vijandran.
21. Dato' K. Pathmanaban.
22. Tuan Luhah Wan.
23. Tuan Mohd. Kassim Ahmed.
24. Dato' S. Subramaniam.
25. Dato' Oo Gin Sun.
26. Dato' Megat Junid bin Megat Ayob.
27. Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha.
28. Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali.
29. Dato' Alexander Yu Lung Lee.
30. Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed.
31. Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman.
32. Dato' Kok Wee Kiat.
33. Tuan Woon See Chin.
34. Tuan Kalakau Untol.
35. Tuan Loke Yuen Yow.
36. Tuan Railey Jaffrey.
37. Tuan Law Hieng Ding.
38. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail.
39. Dato' Alias bin Md. Ali.
40. Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman.

41. Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus.
42. Dr Leo Michael Toyad.
43. Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.
44. Tuan Abdul Ghani bin Othman.
45. Drs Suleiman bin Mohamed.
46. Cik Teng Gaik Kwan.
47. Tuan Haji Awang bin Jabar.
48. Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad.
49. Tuan Peter Chin Fah Kui.
50. Tuan Ong Tin Kim.
51. Tuan M. G. Pandithan.
52. Tuan Abdul Rahman bin Suliman.
53. Tuan Adam bin A. Kadir.
54. Datuk Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi.
55. Tuan Othman bin Abdul.
56. Dr Ting Chew Peh.
57. Dato' Abdul Ajib Ahmad.
58. Dr Goh Cheng Teik.
59. Puan Hajjah Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohammed.
60. Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
61. Datuk Haji Sakaran bin Dandai.
62. Tuan Mohamed bin Jamrah.
63. Datuk Peter Tinggom Kamarau.
64. Tuan Haji Mohamed bin Abdullah.
65. Tuan Nasreddin bin Haji Alang Saidin.
66. Tuan Thomas Salang Siden.
67. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.
68. Dato' Abdullah bin Ahmad.
69. Tuan Haji Basri bin Bajuri.
70. Tuan Douglas Uggah Embas.
71. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit.
72. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah.
73. Tuan Mutang Tagal.
74. Tuan Mohamed Sam Sailan.
75. Datuk Kadoh Agundong.
76. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
77. Tuan Ahmad bin Omar.
78. Tuan Justine Jinggut.
79. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar.
80. Tuan S. S. Subramaniam.
81. Tuan Michael Asang.
82. Tuan James Jimbun Pungga.
83. Tuan Tiew Sung Seng.
84. Tuan Chua Jui Meng.
85. Dr Patau Rubis.
86. Tuan Taiming Lumaing.
87. Tuan Law Lai Heng.
88. Tuan Mohd. Sharif Jajang.
89. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.
90. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar.
91. Tuan Hashim bin Safin.
92. Tuan Mobamed bin Isa.
93. Tuan Jawah anak Gerang.
94. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.
95. Tuan Mohd. Subky in Haji Abd. Raof.
96. Tuan Ismail bin Said.
97. Dr Abdul Hadi Derani.
98. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan.
99. Dato' Dr Afiffuddin bin Haji Omar.
100. Tuan Madatang bin Morejal.
101. Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie.
102. Tuan Mohd. Noh bin Rajab.
103. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latif.
104. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob.
105. Tuan Chew Kam Hoy.
106. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad.
107. Tuan Shahidan bin Kassim.
108. Tuan Zubir bin Embong.

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.27 malam.*